




KEMENTERIAN
PENGAJIAN
TINGGI 2010



PELAN STRATEGIK **PENGAJIAN TINGGI NEGARA**

KOLEKSI AKTIVITI TERPILIH
(Semakan Keserakanan Disember 2009)





MESEJ YB MENTERI PENGAJIAN TINGGI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) adalah satu usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk mentransformasikan pengajian tinggi negara dalam melahirkan modal insan kelas pertama dan boleh memainkan peranan utama dalam menjadikan Malaysia bertaraf sebuah negara maju. Dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti bagi Critical Agenda Projects (CAP) PSPTN, pelan tindakan yang jelas dan teratur di institusi pengajian tinggi (IPT) adalah penting untuk memastikan aktiviti yang dilaksanakan berdasarkan kaedah yang terbaik untuk mencapai objektif yang ditetapkan dalam konteks sesuatu IPT tersebut.

Buku ini mengandungi koleksi aktiviti-aktiviti terpilih yang telah dan sedang dilaksanakan di semua IPTA untuk menjayakan CAP dalam pelaksanaan PSPTN. Fokus koleksi ini adalah kepada aktiviti-aktiviti yang boleh dimanfaatkan bersama oleh semua IPT. Justeru itu, saya berharap penerbitan buku ini dapat berfungsi sebagai rujukan dan juga sumber untuk menggerakkan pembudayaan amalan penanda-arasan di kalangan IPT dalam menjayakan pelaksanaan PSPTN.

YB Dato' Seri Mohamed Khaled Bin Nordin
Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi



MESEJ DARI KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) adalah satu usaha berterusan yang memerlukan penggembleran tenaga pelbagai pihak, terutama sekali pihak institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Kerjasama pintar antara pihak-pihak berkaitan di IPTA dalam konteks ini amatlah penting, terutama sekali mengambil kira bahawa kebanyakan proses kerja utama di IPTA dalam pelaksanaan projek-projek agenda kritikal (CAP) bagi PSPTN tidak jauh berbeza. Komitmen yang diberikan oleh IPTA sehingga kini amat memberangsangkan, dan adalah menjadi satu kerugian jika aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sebagai terjemahan kepada komitmen tersebut, samada yang terbukti berkesan, ataupun berpotensi besar untuk berjaya, tidak dikongsi bersama. Sejarah membuktikan bahawa melaksanakan sesuatu perkara berulang kali tanpa membawa kepada hasil yang diharapkan menuntut kita melakukan perubahan. Di sinilah IPTA boleh menjadi sumber maklumat yang penting antara satu dengan lain. Setiap IPTA mempunyai kekuatan tersendiri, dan perkongsian kekuatan akan menjadikan sektor pengajian tinggi Negara lebih teguh dan mantap dalam mencapai transformasi yang digariskan dalam PSPTN.

Koleksi aktiviti pelaksanaan PSPTN seperti ini adalah satu permulaan yang amat baik dalam usaha melancarkan proses perkongsian dan untuk memulakan budaya penanda-arasan di kalangan IPTA. Maklumat yang dikongsi dapat membantu dalam proses pembuatan keputusan berkaitan dengan penambahbaikan yang ingin dilaksanakan. Buku ini seharusnya digunakan dengan minda yang terbuka, dan dengan iltizam untuk menghasilkan sesuatu yang lebih baik melalui pembelajaran berterusan.

Pengumpulan aktiviti-aktiviti untuk tujuan dokumentasi ini tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa kerjasama beberapa pihak, terutama sekali pihak iPMO di semua IPTA. Tahniah juga kepada pihak PMO dan AKEPT KPT kerana berjaya dalam usaha kompilasi aktiviti-aktiviti terpilih bagi CAP PSPTN bagi sesi semakan Disember 2009. Saya yakin bahawa buku ini akan menjadi satu dokumen rujukan yang penting dalam pelaksanaan PSPTN oleh IPTA, dalam usaha berterusan KPT untuk merealisasikan hasrat PSPTN dan menyumbang kepada Misi Nasional.

Datuk Dr. Zulkefli bin A. Hassan
Ketua Setiausaha,
Kementerian Pengajian Tinggi



MESEJ DARI PEJABAT PENGURUSAN PROGRAM (PMO) KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Sesi Semakan Keserakanan (Peer Review; PR) bagi pelaksanaan projek-projek agenda kritikal (CAP) Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang melibatkan universiti-universiti awam telah dilaksanakan pada November/ Disember 2009. Sepanjang proses tersebut, sesuatu yang amat ketara ialah proses pembelajaran yang terselit dalam wacana yang berlaku antara wakil IPTA yang disemak dan pihak panel semakan, yang juga dari IPTA. Rentetan dari itu, wujud satu kesedaran akan keperluan mendokumenkan pengalaman dan pengetahuan sesuatu IPTA dalam pelaksanaan agenda PSPTN, untuk memastikan bahawa perkongsian maklumat boleh berlaku dengan selancar yang mungkin. Aktiviti-aktiviti yang didokumenkan adalah yang telah disemak oleh panel penilai PR, dan yang dianggap sebagai sesuatu yang perlu ditonjolkan secara eksplisit untuk tujuan perkongsian di kalangan IPTA dan pihak pemegang taruh yang lain.

Aktiviti yang dipilih adalah berasaskan kategori berikut: aktiviti yang telah selesai pelaksanaannya, aktiviti yang masih dalam pelaksanaan, dan aktiviti yang masih pada peringkat perancangan. Pemilihan ketiga-tiga kategori ini mempunyai rasionalnya tersendiri. Bagi aktiviti yang telah selesai pelaksanaannya, ia akan dapat memberikan pengetahuan 'tahu-buat' (know-how) kepada IPTA lain tentang bagaimana sesuatu projek dapat dijayakan. Aktiviti yang masih dalam tahap sedang dilaksanakan, dan berpotensi untuk berjaya, memberikan garis panduan untuk pelaksanaan, dengan syarat faktor-faktor kritikal kejayaan diuruskan dan ditangani dengan baik. Aktiviti yang masih pada peringkat perancangan dipilih kerana PMO menyedari bahawa terdapat kes-kes tertentu di mana kekangan utama pelaksanaan adalah pada peringkat perancangan itu sendiri, dan perkongsian pada peringkat ini menjadi tunggak kepada kejayaan pelaksanaan projek berkaitan.

Berdasarkan jenis IPTA dan kepelbagaian dalam bidang tujuhan yang menuntut keperluan yang berbeza di kalangan IPTA, tidak dapat dinafikan bahawa tahap kompleksiti sesuatu aktiviti yang ditonjolkan di sini tentulah berbeza. Namun, perbezaan tersebut harus dimanfaatkan kita bersama dalam pelaksanaan PSPTN. Akhir kata, terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam kompilasi ini. Bersama kita jayakan PSPTN.

At PMO, we facilitate.

Prof. Madya Dr Harshita Aini Haroon
Pejabat Pengurusan Program (PMO)

ISI KANDUNGAN

Mesej dari YB Menteri Pengajian Tinggi YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin	i
Mesej dari Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi YBhg. Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan	ii
Mesej dari Pejabat Pengurusan Program (PMO) Kementerian Pengajian Tinggi Y.Brs. Prof. Madya Dr. Harshita Aini Haroon	iii
Kandungan	iv
Ringkasan Eksekutif	viii

AKADEMIA	
1. Mempromosi Kepakaran Ahli Akademik sebagai Pakar Rujuk dalam Bidang Masing-Masing melalui Perancangan Strategik Publisiti	2
2. Mengadakan Pelan bagi Menghasilkan Ahli Akademik Bertaraf Nobel Laureate	5
3. Malam Gemilang UNIMAS	10
4. Melaksanakan Program Integriti: Pelan Integriti Nasional (PIN)	12
5. Mewujud dan Melaksana Sistem Ganjaran dan Insentif/ Pengiktirafan	16
6. Melaksanakan Pelan Kerjaya Akademik	18
7. Memantapkan Ilmu dan Kemahiran serta Jaringan Industri Akademia	20

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	
1. Mewujudkan kumpulan Master Trainers dalam P&P Menyediakan kemudahan perkhidmatan perpustakaan yang menepati piawaian nasional dan antarabangsa	24
2. Memantapkan Pengajaran Dan Pembelajaran Melalui Pembangunan Sistem	28
3. Penekanan Terhadap Kebolehan Berbahasa Inggeris Sewaktu Proses Pemilihan Staf Baru Bukan Akademik	32
4. Mengadakan Pelan Tangga Kerjaya Pensyarah	35
5. Melaksanakan "Audit Dalaman" bagi Program Akademik	37
6. Menyediakan Kemudahan Peralatan Fizikal yang Menepati Piawaian Nasional dan Antarabangsa bagi Tujuan Pengajaran dan Pembelajaran Pada Tahap yang Diterima	39
7. Penempatan Staf dalam Program Industry Attachment	41
8. Mereka Bentuk dan Melaksanakan Kurikulum Yang Berdaya Saing dan Inovatif	43

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN		
1.	Mewujudkan/Memantapkan Kluster Penyelidikan / Inovasi / CoE	46
2.	Mewujudkan Unit "Editorial" untuk Membantu Penyelidik dalam Menerbitkan Artikel	47
3.	Memberi Insentif kepada Penyelidik yang Menghasilkan Buku Penyelidikan/Jurnal Melalui Penerbit Diiktiraf	49
4.	Memberi Insentif Kepada Penyelidik yang Menghasilkan Produk Penyelidikan	51
5.	Mempromosi Pakar Universiti Menjadi Ahli dalam "Editorial Board" Jurnal Reputasi Tinggi	53
6.	Mewujudkan "Spin Off Companies"	55
7.	Meningkatkan Dana Penyelidikan	57
8.	Mengambil Pakar Luar untuk Meningkatkan Keupayaan Penyelidikan	60
9.	Meningkatkan Bilangan Artikel di dalam Jurnal Berimpak Tinggi	62
10.	Aktiviti Pengkomersilan Produk Penyelidikan	64
11.	Meningkatkan Penyelidikan Pelbagai Displin	66
12.	Meningkatkan Bilangan Harta Intelek (IP)	68

KEBOLEHPASARAN GRADUAN		
1.	Menawarkan Program Pengajian atau Menyemak Program yang Sedia Ada bagi Memenuhi Kehendak Pasaran	71
2.	Memantapkan Program "Finishing School"	74
3.	Menyediakan Kemudahan Sistem Penempatan Pekerjaan Pelajar untuk Bakal Majikan	76

KEPIMPINAN		
1.	Memantapkan Program Kepimpinan	79

INDUSTRI - AKADEMIA		
1.	Mewujudkan Dana Industri	81
2.	Mewujudkan Kerjasama Dengan Industri dalam Perundingan	83
3.	Menempatkan Tokoh Industri Di Universiti	85
4.	Menambahbaik Garis Panduan Latihan Industri Pelajar	87

PENGANTARABANGSAAN		
1.	Mewujudkan Pejabat Serantau Universiti Malaya Di Luar Negara	90
2.	Menjalankan Program Pertukaran Pelajar dengan Institusi di Luar Negara	92
3.	Menjalankan Program Pertukaran Staf dengan Institusi di Luar Negara	95
4.	Establishing Networking With Other Countries Through Mutual Recognition Agreement (MRA), Memorandum Of Understanding (MoU) And Other Similar Mechanisms	97
5.	Menyediakan Kemudahan Dan Prasarana Yang Menepati Standard Antarabangsa	99

PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR		
1.	Menambah Kursus Baru Kokurikulum yang Berkredit	102

MYBRAIN15	
1. Menawarkan Insentif Kepada Pelajar dan Staf Akademik yang Menamatkan PhD dalam Tempoh 3-4 Tahun	105
2. Mewujudkan Pangkalan Data Untuk Pemeriksa Luar	107
3. Memantapkan Penyeliaan Pelajar PhD	109
4. Menawarkan "Fast Track" Program untuk Pelajar Cemerlang di Peringkat Ijazah Pertama	111
5. Menawarkan Pelbagai Program - Research Or Coursework	117
6. Mewujudkan Program Khusus bagi Menggalakkan Staf Akademik yang Tidak Berjaya Menghabiskan Pengajian PhD untuk Menamatkan Pengajian Mereka	126
7. Melantik Profesor Ternama sebagai Profesor Pelawat	128
8. Mewujudkan Pelan untuk Mewajibkan Staf Akademik Meningkatkan Kelayakan ke Peringkat PhD	130
9. Menambahbaik Sistem Lantikan Felo Akademik Berkelayakan PhD	132
10. Memantapkan Proses Penawaran Biasiswa Peringkat PhD kepada Pelajar Cemerlang	134
11. Menawarkan Program PhD di Centre of Excellence (COE)	136

GOVERNAN	
1. Menyemak Semula Yuran Pelajar Pasca Siswazah dan Pelajar Antarabangsa	140
2. Menjana Pendapatan melalui Aktiviti Pelaburan dan Simpanan Tetap UMP	142
3. Menambahbaik Sistem Kutipan Pendapatan (Yuran Pengajian, Sewaan dan Sebagainya)	143
4. Menjana Pendapatan melalui Aktiviti Perundingan, Penyelidikan, Pengkomersilan dan Latihan	146

1. Sidang Editor	148
------------------	-----

PENDAHULUAN

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang dilancarkan pada tahun 2007 dilaksanakan secara berterusan melalui 4 fasa. Fasa pertama iaitu Fasa Peletakan Asas (2007-2010) membolehkan semua pihak berkepentingan termasuk IPTA memahami dengan jelas PSPTN dan menyediakan landasan bagi memastikan kebersamaan mereka dalam pelaksanaan PSPTN ini.

Kebersamaan IPTA dalam melaksanakan agenda kritikal PSPTN dapat dilihat melalui semangat saling menyokong antara IPTA sewaktu berlakunya proses Semakan Keserakanan (PR) pada penghujung tahun 2009. Hasil daripada PR tersebut, semua IPTA bersetuju supaya aktiviti yang dilaksanakan dikongsi untuk mewujudkan semangat setiakawan dan kebersamaan demi kecemerlangan pengajian tinggi negara.

TUJUAN

Koleksi Aktiviti ini diterbitkan dengan objektif berikut :


- (1) Sebagai rujukan dan perkongsian IPTA mengenai aktiviti-aktiviti yang baik dan berkesan bagi mencapai objektif PSPTN
- (2) Sebagai penggerak atau pemula kepada proses menandaaras di kalangan IPTA, dalam mempelajari, mengadaptasi dan melaksanakan aktiviti-aktiviti ke arah mencapai objektif PSPTN
- (3) Menjadi asas kepada pengembangan keupayaan inovatif (innovative capacity) kalangan warga IPTA
- (4) Memupuk semangat keserakanan (collegiality) di kalangan warga penggerak PSPTN

KOLEKSI AKTIVITI

Senarai aktiviti yang terkandung dalam buku ini hanyalah sebahagian daripada aktiviti yang dilaksanakan pada peringkat IPTA. Buat permulaan, sebanyak 57 aktiviti berjaya dikumpulkan sebagai koleksi pertama PSPTN hasil dari lawatan PR bagi milestone 1 Tahun 2009.

Adalah menjadi harapan PMO supaya koleksi aktiviti seterusnya dapat dibukukan untuk panduan semua pihak berkepentingan dalam PSPTN.

Maklumat berkaitan aktiviti yang dilaksanakan (termasuk data) adalah tanggungjawab IPTA berkenaan sepenuhnya. Maklumat lanjut mengenai aktiviti yang terdapat di dalam koleksi ini boleh diperolehi dengan merujuk kepada pegawai yang bertanggungjawab di IPTA tersebut.



cap: akademia

1. Mempromosi Kepakaran Ahli Akademik Sebagai Pakar Rujuk dalam Bidang Masing-Masing (UM)
2. Mengadakan Pelan Strategik bagi Melahirkan Ahli Akademik Bertaraf Nobel Laureate (UniMAP)
3. Malam Gemilang UNIMAS (UNIMAS)
4. Melaksanakan Program Integriti: Pelan Integriti Nasional (PIN) (USIM)
5. Mewujud dan Melaksana Sistem Ganjaran dan Insentif / Pengiktirafan (UMK)
6. Melaksanakan Pelan Kerjaya Akademik (UKM)
7. Memantapkan Ilmu dan Kemahiran serta Jaringan Industri Akademia (UiTM)

PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP)

AKADEMIA

TAJUK AKTIVITI

Mempromosi Kepakaran Ahli Akademik sebagai Pakar Rujuk dalam Bidang Masing-Masing melalui Perancangan Strategik Publisiti

OBJEKTIF STRATEGIK

- (1) Menyemarak dan mengukuhkan budaya intelektual dan keserjanaan
- (2) Menghargai ahli akademik yang hebat dan unggul
- (3) Mencari, memilih dan mengekalkan ahli akademik terbaik

IPTA

Universiti Malaya (UM)

1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Perancangan strategik publisiti ahli akademik Universiti Malaya bertujuan untuk membolehkan kepakaran ahli akademik yang berkenaan dikongsi dengan kumpulan sasaran, penyelidik, masyarakat antarabangsa dan tempatan serta pihak media.

Perancangan ini membolehkan setiap kepakaran ahli akademik Universiti Malaya diwar-warkan secara optimum.

Perancangan ini menawarkan ruang kepada ahli akademik untuk menyumbang kepada dunia akademik dan juga masyarakat di luar dunia akademik.

Perancangan ini memberi nilai tambah kepada kepakaran ahli akademik Universiti Malaya melalui maklum balas yang diterima melalui semua medium pendedahan (media, persidangan, program pertukaran dan lain-lain)

2.0

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN AKTIVITI

■ PERINGKAT PERTAMA : Perancangan strategik publisiti ahli akademik

- (1) Mengenalpasti bidang-bidang utama niche area UM yang ingin ditonjolkan
 - (a) Dalam usaha merangka aktiviti publisiti untuk ahli akademik, adalah penting untuk pihak UM mengenalpasti bidang-bidang kepakaran utama yang akan ditonjolkan.
 - (b) Bidang-bidang yang dipilih haruslah dapat menonjolkan UM sebagai pusat kecemerlangan dan rujukan untuk bidang tersebut dan mempunyai staf akademik yang giat menjalankan penyelidikan dalam bidang tersebut dan boleh dijadikan pakar rujuk
 - (c) Pihak yang terlibat adalah pihak Pengurusan UM, Fakulti, Institut Pengurusan Penyelidikan dan Pemantauan dan Pengerusi Research Clusters
- (2) Mengenalpasti kepakaran staf melalui pangkalan data UMExpert
 - UMexpert adalah satu pangkalan data kepakaran ahli akademik UM yang diuruskan oleh Pusat Teknologi Maklumat (PTM) dan setiap ahli akademik UM bertanggungjawab untuk mengemaskini data masing-masing.
- (3) Merancang sudut liputan media yang sesuai bagi kepakaran yang akan ditonjolkan
 - (a) Bagi setiap kepakaran ahli akademik yang akan ditonjolkan, perancangan yang dibuat mesti mengambil kira yang berikut:

- aspek sudut liputan yang sesuai (media angle)
- menarik minat masyarakat
- topik memberi impak kepada hidupan seharian masyarakat

(b) Pihak yang terlibat di UM adalah Pejabat Hubungan Antarabangsa dan Korporat atau International and Corporate Relation Office (ICR)

(4) Mengenalpasti wadah yang sesuai untuk menonjolkan kepakaran

(a) Bagi setiap majlis yang diadakan di UM, contohnya, persidangan antarabangsa, syarahan perdana, dsb, satu penilaian perlu dilakukan untuk memastikan sama ada majlis berkenaan boleh dijadikan sebagai wadah untuk menonjolkan ahli akademik melalui media. Sekiranya ya, satu perancangan media perlu dilaksanakan secara berperingkat sebelum, semasa dan mungkin juga selepas majlis.

(b) Pihak yang terlibat adalah fakulti yang menganjurkan dan ICR

■ PERINGKAT KEDUA

Fokus Publisiti

(1) Media

- (a) Menjalinkan hubungan dengan pihak media cetak dan elektronik
- (b) Menentukan kesesuaian penglibatan liputan hanya untuk rakan media (media partner) yang spesifik atau liputan penuh untuk semua media
- (c) Kepakaran ahli akademik yang berkenaan akan ditonjolkan mengikut kesesuaian acara/majlis
- (d) Mendapatkan slot media cetak dan elektronik secara berkala, contohnya, artikel di Biznews, the Star, rancangan di TV3, dsb.
- (e) Pihak yang terlibat di UM adalah pejabat ICR

(2) Rakan Kepada Media

- (a) Mengenalpasti kepakaran ahli akademik yang berkenaan berdasarkan niche area yang telah ditentukan
- (b) Menyediakan pengkalan data kepakaran ahli akademik yang dapat dipaparkan melalui laman web, contohnya, UMexpert.
- (c) Memastikan ahli akademik diberi latihan menghadapi media dan sentiasa bersedia untuk memberi ulasan kepada media mengikut bidang kepakaran
- (d) Memastikan setiap kepakaran ahli akademik mampu dikongsi oleh masyarakat melalui media

■ Fokus Penerbitan Ahli Akademik

- (1) Pihak Pengurusan perlu memastikan kepakaran ditonjolkan di peringkat antarabangsa melalui penerbitan dalam jurnal ISI / Scopus dan ini dimasukkan sebagai salah satu criteria dalam dalam Key Performance Indicator bagi ahli akademik
- (2) Mengenalpasti jurnal dan platform penulisan terbaik yang tersenarai dalam penerbitan International Science Index (ISI)
- (3) Memastikan artikel dan penulisan yang diterbitkan memberi nilai tambah kepada kepakaran ahli akademik yang berkenaan
- (4) Memastikan ahli akademik mampu mengubahsuai artikel yang telah diterbitkan untuk bacaan masyarakat umum melalui laman sesawang atau media cetak

■ Fokus Pendedahan Ahli Akademik

(1) Persidangan

- Mengenalpasti ahli akademik mengikut niche area yang telah ditentukan dan memastikan penyertaan di persidangan antarabangsa dan tempatan yang berkaitan
- Memastikan ahli akademik sentiasa bersedia untuk menjadi pembentang, penguaptama dan ahli panel dalam persidangan

(2) Program Pertukaran Ahli Akademik

- Mengenalpasti program pertukaran ahli akademik, program sangkut dan program pinjaman ahli akademik yang diiktiraf
- Memastikan program yang disertai mampu memberi nilai tambah kepada ahli akademik terlibat
- Memastikan program yang terlibat mampu memberi ruang kepada ahli akademik untuk berkongsi dan mendapatkan kepakaran terkini

■ PERINGKAT KETIGA

Penyimpanan, Pengemaskinian dan Analisis Data

(1) Pemantauan liputan media dan publisiti

(2) Menyimpan rekod setiap pencapaian promosi dalam semua bentuk

(3) Melakukan analisis liputan untuk mendapat gambaran pencapaian aktiviti promosi

■ 3.0

PENCAPAIAN AKTIVITI

Projek telah bermula secara terancang semenjak November 2008 dan aktiviti promosi adalah berterusan. Analisis juga dilakukan secara berkala. Di antara pencapaian aktiviti ini adalah :

(1) UM telah berjaya mendapatkan satu ruang berkala di The Star Newspaper, Business Section bagi setiap bulan bermula 13 Januari 2009.

(2) UM telah berjaya mendapatkan satu slot berkala di Bernama TV siaran Helo Malaysia bagi setiap hari Rabu jam 8.00 malam bermula 23 Disember 2008. Topik yang ditekankan adalah bertemakan bidang perubatan.

(3) ICR UM telah berjaya mendapatkan 64 temuramah eksklusif bagi pakar rujuk UM bersama media cetak dan elektronik bagi tahun 2009

(4) ICR UM telah berjaya mendapatkan 357 jumlah liputan media secara terancang bagi tahun 2009

■ 4.0

RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

(1) Aktiviti promosi yang sedia ada akan diteruskan secara teratur.

(2) Projek akan datang melibatkan penubuhan University of Malaya Global Centres di beberapa buah universiti rakan kongsi di peringkat antarabangsa

Pengarah

Pejabat Hubungan Antarabangsa dan Korporat (ICR)

TAJUK AKTIVITI

Mengadakan Pelan bagi Menghasilkan Ahli Akademik Bertaraf Nobel Laureate

OBJEKTIF STRATEGIK

Menyemarak dan mengukuhkan budaya intelektual dan keserjanaan

IPTA

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

■ 1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Secara amnya, ahli akademik adalah penting dalam usaha meningkatkan kecemerlangan UniMAP dan membentuk pelajar yang berketerampilan. Untuk menghasilkan modal insan dengan minda kelas pertama, UniMAP perlu mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk menarik perhatian pelajar supaya berusaha ke arah kecemerlangan dan memberikan rangsangan kepada ahli akademik untuk terus menyampaikan ilmu pengetahuan. Di samping itu, hubungan rapat dengan industri dan kolaborasi antarabangsa melalui program pertukaran ahli akademik perlu ditingkatkan.

Untuk membentuk budaya profesionalisme, perkara berikut perlu diberi keutamaan:

- (a) Meningkatkan kualiti profesionalisme
- (b) Membangunkan program latihan profesionalisme
- (c) Memberikan pengiktirafan dan penganugerahan

Beberapa aktiviti utama juga telah dikenalpasti untuk meningkatkan profesionalisme dengan mengambil kira tempoh perkhidmatan dan kriteria yang tertentu untuk mendapatkan kelayakan profesor. Program pembangunan profesionalisme di UniMAP adalah perlu untuk memajukan laluan kerjaya ahli akademik dengan mewujudkan kerjasama yang lebih erat dengan IPT lain, syarikat tempatan, multinasional dan institusi antarabangsa untuk membina program pembangunan ahli akademik.

Selaras dengan pelan pengajian tinggi negara, beberapa objektif strategik telah dikenalpasti dan dibangunkan. Bagi setiap objektif strategik, beberapa aktiviti utama juga telah ditetapkan bagi membantu merealisasikan objektif strategik tersebut. Salah satu aktiviti utama ('key activities') ialah merangkakan pelan strategik untuk menghasilkan ahli akademik bertaraf Nobel Laureate. Matlamat UniMAP ialah untuk menghasilkan ahli akademik bertaraf Nobel Laureate menjelang tahun 2020. Oleh itu UniMAP berharap dengan program Nobel Laureate UniMAP yang bermula dari 2010, seluruh ahli akademik UniMAP akan mendapat manfaat daripada program-program yang akan dijalankan. Di antara program yang akan dilaksanakan ialah melantik penasihat program Nobel Laureate UniMAP yang terdiri daripada pakar yang telah berjaya memenangi Nobel Laureate. Kepakaran dan pengalaman yang ada pada pakar tersebut akan dapat dimanfaatkan oleh UniMAP serta semua ahli akademik untuk lebih berjaya di dalam akademik dan penyelidikan. Di samping itu, siri-siri syarahan pakar Nobel Laureate akan diadakan di UniMAP, yang bakal mewujudkan budaya kecemerlangan keilmuan di kalangan semua ahli akademik UniMAP.

■ 2.0

PERANCANGAN AKTIVITI

Untuk melaksanakan salah satu agenda CAPs iaitu Agenda: Akademia di UniMAP, Jawatankuasa Akademia yang dipengerusikan oleh Dr. Mohd Fareq bin Abd Malek telah diwujudkan sebagai pemilik agenda CAPs tersebut. Berikut adalah empat objektif yang disasarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk Agenda : Akademia.

- (1) Objektif 1: Pelan komprehensif intelektual dan keserjanaan bagi menambahkan tanggapan umum terhadap akademia sebagai pusat pembangunan budaya intelektual dan keserjanaan
- (2) Objektif 2: Pelan komprehensif penganugerahan dan pengiktirafan untuk memberi penghargaan dan sanjungan kepada ahli akademik yang unggul
- (3) Objektif 3: Pelan komprehensif pengurusan tenaga akademik sebagai aset bagi mencari, memilih dan mengekalkan ahli akademik terbaik
- (4) Objektif 4: Pelan komprehensif kredibiliti dan profesionalisme bagi mengukuhkan wibawa, integriti dan profesionalisme tenaga akademik

Untuk setiap objektif, ada beberapa aktiviti utama penting untuk mencapai objektif tersebut. Di dalam objektif 1, salah satu aktiviti utama ialah merangkakan pelan bagi menghasilkan ahli akademik bertaraf Nobel Laureate. Di bawah aktiviti utama tersebut, terdapat beberapa pelan tindakan bagi mencapai aktiviti utama tersebut iaitu :

- (a) Mengenalpasti dan melantik penasihat Nobel Laureate untuk UniMAP (50%)
- (b) Mengenalpasti bidang Nobel Laureate yang ingin dimenangi oleh UniMAP (50%)
- (c) Mengenalpasti ahli akademik cemerlang yang boleh dicalonkan untuk menjalani program Nobel Laureate (50%)
- (d) Membangunkan kriteria ahli akademik cemerlang yang boleh dicalonkan untuk menjalani program Nobel Laureate. (20%)
- (e) Menghantar ahli akademik yang dikenalpasti untuk "attachment" di pusat penyelidikan / makmal terkemuka dunia sempena program Nobel Laureate. (20%)
- (f) Memberi fleksibiliti kepada ahli akademik cemerlang di dalam program Nobel Laureate ini untuk menumpukan lebih masa kepada peyelidikan, berbanding pentadbiran atau pengajaran. (20%)
- (g) Menjemput penceramah pemenang Nobel untuk memberi ceramah di UniMAP bagi memberi semangat kepada ahli akademik UniMAP untuk mencapai kecemerlangan serta menimba ilmu pengetahuan. (20%)

Nombor di dalam kurungan ialah pencapaian 'milestone' pada 1 Mac 2010.

■ 3.0

PELAKSANAAN AKTIVITI

Pelan aktiviti di atas akan dijalankan oleh Jawatankuasa Pelaksanaan Nobel Laureate UniMAP yang terdiri daripada :


Y. Bhg. Dato' Naib Canselor;
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa);
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi); dan
Dekan-Dekan setiap pusat tanggungjawab.

Pelan aktiviti di atas merupakan aktiviti berbentuk perancangan, strategi dan polisi. Pelan aktiviti utama di bawah adalah merupakan aktiviti berbentuk pelaksanaan yang dilakukan secara menyeluruh dan efektif. Pelan aktiviti di bawah akan dijalankan oleh dekan-dekan setiap pusat tanggungjawab, Canselori dan Pusat Teknologi Maklumat.

- (1) Dekan setiap pusat tanggungjawab: Memaparkan berita-berita program Nobel Laureate di papan kenyataan setiap pusat tanggungjawab. (50%)

- (2) Canselori: Memberi peruntukan untuk menjalankan program Nobel Laureate. (100%)
- (3) Canselori: Memaparkan berita-berita program Nobel Laureate di papan kenyataan pejabat Canselori. (50%)
- (4) Pusat Teknologi Maklumat (ICT): Memaparkan berita-berita program Nobel Laureate di papan laman web UniMAP. (50%)
- (5) Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi universiti: Memberi kelulusan untuk menjalankan program Nobel Laureate UniMAP. (100%)

Pelan aktiviti di atas boleh dirumuskan di dalam bentuk map minda ('mind mapping') di mana pelan aktiviti tersebut boleh dibahagikan dalam bentuk peranan dan tugas, seperti dipaparkan di bawah.



Terdapat beberapa permasalahan dan isu yang dijangkakan dan perlu kepada tindakan segera. Pemartabatan akademik serta aktiviti utama menghasilkan ahli akademik bertaraf Nobel Laureate diperingkat UniMAP merupakan kumulatif program-program peningkatan akademik yang dijalankan oleh lebih dari 30 pusat tanggungjawab. Oleh kerana pengumpulan data perlu kepada pengemaskinian yang lebih sistematik, pihak Dekan Pengurusan Akademik selaku pemegang agenda menghadapi masalah dalam mendapat kumulatif data secara holistik dari semua pusat tanggungjawab. Untuk memastikan tidak berlaku kecaciran data dan kekeliruan, setiap pusat tanggungjawab diberikan dua borang utama. ACA01 (Lampiran Sasaran Aktiviti Utama), ACA02 (Lampiran Kemajuan Aktiviti Utama) untuk dikemaskinian. Kedua-dua borang ini akan diberikan dan dikemaskinian pada setiap bulan di mesyuarat penyelarasan bulanan.

■ 4.0

PENCAPAIAN AKTIVITI

■ (a) Sumber manusia

Bagi melaksanakan program pemerksaan Akademia di peringkat UniMAP, adalah dicadangkan untuk mewujudkan Unit Pemerksaan Akademik dan Unit Pemerksaan Nobel Laureate UniMAP di bawah seliaan Dekan Pengurusan Akademik. Untuk penubuhan unit ini keperluan sumber manusia merupakan faktor kritikal untuk menjayakan unit ini. Pihak Jawatankuasa Akademia akan mencadangkan pengambilan staf dan kakitangan professional yang hebat bagi meletakkan Unit Pemerksaan Akademia dan Unit Pemerksaan Nobel Laureate UniMAP sebagai "frontline" bagi UniMAP menjayakan aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi. Dengan adanya sumber manusia yang kompeten bagi memacu Unit Pemerksaan Akademia dan Unit Pemerksaan Nobel Laureate, UniMAP akan mampu menjalankan agenda untuk memerksakan akademia serta menghasilkan ahli akademik bertaraf Nobel Laureate dan mencapai objektif-objektif yang disasarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

■ (b) Infrastruktur

Bagi peringkat awal, pelaksanaan program pemerksaan akademia serta pemerksaan Nobel Laureate UniMAP tidak memerlukan penambahan infrastruktur yang drastik kerana kemudahan UniMAP sedia ada mencukupi. Untuk jangka masa panjang, dengan penubuhan Unit Pemerksaan Akademia dan Unit Pemerksaan Nobel Laureate UniMAP, ruang pejabat tambahan diperlukan.

■ (c) Kewangan

Pelaksanaan pemerksaan akademia dan pemerksaan Nobel Laureate UniMAP akan memerlukan peruntukan kewangan bagi membiayai tiga aspek utama iaitu perjawatan dan pembangunan sumber manusia, penyediaan dokumentasi untuk pelaksanaan program serta peruntukan kewangan untuk pembangunan infrastruktur.

Secara amnya, hasil yang diharapkan daripada Agenda : Akademia adalah seperti berikut:

- (1) Budaya profesionalisme di kalangan ahli akademik di UniMAP menerusi pengiktirafan dan penganugerahan serta peluang kenaikan pangkat dalam kerjaya.
- (2) Ahli akademik diberi peluang memajukan kerjaya mereka.
- (3) Ahli akademik mendapat liputan secara berterusan dalam jurnal rujukan yang diiktiraf antarabangsa.
- (4) UniMAP menjadi hub kecemerlangan pengajian tinggi di peringkat tempatan dan antarabangsa serta mempunyai ahli akademik terbaik di dalam pengajaran dan penyelidikan.

■ 5.0

RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

(5) Secara khususnya, hasil yang diharapkan daripada aktiviti utama mengadakan pelan bagi menghasilkan ahli akademik bertaraf Nobel Laureate adalah seperti berikut:

(6) Menghasilkan Nobel Laureate daripada ahli akademik UniMAP menjelang tahun 2020

(7) Membudayakan ilmu pengetahuan di kalangan ahli akademik

Jawatankuasa pengurusan tertinggi universiti akan menerima laporan pembentangan kemajuan aktiviti utama program Nobel Laureate ini setiap tahun. Oleh itu, pelan aktiviti ('action plan') boleh dipinda atau ditambah sebagai proses penambahbaikan berterusan untuk memastikan program Nobel Laureat UniMAP berjalan lancar dan mencapai objektifnya untuk menghasilkan ahli akademik bertaraf Nobel Laureate menjelang tahun 2020.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Pemilik Agenda
Projek Agenda Kritikal PSPTN Akademia

Timbalan Pemilik Agenda
Projek Agenda Kritikal PSPTN Akademia

Setiausaha
Projek Agenda Kritikal PSPTN Akademia

Ahli-Ahli
Projek Agenda Kritikal PSPTN Akademia

TAJUK AKTIVITI

Malam Gemilang UNIMAS

OBJEKTIF STRATEGIK

Menghargai ahli akademik yang hebat dan unggul

IPTA

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

■ 1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Malam Anugerah bagi staf UNIMAS yang dikenali sebagai Malam Gemilang UNIMAS ini diwujudkan melalui Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia bagi tujuan memberi pengiktirafan kepada staf-staf UNIMAS yang menunjukkan kecemerlangan dalam tugas dan bidang masing-masing.

■ 2.0

PERANCANGAN AKTIVITI

Beberapa kategori anugerah telah ditetapkan dalam memberi pengiktirafan kepada staf-staf UNIMAS. Antara anugerah-anugerah yang diberikan kepada staf adalah seperti berikut :

■ 2.1 Anugerah Tokoh Gemilang Unimas

■ 2.2 Anugerah Akademik

- (i) Anugerah Penyelidikan dan Pembangunan
- (ii) Anugerah Pengajaran

■ 2.3 Anugerah Pengurusan

- (i) Anugerah Kepimpinan Pengurusan dan Profesional
- (ii) Anugerah Staf Contoh (Sokongan)
- (iii) Anugerah Kaunter Terbaik

■ 2.4 Anugerah-anugerah lain

- (i) Anugerah Tokoh Sukan (Lelaki dan Wanita)
- (ii) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
- (iii) Anugerah Perkhidmatan Setia
- (iv) Anugerah Penghargaan Bagi Pesara

■ 3.0

PELAKSANAAN AKTIVITI

Bagi tujuan pencalonan dan pemilihan bagi staf yang menerima anugerah-anugerah berkenaan, kaedah-kaedah yang digunakan adalah seperti berikut:

Bil	Kategori Anugerah	Kaedah Pencalonan	Kaedah Pemilihan
1	Anugerah Tokoh Gemilang UNIMAS	Dicalonkan oleh Jawatankuasa Pemilih	Dipilih oleh Jawatankuasa Pemilih dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan
2	Anugerah Akademik	Berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan	Dipilih oleh Jawatankuasa Pemilih dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti
2.1	Anugerah Penyelidikan dan Pembangunan		
2.2	Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran		

Bil	Kategori Anugerah	Kaedah Pencalonan	Kaedah Pemilihan
3	Anugerah Pengurusan	Dicalonkan oleh Ketua PTJ/PP Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian masing-masing menggunakan borang yang disediakan.	Dipilih oleh Jawatankuasa Pemilih dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti
3.1	Anugerah Kepimpinan Pengurusan dan Profesional		
3.2	Anugerah Staf Contoh (Sokongan)		
3.3	Anugerah Kaunter Terbaik		
4	Anugerah Tokoh Sukan (Lelaki & Wanita)	Dicalonkan oleh Ketua Bahagian Pentadbiran Am dan Keselamatan	
5	Anugerah Pekhidmatan Cemerlang	Dicalonkan oleh Ketua PTJ F/I/P/B masing-masing	Dipilih dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia
6	Anugerah Pekhidmatan Setia	Senarai disediakan oleh Bahagian Pembangunan dan Pengurusan sumber manusia berdasarkan tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya 15 tahun secara berterusan	Diperakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti
7	Anugerah Penghargaan Bagi Pesara	Senarai disediakan oleh Bahagian Pembangunan dan Pengurusan sumber Manusia	Diperakukan oleh Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia

Penerima anugerah akan menerima insentif berupa cek dengan nilai yang tertentu dan sijil penghargaan.

■ 4.0 PENCAPAIAN PROJEK

Dari segi pencapaian projek pada tahun 2009, anugerah telah diberikan bagi penerima pada Malam Gemilang UNIMAS pada 04 Julai 2009. Pelaksanaan Malam Gemilang UNIMAS secara dasarnya adalah atas inisiatif pihak pengurusan bagi menghargai jasa-jasa staf yang telah berkhidmat dan seterusnya bagi meningkatkan motivasi staf agar lebih bersemangat untuk mempertingkatkan kualiti kerja.

■ 5.0 RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

Malam penghargaan ini adalah bagi menggalakkan penglibatan staf secara aktif di dalam bidang masing-masing dan juga aktiviti-aktiviti luar selain daripada tugas rasmi. Ianya akan diadakan setahun sekali. Penambahbaikan akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan anugerah-anugerah tersebut.

■ 6.0 PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Bagi merealisasikan aktiviti Malam Gemilang UNIMAS ini, penglibatan secara langsung dan tidak langsung pelbagai pihak dirancang dengan rapinya dengan pembentukan beberapa Jawatankuasa.

TAJUK AKTIVITI

Melaksanakan Program Integriti: Pelan Integriti Nasional (PIN)

OBJEKTIF STRATEGIK

Mengukuh wibawa, meningkatkan integriti dan profesionalisme

IPTA

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

■ 1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Secara ringkasnya struktur Pelan Integriti Nasional (PIN) di USIM terdiri daripada tiga belas (13) strategi dengan dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu Bahagian Teknikal PIN Pentadbiran dan Teknikal PIN Pelajar. Setiap strategi mempunyai program/aktiviti yang berlainan yang berkaitan dengan pelaksanaan program integriti secara keseluruhan di peringkat USIM. Program integriti dirancang dan dijadikan sebagai agenda tetap di dalam Pelan Tindakan Integriti USIM. Berikut adalah contoh tiga (3) program integriti dari sudut pentadbiran, perkhidmatan, dan pelajar.

■ **Program 1**

Menyediakan dan memperkemaskan dasar Pengajaran & Pembelajaran.

Matlamat

Menyediakan perkhidmatan pembelajaran dan pengajaran yang mampu melahirkan ilmuan berpendidikan sepadu yang mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara.

■ **Program 2**

Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Matlamat

Memastikan sistem penyampaian yang terbaik bagi setiap Bahagian/ Unit PTJ kepada pelanggan selain mengurangkan karenah birokrasi dan meningkatkan kepuasan pelanggan.

■ **Program 3**

Menganjurkan seminar atau kempen kesedaran integriti.

Matlamat

Menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan integriti sebagai budaya hidup.

■ 2.0

PERANCANGAN AKTIVITI

Perancangan aktiviti bagi keseluruhan Pelan Tindakan Integriti USIM adalah bersifat sepanjang masa. Mana-mana PTJ terlibat perlu melaksanakan program/aktiviti yang telah ditanggungjawabkan dalam masa yang telah ditetapkan melainkan beberapa program/aktiviti yang telah ditetapkan tarikh seperti Minggu Integriti Pelajar yang akan diadakan pada setiap tahun pada bulan Mac. Perkara ini iaitu tempoh/ pelaksanaan program/aktiviti menjadi Indeks Petunjuk Prestasi (Key Performance Index) kepada setiap PTJ. Kaedah pemantauannya ialah PTJ perlu melaporkan perancangan atau pencapaian bagi setiap program/aktiviti berkaitan di dalam Pelan Tindakan Integriti USIM untuk semakan pihak Pengurusan Tertinggi secara berkala iaitu empat kali setahun (laporan tiga (3) bulan sekali).

■ 3.0 PELAKSANAAN AKTIVITI

Pelan Tindakan Integriti USIM telah dinyatakan dengan jelas agensi pelaksana yang bertanggungjawab untuk melaksanakan program/ aktiviti berkaitan. Ini bagi memudahkan pihak Pengurusan Tertinggi membuat pemantauan terhadap program/ aktiviti yang telah dirancang. Antaranya:

■ Program 1

Menyediakan dan memperkemas dasar Pengajaran & Pembelajaran.

Agensi Pelaksana

Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA) dan Mesyuarat Senat akan bersidang dan menggubal/ mengemaskini dasar Pengajaran & Pembelajaran.

Kumpulan Sasaran

Staf Akademik pula akan melaksanakan setiap dasar-dasar yang telah diputuskan di dalam mesyuarat.

■ Program 2

Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Agensi Pelaksana

Semua PTJ yang terlibat meliputi Jabatan Canselori, Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, Jabatan Perpustakaan, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Pusat Pengurusan Ilmu dan Teknologi Maklumat dan Bahagian Akademik perlu memastikan semua kriteria sistem penyampaian perkhidmatan menepati kehendak pelanggan.

Kumpulan Sasaran

Setiap PTJ perlu memberikan perkhidmatan terbaik mereka kepada pelanggan utama mereka seperti :

Pelanggan Dalaman – Pengurusan tertinggi, staf dan pelajar

Pelanggan Luaran – Agensi kerajaan, institusi kewangan dan sebagainya.

■ Program 3

Menganjurkan seminar atau kempen kesedaran integriti.

Agensi Pelaksana

Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar, Fakulti/ Pusat akan bekerjasama untuk menganjurkan Minggu Integriti Pelajar pada bulan Mac setiap tahun.

Kumpulan Sasaran

Pelajar merupakan sasaran agensi pelaksana untuk menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan integriti sebagai budaya hidup.

■ 4.0 PENCAPAIAN PROJEK

Pencapaian program/ aktiviti berkaitan integriti di USIM diukur melalui status yang dinyatakan pada Pelan Tindakan Integriti USIM. Pencapaian harus dinyatakan dalam bentuk peratusan atau bilangan yang jelas. Sekiranya terdapat sebarang masalah/ ulasan boleh dinyatakan pada ruangan yang telah disediakan di dalam Pelan Tindakan Integriti USIM sepertimana berikut:

■ Program 1

Menyediakan dan memperkemas dasar Pengajaran & Pembelajaran.

Agensi Pelaksana

JPPA dan Senat.

Tindakan

Mengemaskini dasar jaminan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Kemajuan/Masalah (Pencapaian)

Dasar sedia ada digunapakai.

Tindakan

Mengemaskini dasar penilaian kursus dan pengajaran.

Kemajuan/Masalah (Pencapaian)

Telah dikemaskini dan telah dimuat naik di dalam sistem MyDocs.

■ Program 2

Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Agensi Pelaksana

Unit Latihan

Tindakan Memastikan semua kakitangan mengikuti latihan selama tujuh (7) hari setahun

Kemajuan/Masalah (Pencapaian)

Seramai 556 orang staf telah mengikuti latihan lebih dari 7 hari setahun.
Seramai 99 orang staf tidak dapat mengikuti latihan selama 7 hari setahun.
Seramai 31 orang staf hadir kursus genap 7 hari.
Seramai 350 orang staf hadir kursus kurang 7 hari.

Ulasan/Cadangan

Kerjasama Ketua jabatan dalam menggalakkan staf mengikuti latihan akan membantu Unit Latihan dalam mencapai sasaran penetapan mengikuti latihan selama 7 hari setahun kepada staf.

■ Program 3

Menganjurkan seminar/kempen kesedaran integriti.

Agensi Pelaksana

Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar, Fakulti/ Pusat akan bekerjasama untuk menganjurkan Minggu Integriti Pelajar pada bulan Mac setiap tahun.

Tindakan

Pelajar merupakan sasaran agensi pelaksana untuk menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan integriti sebagai budaya hidup.

Kemajuan/Masalah (Pencapaian)

Minggu Integriti Pelajar di peringkat Universiti pada 23 Feb – 1 Mac 2009.

Ulasan/Cadangan

Antara Program-program yang dianjurkan pada Minggu Integriti Pelajar:

- i. Penguatkuasaan Terhadap Disiplin dan Etika Pakaian Pelajar
- ii. Pameran Pembudayaan Integriti
- iii. Kempen Pematuhan Peraturan Perpustakaan
- iv. Ceramah Penghayatan Integriti di Kalangan Mahasiswa anjuran FSU, USIM
- v. Kempen Etika Berpakaian anjuran FPQS, USIM

■ 5.0
RUMUSAN DAN AKTIVITI
AKAN DATANG

USIM dalam perancangan untuk mengaitkan pelaksanaan program integritinya melalui Pelan Tindakan Integriti USIM dengan konsep NKRA dan KPI yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia. Buat masa ini, agen pelaksana kepada Pelan Tindakan Integriti USIM hanya melibatkan beberapa pusat tanggungjawab yang utama seperti Jabatan Canselori, Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, Jabatan Perpustakaan, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Kini, USIM sedang mengorak langkah untuk melibatkan keseluruhan pusat tanggungjawab termasuklah fakulti untuk terlibat dengan program integriti yang akan dirombak selari dengan NKRA dan KPI.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Pendaftar
Universiti Sains Islam Malaysia

TAJUK AKTIVITI

Mewujud dan Melaksana Sistem Ganjaran dan Insentif/Pengiktirafan

OBJEKTIF STRATEGIK

Menghargai ahli akademik yang hebat dan unggul

IPTA

Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

1.0**LATAR BELAKANG AKTIVITI**

Menyediakan program pengiktirafan sumbangan kepada staf Universiti. Adalah diharapkan program / aktiviti sebegini dapat mendorong dan memotivasikan staf dalam membantu Universiti mencapai visi dan misinya.

2.0**PERANCANGAN AKTIVITI**

- (1) Melaksanakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bersekali dengan Anugerah Gemilang Universiti (AGU) sekali setiap tahun bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan staf bukan hanya dalam aspek perkhidmatan tetapi juga sumbangan dalam aktiviti kebudayaan, sukan dan kemasyarakatan.
- (2) Menyediakan peluang melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi untuk staf akademik. Staf berjawatan tutor dikehendaki menyambung pengajian dalam tempoh setahun dari tarikh perkhidmatan.

3.0**PELAKSANAAN AKTIVITI**

- (1) Pelaksanaan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang serta Anugerah Gemilang Universiti.
 - (a) Menyediakan dokumentasi untuk kelulusan Jawatankuasa Eksekutif Universiti;
 - (b) Menyediakan strategi pelaksanaan termasuk pelantikan jawatankuasa yang akan terlibat;
 - (c) Pelaksanaan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang serta Anugerah Gemilang Universiti;
 - (d) Menyediakan laporan post mortem pelaksanaan.
- (2) Menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian kepada staf akademik.
 - (a) Kajian perbandingan keperluan peruntukan kewangan serta tempat untuk tujuan melanjutkan pengajian;
 - (b) Penyediaan pelan perancangan cuti belajar staf; dan
 - (c) Melaksanakan dan mengemaskini strategi pelaksanaan.

4.0**PENCAPAIAN AKTIVITI**

- (1) Pelaksanaan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang serta Anugerah Gemilang Universiti
 - (a) Dokumen pelaksanaan serta kriteria penilaian calon Anugerah Gemilang Universiti telah diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif Universiti untuk digunapakai;
 - (b) Makluman mengenai pencalonan telah dihebahkan kepada semua staf / PTJ;
 - (c) Pemilihan calon yang layak akan dilaksanakan selepas semua proses pencalonan selesai.

- (2) Menyediakan peluang melanjutkan pengajian kepada staf akademik.
 - (a) Pelan rancangan cuti belajar staf akademik telah dibawa kepada Jawatankuasa Eksekutif untuk kelulusan;
 - (b) Agihan bilangan peruntukan biasiswa staf akademik mengikut PTJ telah dibuat.

■ 5.0 RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

- (1) Rumusan
 - (a) Pengendalian Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang serta Anugerah Gemilang Universiti adalah merupakan satu bentuk pengiktirafan dari pihak pengurusan kepada staf dalam pembangunan Universiti;
 - (b) Bilangan staf akademik berkelayakan PhD akan mencapai sasaran yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi.
- (2) Rancangan Masa Depan
 - (a) Menyediakan landasan kepada staf untuk melibatkan diri dalam penyelidikan / penciptaan baru dengan memberikan galakan dalam bentuk peralatan / kemudahan / khidmat nasihat;
 - (b) Menyediakan sistem ganjaran / insentif kepada staf untuk hasil penyelidikan serta penemuan baru;
 - (c) Mengiktiraf sumbangan yang dimainkan oleh PTJ dalam menggalakkan penglibatan staf dalam urusan berkaitan hubungan antara Universiti dan industri / pemegang taruh.

■ 6.0 PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Pendaftar

TAJUK AKTIVITI

Melaksanakan Pelan Kerjaya Akademik

OBJEKTIF STRATEGIK

Menghargai ahli akademik yang hebat dan unggul

IPTA

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

1.0**LATAR BELAKANG AKTIVITI**

Pelan ini dilaksanakan bertujuan meningkatkan jumlah pensyarah yang mempunyai kelulusan Ph.D.

2.0**PERANCANGAN AKTIVITI**

Mempertingkatkan program cuti belajar untuk tutor, pensyarah sementara dan pensyarah tetap.

Milestone 1

63% pensyarah UKM mempunyai PhD./ kelayakan setara

Milestone 2

65% pensyarah UKM mempunyai PhD./ kelayakan setara

Milestone 3

70% pensyarah UKM mempunyai PhD./ kelayakan setara

3.0**PELAKSANAAN AKTIVITI**

Bagi mempertingkatkan program cuti belajar untuk tutor, pensyarah sementara dan pensyarah tetap, UKM menggalakkan semua pensyarah / tutor yang telah dilantik melanjutkan pengajian terus ke peringkat PhD.

Selain daripada itu, penguatkuasaan tempoh 5 tahun selepas lantikan bagi pensyarah sementara/ tutor untuk mendapatkan PhD. turut dilaksanakan. Kelonggaran turut diberikan kepada pensyarah untuk melanjutkan pengajian dalam negara kerana kekurangan biasiswa.

Bahagian yang terlibat

- Jabatan Pendaftar
- Fakulti / Pusat /Institut

4.0**PENCAPAIAN AKTIVITI**

Sehingga Disember 2009, seramai 1095 orang kakitangan akademik UKM telah mempunyai PhD dan kelayakan setara.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

- (1) Tiada lantikan ke jawatan pensyarah tetap sekiranya pensyarah sementara/ tutor yang dihantar bercuti belajar, gagal menamatkan pengajian.
- (2) Peningkatan kelayakan umur sehingga 45 tahun untuk melanjutkan pengajian ke peringkat PhD dalam negara.
- (3) Pensyarah tetap yang telah melebihi 45 tahun perlu melanjutkan pengajian secara separuh masa.
- (4) Semua lantikan bagi pensyarah baru atau penyambungan kontrak bagi pensyarah kontrak perlu mempunyai kelayakan akademik di peringkat PhD.
- (5) Pensyarah sementara/ tutor yang pulang dari bercuti belajar tanpa menamatkan pengajian diberi masa sehingga 2 tahun untuk berbuat demikian. Sekiranya gagal, mereka akan ditamatkan perkhidmatan.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

TAJUK AKTIVITI

Memantapkan Ilmu dan Kemahiran serta Jaringan Industri Akademia

OBJEKTIF STRATEGIK

Mengukuh wibawa, meningkatkan integriti dan profesionalisme

IPTA

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

1.0 LATAR BELAKANG AKTIVITI

Bagi aktiviti CAP Akademia, beberapa aktiviti telah dikenalpasti bagi memantapkan ilmu dan kemahiran serta membina jaringan industri yang lebih kukuh.

2.0 PERANCANGAN AKTIVITI

Lima (5) aktiviti tersebut diambilkira memandangkan aktiviti-aktiviti ini dapat mendokong aktiviti sedia ada yang sedang dijalankan bagi golongan akademia. Lima aktiviti ini menjurus kepada ilmu dan kemahiran dari aspek pengajaran dan pembelajaran, kepimpinan dan juga jaringan industri.

3.0 PELAKSANAAN AKTIVITI

Lima (5) aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Professorial Lecture Series
- (2) Professional Talk Series
- (3) Hi-Tea Leadership Series
- (4) Anugerah Akademik DiRaja
- (5) Teaching & Learning Task Force / Series

Aktiviti-aktiviti ini diketuai oleh Penolong Naib Canselor (Kepimpinan) Institut Kepimpinan dan Pengurusan Kualiti (iLQAM) serta beberapa ahli lain yang telah dikenalpasti.

4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

Sehingga tarikh laporan ini disediakan, lima (5) siri Professorial Lecture telah dijalankan. Siri ini menampilkan professor dalaman yang menyampaikan ceramah tersebut berdasarkan bidang kepakaran mereka untuk dikongsi bersama para pensyarah dan juga pihak industri, Jadual 1 adalah maklumat tentang 5 siri tersebut:

(1) Professorial Lecture Series

Jadual 1: Professorial Lecture Series

Bil	Tajuk	Penceramah	Tarikh
1.	Corporate Social Responsibility in Malaysia	Profesor Dr Mustafa Mohd Zain TNC (Akademik)	14 Julai 2009
2.	Climate Change Green Technology and Sustainable Buildings	Profesor Dr Azni Zain Ahmed PNC	4 September 2009
3.	To Clone or Not To Clone	Profesor Dr Abu Bakar Majeed PNC (Penyelidikan)	02 Oktober 2009
4.	Forecasting Erosion Induced Landslide	Profesor Dr Roslan Zainal Abidin Pengaruh, National of Soil Erosion Centre	13 Oktober 2009
5.	Corrosion Protection by Paints and Organic Inhibitors	Profesor Dr Mohd Kamal Hj Harun TNC (Komuniti & Jaringan Industri)	2 Februari 2010

(2) Professional Talk Series

Bagi Professional Talk Series, tiga (3) siri dirancang bagi tahun 2010. Siri pertama akan dijalankan pada 23 Mac 2010. Aktiviti ini menekankan kepentingan jaringan industri di kalangan akademia agar peranan yang dimainkan selari dengan kehendak pasaran agar mereka dapat memantapkan pengajaran & pembelajaran bagi kebaikan para pelajar.

Usaha ini juga dilaksanakan bagi melahirkan generasi pelajar yang mantap dari aspek personaliti dan mentaliti yang bersedia untuk memasuki arena pekerjaan di samping memperkasakan jatidiri mereka untuk bersedia menghadapi segala cabaran.

Jadual 2: Professional Talk Series

Bil	Tajuk	Penceramah	Tarikh
1.	The Industry and Academic Chemistry	Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Che Othman Pengerusi / Presiden PUNB	23 Mac 2010
2.	Leadership	Dato' Sri Ahmad Farid Ridzuan	TBC

(3) Hi-Tea Leadership Series

Selain itu juga, Hi-Tea Leadership Series juga dirancang pada tahun ini bagi memberi pendedahan yang sewajarnya kepada golongan akademik yang memegang jawatan pentadbiran iaitu ditermakan sebagai pentadbir akademik. Siri seumpama ini adalah sebagai satu inisiatif pengembangan profesional berterusan (CPD) yang ditekankan di bawah CAPs Akademia. Ia menampilkan bekas pemimpin UiTM telah menerajui UiTM dan kini dijemput untuk berkongsi pengalaman dalam memaartabatkan UiTM seterusnya.

Jadual 3: Hi-Tea Leadership Series

Bil	Tajuk	Penceramah	Tarikh
1.	Academic Leadership Across Higher Education	Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee Laidin	April 2010

(4) Anugerah Akademik DiRaja

Bagi Anugerah Akademik DiRaja, satu majlis Soft Launch telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UiTM pada 21 Ogos 2009 di Dewan Seminar Pusat Antarabangsa UiTM.

Pada Mei 2010 Majlis Penyampaian Anugerah Akademik DiRaja akan berlangsung. Pencalonan akan diterima pada Mac 2010.

Panel Hakim terdiri daripada Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, wakil dari British Council, wakil dari Swinburne University (Australia) dan wakil dari industri.

Anugerah terbahagi kepada lima (5) kategori iaitu:

- (1) Anugerah Akademik Penyelidikan
- (2) Anugerah Akademik Penerbitan Jurnal
- (3) Anugerah Akademik Inovasi
- (4) Anugerah Akademik Kreativiti
- (5) Anugerah Akademik Pengajaran

Pemenang anugerah bagi setiap kategori akan dicalonkan ke Anugerah Akademik Negara 2010.

(5) Teaching & Learning Task Force / Series

Satu Jawatankuasa Kerja Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) telah ditubuhkan pada bulan Februari 2010 bagi menjayakan inisiatif memantapkan P&P di kalangan para pensyarah agar selari dengan perubahan dinamik dari segi kaedah P&P. Fokal jawatankuasa ini adalah kepada pengajaran dan pembelajaran memandangkan niche UiTM adalah graduan diperingkat diploma dan sarjana muda yang memerlukan penglibatan kritikal pensyarah dengan aktiviti-aktiviti pelajar.

Jawatankuasa ini telahpun menjalankan tugas pertama dengan menjalankan kajian soalselidik untuk menilai kualiti pengajaran dan pembelajaran dikalangan para pensyarah di UiTM. Tiga aspek utama telah dikaji iaitu penglibatan pensyarah di kelas, komitmen pensyarah didalam pengajaran dan pembelajaran mereka dan penerapan nilai "employees' employability" oleh pensyarah kepada pelajar-pelajar. Kutipan data kajian ini baru saja tamat dan pada masa ini, ianya diperingkat penyediaan laporan. Laporan kajian ini akan membantu jawatankuasa ini untuk menggariskan beberapa siri latihan P&P yang relevan berdasarkan maklumat yang sedia ada di dalam pangkalan data iLQAM dan iLEARN yang boleh diadaptasikan didalam pengajaran dan pembelajaran para pensyarah kepada pelajar-pelajar UiTM.

Bagi 5 aktiviti CAP Akademia ini, beberapa siri lagi telah dirancang dan akan dijalankan pada tahun ini dan seterusnya. Pemantauan bagi aktiviti ini akan dilaksanakan melalui penilaian program dan juga mendapatkan maklum balas dari Fakulti / Pusat / Unit / Industri yang lain; dalaman dan luaran.

Penolong Naib Canselor (Kepimpinan)
Institut Kepimpinan & Pengurusan Kualiti (iLQAM)

■ 5.0 RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

■ 6.0 PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB



cap: pengajaran dan pembelajaran

1. Mewujudkan Kumpulan Master Trainers dalam P&P (UiTM)
2. Menyediakan Kemudahan Perkhidmatan Perpustakaan yang Menepati Piawaian Nasional dan Antarabangsa (UiTM)
3. Memantapkan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) melalui Pembangunan Sistem (UM)
4. Penekanan Terhadap Kebolehan Berbahasa Inggeris Sewaktu Proses Pemilihan Staf Baru Bukan Akademik (UM)
5. Mengadakan Pelan Tangga Kerjaya Pensyarah (UMT)
6. Melaksanakan Audit Dalaman bagi Program Akademik (USIM)
7. Menyediakan Kemudahan Peralatan Fizikal yang Menepati Piawaian Nasional dan Antarabangsa bagi Tujuan Pengajaran dan Pembelajaran Pada Tahap yang Diterima (USIM)
8. Penempatan Staf dalam Program "Industry Attachment" (UMK)
9. Mereka Bentuk dan Melaksanakan Kurikulum yang Berdaya Saing dan Inovatif (UKM)

1 PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP) PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

TAJUK AKTIVITI

- (1) Mewujudkan kumpulan Master Trainers dalam P&P.
- (2) Menyediakan kemudahan perkhidmatan perpustakaan yang menepati piawaian nasional dan antarabangsa.

OBJEKTIF STRATEGIK


- (1) Mempertingkatkan dan mengekalkan kualiti program akademik
- (2) Mempertingkatkan dan mengekalkan kualiti kemudahan peralatan dan fizikal yang kondusif

IPTA

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

1.0 LATAR BELAKANG AKTIVITI

Pada tahun 2007, Senat UiTM telah meluluskan satu kertaskerja yang mencadangkan bahawa semua program di UiTM akan melalui proses transformasi untuk menggunakan pendekatan pengajaran & pembelajaran berdasarkan keberhasilan atau Outcome based Education (OBE) dan berpusatkan pelajar atau Student Centred Learning (SCL). Sejak itu program-program UiTM yang berjumlah 320 telah mula melalui proses semakan kurikulum dan sehingga tarikh laporan ini disediakan sebanyak 80% telah dibentangkan di Senat untuk kelulusan. Secara keseluruhannya, semakan itu mengambilkira aspek Keberhasilan Pembelajaran yang mana akhirnya program-program UiTM akan menjurus kepada menghasilkan graduan yang berciri profesional serta versatil di samping menyerlah terutamanya dalam ciri keusahawanan, keupayaan berkomunikasi, kepemimpinan serta kreatif dan berinovatif. Ini dihasratkan berupaya untuk kekal menerajui sebab kewujudan UiTM dalam menghasilkan modal insan bumiputera berkualiti demi menggerakkan pencapaian Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi seperti yang digambarkan di dalam rajah berikut.



PEO - Programme Educational Objectives
PO - Programme Outcomes
CO - Course Outcomes

Proses semakan kurikulum program UiTM melalui 3 fasa di mana i) fasa pendokumentasian ii) fasa pembentukan pendekatan penilaian iii) fasa pembentukan pendekatan pengajaran & pembelajaran berkonsepkan OBE dan SCL. Cabaran yang telah dikenalpasti di peringkat UiTM ialah bagaimana untuk memastikan hampir 7,000 pensyarah dari pelbagai peringkat dan bidang dilatih atau didedahkan dengan konsep OBE dan SCL tersebut. Sehubungan itu, inisiatif mewujudkan kumpulan Master Trainers dan Pelatih Pelapis berkaitan P&P adalah satu inisiatif yang kritikal. Di samping itu untuk menjamin keberkesanan pelaksanaan konsep pembelajaran berpusatkan pelajar atau SCL itu berlaku, maka perkhidmatan perpustakaan terutama dari aspek capaian terhadap buku rujukan, buku teks, jurnal, makalah dan terbitan samada online atau melalui kaunter juga menjadi kritikal. Sehubungan itu, dua (2) aktiviti utama berikut telah dikenalpasti untuk dilaksanakan dan dipantau di bawah projek agenda kritikal Pengajaran & Pembelajaran.

■ 2.0 PERANCANGAN AKTIVITI

AKTIVITI UTAMA 1

Mewujudkan pasukan Master Trainers dan pasukan pelatih pelapis dalam usaha memperkasakan Pengajaran & Pembelajaran berdasarkan Keberhasilan (OBE) dan berpusatkan pelajar (SCL).

Milestone 1	Nama-nama dicalonkan oleh dekan setiap fakulti dan pengarah kampus
Deliverable	Senarai nama 24 orang Master Trainers telah dimajukan kepada pihak AKEPT Senarai nama yang selebihnya dijadikan pasukan Jurulatih Pelapis OBE-SCL
Milestone 2	Pasukan yang dipilih menjalani latihan berkaitan
Deliverable	24 orang Master Trainers yang terpilih menghadiri bengkel latihan anjuran AKEPT 200 Jurulatih Pelapis dilatih melalui bengkel anjuran UJKA/ iIQaM untuk program latihan pensyarah menggunakan pendekatan OBE dan SCL bagi kursus semester 1 semua program diploma dan ijazah UiTM Setiap 200 tersebut melatih 10 orang pensyarah kursus semester 1 program berkaitan.
Milestone 3	Menjalankan latihan susulan terhadap kumpulan terbitan.
Deliverable	Setiap satu daripada 12 bidang yang dikenalpasti telah melatih 20 orang pensyarah dan menghasilkan proposal penyelidikan P&P. Setiap 2000 Jurulatih Pelapis telah melatih 3 atau 4 orang pensyarah semester 2 dan yang terkemudian.

AKTIVITI UTAMA 2

Menyediakan kemudahan perkhidmatan perpustakaan yang menepati piawaian nasional dan antarabangsa.

Milestone 1	Mengenalpasti piawaian peringkat nasional menggunakan Area 6 di dalam COPIA yang dikeluarkan oleh MQA dan badan profesional bagi program berkaitan
Deliverable	Senarai semak kedudukan semasa semua perpustakaan di seluruh sistem UiTM melalui dokumen SRP Audit Penilaian Akademik
Milestone 2	Mengenalpasti keperluan bahan ilmiah setiap program dari aspek buku rujukan, buku teks, jurnal, makalah dan terbitan-terbitan online
Deliverable	Daftar senarai keperluan semua program berpandukan dokumen kurikulum
Milestone 3	Memastikan keperluan bahan ilmiah mengikut program seperti yang disenaraikan ditepati dan disediakan.
Deliverable	Dokumen atau terbitan yang dapat disediakan/ dicapai oleh pengguna melalui sistem perpustakaan UiTM samada secara atas talian atau melalui perkhidmatan kaunter.

■ 3.0
PELAKSANAAN AKTIVITI

Bagi aktiviti pertama, milestone ke 2 akan dicapai melalui dua peringkat latihan terpinpin. Pertama ialah latihan 24 Master Trainers yang dipilih untuk mengikuti latihan dalam 12 bidang yang ditawarkan oleh AKEPT seperti berikut:

• Understanding Learners	• Modular Approach
• Curriculum Development	• Assessment for learning
• General Pedagogy and Andragogy	• Student Supervision
• Problem-based learning(PBL)	• Educational Technology
• Project-Oriented Problem base learning	• E-Learning
• Case Teaching	• Scholarship of Learning & Teaching

Kedua, bermula bulan Mac 2010, latihan Pelatih Pelapis yang akan menjurus kepada pemahaman konsep keberhasilan dan pembelajaran berpusatkan pelajar akan dimulakan dan antara modul yang turut akan digunakan termasuk i) Awareness ii) Problem Based Learning iii) Project-Oriented Problem Base Learning iv) Case Learning v) Laboratory Work dan vi) Assessment for Learning. Walaubagaimana pun latihan ini akan menjurus kepada bidang dan berbentuk hands on. Sebanyak 200 pelatih pelapis akan dihasilkan dengan kerjasama iLQaM dan fakulti serta kampus cawangan. Sebelum bulan Jun 2010, setiap 200 orang pelatih pelapis tersebut perlu melatih 10 orang pensyarah kursus semester pertama atau kedua bagi semua kursus dalam setiap program diploma dan ijazah.

Satu acara pelancaran pelaksanaan kurikulum baru di UiTM iaitu Curriculum Transformation Plan (CTP) akan diadakan pada minggu pertama sesi I 2010/2011 Julai nanti serentak di semua kampus. Acara ini akan mempamerkan keberhasilan semua program UiTM dan memperjelaskan bagaimana keberhasilan program akan dicapai melalui pengajaran & pembelajaran.

Untuk milestone ke 3, agenda kritikal P&P akan menjurus kepada menjalankan latihan susulan terhadap kumpulan pelatih terbitan di mana bagi Master Trainers 12 bidang itu setiap satunya akan melatih 20 orang pensyarah dan setiap satu kumpulan akan menghasilkan satu proposal penyelidikan berkaitan bidang latihan pengajaran pembelajaran yang difokuskan. Manakala setiap seorang daripada 2000 jurulatih pelapis mesti melatih 3 atau 4 orang pensyarah semester 2 dan ke atas.

Pada masa yang sama, aktiviti utama yang kedua lebih bersifat penyediaan perkhidmatan bagi menyokong aspek membudayakan pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL). Pihak perpustakaan di keseluruhan sistem UiTM akan memastikan bahawa semua bahan-bahan ilmiah yang diperlukan oleh setiap program disediakan di perpustakaan samada secara online ataupun secara perkhidmatan kaunter. Ini adalah selaras dengan benchmarked standard yang di tetapkan di dalam Area 6 dokumen COPPA MQA.

Bagi mencapai milestone ke 2 pada Jun 2010, pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) akan mendapatkan senarai bahan ilmiah seperti yang direkodkan di dalam silibus kurikulum setiap program. Ia akan disimpan di dalam sistem EKMS yang telah sedia ada di Portal PTAR bersekalian dengan dokumen rujukan MQA 9 Aspek penilaian program yang telah disediakan oleh pihak UJKA dengan bantuan pihak PTAR.

Bagi milestone ke 3, pihak PTAR akan menguruskan pembelian dan pemerolehan bahan-bahan tersenarai dan pencapaian agenda ini akan diukur dengan mengira peratus dokumen yang dapat disediakan.

■ 4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

Sehingga tarikh laporan ini disediakan, 24 nama calon telah dipanjangkan kepada pihak AKEPT dan dua latihan telah dihadiri iaitu i) Scholarship of Learning & Teaching dan ii) Assessment for Learning. Bagi persediaan melatih kumpulan pelatih pelapis, peneraju latihan di setiap kampus cawangan telah dikenalpasti melalui penubuhan jawatankuasa MQA-OBE kampus cawangan. Bagi fakulti ia telah sedia ada seramai 62 orang.

Setakat ini, pihak PTAR telah mewujudkan seksyen MQA dokumen 9 aspek penilaian yang dibangunkan semasa proses Audit Prestasi Akademik tempoh hari. Dokumen-dokumen tersebut boleh dicapai melalui Corporat Memory di dalam portal EKMS PTAR.

■ 5.0 RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

Satu mesyuarat khas untuk jawatankuasa MQA-OBE kampus telah dirancang dan satu daripada agendanya ialah untuk memberikan latihan pendedahan terhadap OBE_SCL dan bagaimana penilaian pelajar dilakukan. Dua kampus setakat ini telah menghantar nama pensyarah yang akan mengajar semester satu pada sesi 2010/2011 akan datang. Nama-nama selebihnya akan diperolehi dan tempat latihan akan dikenalpasti di setiap kampus cawangan dan setiap fakulti. Satu takwim latihan akan dibina untuk memudahkan pasukan Master Trainers dan Pelatih Pelapis memantau prestasi masing-masing.

Di samping itu, di akhir Disember 2010, pihak fakulti boleh diberikan folder untuk menyimpan dokumen kurikulum program masing-masing bagi memudahkan capaian oleh pihak PTAR dan juga pihak fakulti dan panel penilai program apabila diperlukan. Bahan-bahan ilmiah ini akan dapat membantu pelajar memperkayakan ilmu masing-masing secara sendiri.

■ 6.0 PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Pengarah Jaminan Kualiti Akademik
Unit Jaminan Kualiti Akademik (UJKA)
Bahagian Hal Ehwal Akademik

TAJUK AKTIVITI

Memantapkan Pengajaran Dan Pembelajaran Melalui Pembangunan Sistem

OBJEKTIF STRATEGIK

- (1) Mempertingkatkan dan mengekalkan kualiti program akademik
- (2) Meningkatkan kualiti pensyarah
- (3) Mempertingkatkan dan mengekalkan kualiti kemudahan peralatan dan fizikal yang kondusif

IPTA

Universiti Malaya (UM)

■ 1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

- (1) Eksesais Penilaian Kursus dan Pengajaran (PKP) telah dimulakan di bawah Unit Penjaminan Kualiti (UPK) pada Semester I, Sesi 1999/2000. Pelaksanaan PKP dijalankan secara manual dengan pengedaran borang Optical Character Recognition (OCR) kepada pelajar-pelajar program ijazah pertama.
- (2) Tujuan eksesais PKP dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumbalas pelajar bagi perkara-perkara berikut:
 - (a) Bahagian A - penilaian mengenai kursus,
 - (b) penilaian Bahagian B – penilaian mengenai mutu pengajaran oleh pensyarah kursus berkenaan, dan
 - (c) Bahagian C - penilaian mengenai kemudahan dan peralatan yang disediakan untuk kursus tersebut.
- (3) Pelaksanaan PKP oleh semua PTj akademik adalah pada semester biasa iaitu pada Semester I dan II. Semua kursus perlu dinilai oleh pelajar kecuali kursus yang berbentuk praktikal seperti Latihan Industri, Latihan Mengajar, Kertas Projek/Projek Ilmiah dan seumpamanya.
- (4) Bahagian Akademik mengambil alih tanggungjawab pemantauan pelaksanaan proses PKP dari UPK pada Semester II, Sesi 2000/2001.
- (5) Pada Semester I, Sesi 2007/2008, pelaksanaan eksesais PKP telah dipertingkatkan kepada pelaksanaan secara online (web base). Satu sistem baru telah dibangunkan oleh Pusat Teknologi Maklumat (PTM) yang dikenali sebagai Course and Teaching Evaluation System (CTES). Semua pelajar ijazah pertama kecuali pelajar program MBBS menggunakan CTES untuk membuat penilaian kursus.
- (6) Pelaksanaan PKP secara online (web base) merupakan salah satu usaha Bahagian Akademik untuk menambahbaik pelaksanaan PKP di Universiti. Antara tujuan utama pelaksanaan PKP diubah dari kaedah manual kepada online (web base) adalah untuk menjimatkan kos penggunaan kertas, kos cetakan dan kos pembayaran kepada perkhidmatan pakar luar untuk penjaanaan penilaian PKP.
- (7) Dengan pemantapan pelaksanaan eksesais PKP secara online, mulai Semester I, Sesi 2008/2009, calon-calon program-program ijazah tinggi (kerja kursus) turut menggunakan sistem CTES.

■ 2.0
PERANCANGAN &
PELAKSANAAN AKTIVITI

- (1) Untuk memastikan pelaksanaan CTES adalah lancar, satu jadual kerja disediakan setiap semester oleh Bahagian Akademik untuk digunakan sebagai rujukan semua pihak terlibat iaitu pihak Pusat Tanggungjawab (PTj) dan PTM. Jadual kerja ini menetapkan tarikh mula dan tamat bagi setiap proses. Perancangan secara keseluruhan aktiviti CTES untuk Sesi 2009/2010 adalah seperti yang diberikan dalam Lampiran A.
- (2) Perancangan juga telah dibuat supaya pelajar-pelajar program Matrikulasi turut menggunakan CTES. Pada masa ini, penilaian kursus di kedua-dua lokasi ini dijalankan secara manual.
- (3) Beberapa siri perbincangan telah diadakan antara Bahagian Akademik dan PTM bersama wakil Pusat Asasi Sains UM (PASUM) dan wakil Akademi Pengajian Islam dari Nilam Puri. Berdasarkan perancangan yang dibuat, kedua-dua PTj ini akan mula menggunakan CTES pada Semester II, Sesi 2009/2010.

■ 3.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

- (1) Statistik bilangan pelajar yang telah menggunakan CTES untuk membuat penilaian adalah seperti yang diberi dalam Lampiran B. Berdasarkan statistik pencapaian pada Semester I, Sesi 2009/2010, penggunaan CTES oleh pelajar ijazah pertama mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 80% kecuali bagi satu PTj.
- (2) Penggunaan CTES akan mencapai 100% pada Milestone 2 (Jun 2010) apabila pelajar-pelajar program Matrikulasi turut menggunakan CTES untuk membuat penilaian kursus dan pengajaran pada Semester II, Sesi 2009/2010.

■ 4.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Jawatankuasa kerja akan bermesyuarat pada bulan Mac 2010 bagi menentukan kadar *cost allocation* bagi kos tak langsung dan seterusnya menjalankan kajian yang diperlukan.

■ 5.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Malaya

Timbalan Pendaftar (Akademik)
Bahagian Akad

LAMPIRAN A

CARTA AKTIVITI PENILAIAN KURSUS DAN PENGAJARAN SEMESTER I, SESI 2009/2010 HINGGA SEMESTER II, SESI 2009/2010

AKTIVITI/KEGIATAN	
Semester I, Sesi 2009/2010	
Perbincangan PKP secara online untuk Program Asasi Sains, Asasi Alam Bina dan Asasi Nilam Puri dengan PTM	Julai 2009
Perbincangan PKP secara online untuk Program Asasi Sains, Asasi Alam Bina dan Asasi Nilam Puri dengan PTM, API dan PASUM	Ogos 2009
Pelajar Ijazah Pertama menjalankan eksesai PKP secara online	September 2009 Oktober 2009 November 2009
Penjanaan laporan PKP oleh PTj dan Bahagian Akademik	November 2009
Mesyuarat Post Mortem PKP	Januari 2010
AKTIVITI/KEGIATAN	
Semester II, Sesi 2009/2010	
Latihan penggunaan sistem CTES untuk staf PTj	Februari 2010
Pelajar Asasi Sains menjalankan eksesai PKP secara online	Februari 2010 Mac 2010
Pelajar Asasi Pengajian Islam menjalankan eksesai PKP secara online	Februari 2010 Mac 2010
Pelajar Ijazah Pertama menjalankan eksesai PKP secara online	Februari 2010 Mac 2010 April 2010
Penjanaan laporan PKP oleh PTj dan Bahagian Akademik	Mei 2010
Mesyuarat Post Mortem PKP	Jun 2010

LAMPIRAN B

PERATUS PELAJAR IJAZAH PERTAMA YANG MENJALANKAN EKSESAIS PENILAIAN KURSUS DAN PENGAJARAN (PKP) MENGIKUT AKADEMI/FAKULTI/ PUSAT, SEMESTER I, SESI AKADEMIK 2009/2010

Akademi/Fakulti/Pusat	Jumlah Pelajar Aktif	Jumlah Pelajar Yang Membuat Penilaian	Peratus
Akademi Pengajian Islam	1561	1507	96.54
Akademi Pengajian Melayu	598	592	99
Fakulti Alam Bina	645	617	95.66
Fakulti Bahasa dan Linguistik	332	325	97.89
Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran	681	667	97.94
Fakulti Kejuruteraan	1949	1895	97.23
Fakulti Pendidikan	934	797	85.33
Fakulti Pergigian*	389	62	15.94
Fakulti Perniagaan dan Perakaunan	1204	1172	97.34
Fakulti Perubatan	495	486	98.18
Fakulti Sains	2245	2170	96.66
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	591	460	77.83
Fakulti Sastera dan Sains Sosial	1417	1316	92.87
Fakulti Undang-Undang	407	396	97.3
Pusat Kebudayaan	227	191	84.14
Pusat Sukan	340	287	84.41

■ Nota

*Fakulti Pergigian menawarkan program Sarjana Muda Pembedahan Pergigian (BDS) di bawah sistem penggal. Maka penilaian bagi kursus-kursus program BDS hanya dijalankan pada akhir sesi atau pada akhir Semester II. Bilangan pelajar yang membuat penilaian pada Semester I, Sesi 2009/2010 merujuk kepada pelajar tahun pertama yang menilai kursus-kursus Universiti di bawah sistem semester.

TAJUK AKTIVITI

Penekanan Terhadap Kebolehan Berbahasa Inggeris Sewaktu Proses Pemilihan Staf Baru Bukan Akademik

OBJEKTIF STRATEGIK

Mempertingkatkan kualiti staf bukan akademik

IPTA

Universiti Malaya (UM)

1.0
LATAR BELAKANG AKTIVITI

Aktiviti ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti calon yang berpotensi dan mempunyai kebolehan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris bagi mengisi jawatan lantikan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) dan Kumpulan Sokongan selaras dengan pengantarabangsaan Universiti Malaya.

Aktiviti ini dijalankan melalui penilaian tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan calon yang memohon untuk jawatan Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik) dan Kumpulan Sokongan. Ianya telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sejak tahun 2007.

Penilaian tahap penguasaan Bahasa Inggeris ini dijalankan melalui dua (2) kaedah yang berbeza kepada dua kumpulan tersebut seperti berikut:

- (1) Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik) – ujian bertulis dijalankan sebagai tapisan pertama dan penilaian penguasaan Bahasa Inggeris secara lisan diadakan semasa temuduga .
- (2) Kumpulan Sokongan – penilaian penguasaan Bahasa Inggeris secara lisan semasa temuduga dijalankan.

2.0
PERANCANGAN AKTIVITI

Ketika ini penilaian penguasaan Bahasa Inggeris telah dilaksanakan kepada semua gred jawatan lantikan dalam Kumpulan Sokongan kecuali bagi jawatan Pekerja Awam Gred R1.

Sebagai permulaan, bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik), penilaian penguasaan Bahasa Inggeris dilaksanakan kepada calon yang memohon jawatan Pegawai Tadbir N41 dan Pengurus Asrama Gred N41.

Ujian ini seterusnya dipanjangkan kepada semua gred jawatan lantikan dalam Kumpulan Pengurusan & Profesional mulai tahun 2010.

3.0
PELAKSANAAN AKTIVITI

- (1) Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik)

Penilaian ini dilaksanakan melalui dua (2) peringkat seperti berikut:

(a) Ujian Bertulis

Ujian ini dijalankan kepada semua calon yang layak dipertimbangkan untuk lantikan mengikut skim perkhidmatan jawatan yang berkaitan. Calon dipanggil untuk menghadiri ujian pada satu tarikh yang ditetapkan dan diminta untuk menulis esei dalam Bahasa Inggeris berdasarkan tajuk yang disediakan. Calon diminta memilih salah satu tajuk dan diberikan masa satu jam untuk menyiapkan esei tersebut.

Markah lulus ujian yang ditetapkan adalah bergantung kepada pencapaian keseluruhan calon bagi setiap eksekusi. Calon yang melepasi tahap lulus ujian yang ditetapkan akan dipanggil untuk ke peringkat seterusnya.

(b) Ujian Lisan

Penilaian dibuat semasa temuduga dijalankan di mana calon diberi satu tajuk untuk dibincangkan bersama dengan panel penemuduga. Di samping itu, calon diminta berinteraksi dengan panel penemuduga dalam Bahasa Inggeris mengikut kemampuan masing-masing.

Penilaian dibuat berdasarkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris calon seperti di bawah:

■ Cemerlang

Fasih berbahasa Inggeris termasuk penguasaan tatabahasa dan perbendaharaan kata.

■ Baik

Fasih berbahasa Inggeris dan sederhana dalam penguasaan tatabahasa dan perbendaharaan kata dan difahami maksudnya

■ Sederhana

Sukar berkomunikasi dan memerlukan bantuan panel bagi sesetengah perkataan tetapi boleh memahami maksud yang disampaikan oleh panel

■ Lemah

Tidak boleh berkomunikasi dan tidak dapat memahami maksud yang disampaikan oleh panel

(2) Kumpulan Sokongan

Penilaian dibuat semasa temuduga dijalankan di mana calon diberi satu tajuk untuk dibincangkan bersama dengan panel penemuduga. Sebagai contoh, calon diminta untuk menceritakan latar belakang diri, keluarga, hobi, cita-cita dan pengetahuan mengenai Universiti Malaya. Di samping itu, calon diminta berinteraksi dengan panel penemuduga dalam Bahasa Inggeris mengikut kemampuan masing-masing.

■ 4.0

PENCAPAIAN AKTIVITI

(1) Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik)

Semua calon yang dilantik mulai tahun 2009 bagi jawatan Pegawai Tadbir dan Pengurus Asrama Gred N41 adalah dari kalangan mereka yang lulus ujian bertulis dan memiliki kebolehan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris sekurang-kurangnya di peringkat 'baik'.

(2) Kumpulan Sokongan

Semua calon yang dilantik dalam Kumpulan ini telah mencapai tahap penguasaan Bahasa Inggeris sekurang-kurangnya di peringkat 'baik'.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Melalui penilaian ini, Universiti telah melantik staf baru yang berkebolehan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan baik kepada pelanggan Universiti Malaya khususnya pelajar mahupun staf antarabangsa.

Pihak Universiti Malaya sedang dalam pelaksanaan untuk memanjangkan penilaian bertulis dalam Bahasa Inggeris kepada semua jawatan lantikan dalam Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik).

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Timbalan Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia

Ketua Penolong Pendaftar
Unit Pelantikan
Bahagian Sumber Manusia

TAJUK AKTIVITI

Mengadakan Pelan Tangga Kerjaya Pensyarah

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan kualiti pensyarah

IPTA

Universiti Malaysia Trengganu (UMT)

■ 1.0
LATAR BELAKANG AKTIVITI

Pelan Tangga Kerjaya Pensyarah merupakan Bengkel Pengajaran dan Pembelajaran yang dilaksanakan secara tahunan. Setiap pensyarah adalah diwajibkan mengikuti sekurang-kurangnya sekali sepanjang perkhidmatan mereka di UMT. Keutamaan adalah kepada pensyarah yang baru berkhidmat.

■ 2.0
PERANCANGAN AKTIVITI

Setiap tahun aktiviti ini dirancang dalam dua fasa bagi memudahkan pelaksanaannya:

- (1) Fasa I: Bengkel Pengajaran dan Pembelajaran Fasa I bertujuan memberi maklumat mengenai peluang kerjaya seorang pensyarah universiti dan peranannya dalam melahirkan modal insan berkualiti.
- (2) Aktiviti dalam bengkel fasa I merupakan pengenalan awal kepada para peserta mengenai peranan, peluang kerjaya dan etika seorang pensyarah universiti, pengetahuan dan kemahiran mengenai proses dan prosedur pengajaran.
- (3) Fasa II: Bengkel Pengajaran dan Pembelajaran Fasa II akan memberi peluang kepada pensyarah mempelajari prinsip dan teori asas pembelajaran yang sesuai dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di Universiti. Bengkel ini akan membolehkan pensyarah mempelajari kaedah penyediaan folio pengajaran dan kesesuaian penggunaan kemudahan teknologi maklumat dalam pengajaran.
- (4) Di dalam bengkel fasa II aktiviti utama adalah pendedahan kepada para peserta tentang kemahiran asas dalam teknologi pengajaran berkomputer untuk membentuk strategi yang bersesuaian dalam pengajaran. Mereka juga akan dilatih menyediakan folio pengajaran dengan menggunakan teknologi maklumat masa kini.

■ 3.0
PELAKSANAAN AKTIVITI

- (1) Pelaksanaan pada tahun 2009 telah berjalan lancar dengan bilangan penyertaan seramai 30 orang pensyarah muda bagi setiap fasa dan kedua-duanya dilaksanakan pada bulan Jun.
- (2) Tenaga pengajar dan pengendali bengkel adalah terdiri daripada Naib Canselor, Dekan/Pengarah, Profesor dan pensyarah kanan serta pensyarah/pakar jemputan dari IPTA lain.
- (3) Pengendalian bengkel dilengkapi dengan 10 modul berkaitan pengajaran pembelajaran iaitu:
 - (a) Proses dan Prosedur Pengajaran Pembelajaran di UMT
 - (b) Pengajaran Berkesan
 - (c) Kerjaya Pensyarah dan Akauntabiliti Akademia
 - (d) Pembelajaran dan Pengajaran di IPT

- (e) Motivasi dan Kemahiran Kaunseling
- (f) Penyeliaan Pelajar
- (g) Kaedah Penyelidikan Perpustakaan dan Penilaian Sumber Maklumat
Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran
- (h) Reka Bentuk dan Pembangunan Kurikulum
- (i) Kemahiran Insaniah

■ 4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

Dari segi pencapaian, bengkel ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada tahun 2009. Para pensyarah dibekalkan dengan pengetahuan dan modul yang lengkap. Pensyarah yang mengambil bahagian dalam bengkel tersebut telah menghasilkan contoh folio pengajaran mengikut bidang masing-masing.

Selepas mengikuti bengkel ini, para pensyarah telah mendapat pendedahan dan maklumat sepenuhnya mengenai asas dan teknik pengajaran serta aplikasi teknologi maklumat. Ini akan dapat dimanfaatkan dalam pengajaran dan tugas harian mereka di fakulti / institut masing-masing.

■ 5.0 RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

Secara umumnya, pelaksanaan Pelan Tangga Kerjaya Pensyarah melalui bengkel ini sangat sesuai bagi meningkatkan pengetahuan dan memantapkan kemahiran sedia ada pensyarah terutama dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Pensyarah-pensyarah muda terutama yang baru pertama kali memasuki alam pekerjaan sebagai pengajar di universiti juga mendapat pendedahan yang sewajarnya berkaitan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pendidik di peringkat universiti. Mereka juga berpeluang mempelajari dan menguji keupayaan mereka sebagai pensyarah dan pengajar dengan bantuan kemudahan sains dan teknologi terkini.

Bengkel Pengajaran dan Pembelajaran akan terus dilaksanakan pada setiap tahun dengan membuat penambahbaikan dari masa ke semasa.

■ 6.0 PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Pengarah,
Pusat Kualiti dan Pembangunan Akademik (PKPA)

5

PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP) PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

TAJUK AKTIVITI

Melaksanakan Audit Dalaman bagi Program Akademik

OBJEKTIF STRATEGIK

Mempertingkat Dan Mengekalkan Kualiti Program Akademik

IPTA

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

USIM telah mendapat pensijilan MS ISO 9001:2000 pada 28 November 2004 di bawah skop "Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan di Peringkat Sarjana Muda Meliputi Rekabentuk dan Pembangunan Kurikulum Program". Secara umumnya, skop ini merangkumi semua proses yang melibatkan sistem Pengajaran dan Pembelajaran yang di uruskan oleh Bahagian Pengajian Pra-Siswazah.

Dalam konteks PSPTN, objektif strategik mempertingkatkan dan mengekalkan kualiti program adalah berkaitan. Dalam usaha USIM untuk memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran terjamin dan dimantapkan, terdapat beberapa prosedur khusus dan prosedur umum yang perlu dipatuhi seperti berikut:

PROSEDUR KHUSUS (TERAS)


Keterangan	
1.	Pembangunan Fakulti/ Program/ Kursus
2.	Penyediaan Prospektus/ Buku Panduan Fakulti
3.	Pengambilan dan Tawaran
4.	Pendaftaran Kemasukan Pelajar
5.	Pendaftaran dan Pengesahan Kursus Pelajar
6.	Penjadualan dan Pelaksanaan Kursus
7.	Peperiksaan Akhir Semester
8.	Penggrehan, Pemarkahan dan Pengeluaran Keputusan Peperiksaan
9.	Penyediaan Transkrip Rasmi dan Skrol Akademik
10.	Kawalan Terhadap Pelajar Yang Tidak Memenuhi Spesifikasi Pengajian
11.	Pemilihan Tenaga Pengajar Sambilan

PROSEDUR UMUM (SOKONGAN)

Keterangan	
1.	Pengendalian Penyelenggaraan Kerosakan Kecil
2.	Pengurusan Penyelenggaraan Secara Berkala
3.	Pemantauan Kerja-Kerja Pembersihan
4.	Pengurusan Aduan Kerosakan Perkakasan dan Perisian ICT
5.	Pengurusan Tempahan Makmal Komputer dan Bahasa
6.	Pengurusan Makmal Komputer dan Bahasa
7.	Pengurusan Tempahan Alat Bantu Mengajar (ICT)
8.	Pengurusan Sistem SMU
9.	Pengurusan 'Back Up' Secara Berkala Dan 'Recovery Data'
10.	Permohonan Pemasangan Katalaluan Sistem SMU

■ 2.0
PERANCANGAN AKTIVITI
TERLIBAT

Program Audit Kualiti Dalaman dirancang 2 kali setahun mengikut semester. Secara umumnya proses aktiviti audit termasuk kepada proses melatih auditor dan pelantikan auditor.



USIM mensasarkan untuk menyertai pencalonan Anugerah Kualiti Perdana Menteri pada tahun 2012. Program audit ini perlu dilaksanakan sebaiknya bersama tindakan pembedahan dan tindakan pencegahan bagi mengurangkan kesilapan dan kelemahan dalam sistem. Oleh itu, sasaran utama pelaksanaan kualiti ialah mengurangkan Penemuan Laporan Ketidakpatuhan (NCR) bagi setiap kali program audit dijalankan.

■ 3.0
PELAKSANAAN AKTIVITI

Program Audit Kualiti Dalaman dilaksanakan dan dikoordinasi oleh Bahagian Pengurusan Kualiti, Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti. Para auditor terdiri daripada staf Pengurusan dan Profesional (P&P) dan staf Akademik di setiap Jabatan/ Bahagian/ Fakulti. Kawasan yang diaudit merangkumi Bahagian Pengajian Pra-Siswazah, Fakulti-fakulti, Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, Jabatan Perpustakaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Jabatan Pembangunan & Pengurusan Fasiliti.

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

Pada setiap tahun program Audit Kualiti Dalaman ini dijalankan sepenuhnya 100%. Isu yang dihadapi ialah berkaitan komitmen auditor di mana terdapat auditor yang dilantik tidak memberi komitmen penuh. Antara faktornya mungkin kerana ada auditor tidak menerima sebarang ganjaran daripada tugasnya. Bagi mengatasinya auditor baru perlu dilantik pada setiap tahun.

■ 5.0
RUMUSAN AKTIVITI/PROJEK

Secara keseluruhan, program Audit Kualiti Dalaman berjalan dengan lancar dan memberi penambahbaikan yang ketara kepada Sistem Pengurusan Kualiti Bahagian Pengajian Pra-Siswazah, Pusat Pengajian Siswazah dan Pusat Tamhidi. Pada masa akan datang aktiviti ini akan diteruskan untuk menilai dan mencari lagi ruang penambahbaikan di dalam sistem.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Bahagian Pengurusan Kualiti,
Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti.

TAJUK AKTIVITI

Menyediakan Kemudahan Peralatan Fizikal yang Menepati Piawaian Nasional dan Antarabangsa bagi Tujuan Pengajaran dan Pembelajaran Pada Tahap yang Diterima.

OBJEKTIF STRATEGIK

Mempertingkatkan dan mengekalkan kualiti kemudahan peralatan dan fizikal yang kondusif

IPTA

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

■ 1.0
LATAR BELAKANG AKTIVITI

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ketika ini beroperasi di dua kampus iaitu kampus utama di Nilai dan kampus Pandan Indah. Sehingga Februari 2010, USIM telah membangunkan pembinaan sebanyak 140,430.00 meter persegi yang terdiri dari pembinaan fakulti dan bangunan pentadbiran. Ini termasuk penyewaan ruang bangunan sebanyak sembilan tingkat (tingkat 9 hingga 17) di Menara B, Persiaran MPAJ di kampus Pandan Indah dengan keluasan 17,525 kaki persegi setiap tingkat.

Keluasan ini meliputi kemudahan pelajar yang telah disediakan seperti makmal bahasa, makmal sains, bengkel, studio, dewan dan bilik kuliah, bilik tutorial, bilik suntungan, bilik tayangan termasuk kemudahan lain di perpustakaan seperti bilik karek, bilik transit pensyarah dan sebagainya.

■ 2.0
PERANCANGAN AKTIVITI

Berdasarkan unjuran pengambilan pelajar, sehingga tahun 2015, seramai 12,000 pelajar akan bertambah di USIM. Oleh yang demikian, perancangan kemudahan fizikal akan dibuat selaras dengan unjuran pelajar semasa bagi memastikan kecukupan nisbah pelajar berbanding kemudahan yang disediakan.

Halatuju dan Rancangan Strategik USIM 2008-2020 telah diwujudkan dan bergantung penuh pada kewujudan kemudahan prasarana yang mencukupi keperluan dan fungsional, penggunaan sumber secara optimum, penyelenggaraan dan kenaikan taraf kemudahan sedia ada. Bagi merealisasikannya, USIM menggariskan strategi seperti berikut:

- i. ICT- berperanan sebagai pemberdaya (enabler) unggul
- ii. Membangun kemudahan fizikal yang sesuai dan mencukupi
- iii. Mewujudkan suasana intelektual melalui pembangunan terancang
- iv. Menyediakan fasiliti pembelajaran yang sesuai dan mencukupi, termasuklah hardware dan software
- v. Mencerminkan martabat Islam yang suci lagi mulia melalui kemudahan dan prasarana fizikal.

Pembinaan Dewan Besar (Dewan Hadhari) USIM bagi kegunaan majlis-majlis rasmi seperti konvokesyen telah dirancang termasuk juga dengan pembinaan kolej kediaman pelajar yang boleh memuatkan seramai 1,000 orang pelajar dalam satu masa.

■ 3.0
PELAKSANAAN AKTIVITI

Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti merupakan jabatan yang menyelaraskan penyediaan kemudahan fizikal. Antara aktiviti yang diselaraskan adalah seperti berikut:

- a) pembangunan fizikal sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Lima Tahun,
- b) kerja-kerja naiktaraf kemudahan sedia ada,
- c) kerja-kerja penyelenggaraan bangunan,
- d) kerja pencucian bangunan dan pembersihan kawasan, dan
- e) perkhidmatan bas.

■ 4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

Status kemajuan antara projek-projek RMK-9 adalah seperti berikut:

■ Infrastruktur	= Pakej 1 siap, pakej 2 peringkat tender
■ Bangunan Perpustakaan	= Siap
■ Bangunan Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Kesihatan	= Siap
■ Dataran Selera	= Siap
■ Pusat Komersial	= Siap
■ Kemudahan Sukan-Trek Sintetik, Kompleks & Padang	= Siap
■ Fakulti Ekonomi dan Muamalat	= Siap
■ Rumah kakitangan Penting	= Siap
■ Bengkel Penyelenggaraan & Stor Pembangunan	= Siap
■ Fakulti Sains dan Teknologi	= 3%
■ Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	= tangguh ke RMK-10
■ Asrama Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	= tangguh ke RMK-10
■ Pusat Tamhidi	= 7%
■ Pembangunan ICT	= 80%
■ Peralatan Makmal FST	= 90%
■ Peralatan Makmal FPSK	= 90%
■ Peralatan Program Komunikasi	= Siap
■ Sistem Keselamatan Perpustakaan	= Siap
■ Lanskap & Penghijauan Kampus	= Siap
■ Kolej Kediaman Pelajar 1	= 36%
■ Dewan Besar	= Peringkat tender
■ Pusat Islam	= Rekabentuk terperinci
■ Perolehan Asrama Sutera Indah	= Perolehan selesai
■ Perolehan Asrama Desa Acacia	= Bayaran telah dibuat
■ Perolehan Asrama Pandan Mewah	= Penyediaan dokumen perjanjian jual beli

■ 5.0 RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

Projek-projek pembangunan fizikal sepanjang Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9) dapat dijalankan dengan lancar dan teratur. Sehingga 31 Disember 2009, USIM dapat membelanjakan sebanyak 93.21% daripada peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Banyak kemudahan fizikal yang dapat digunakan dinikmati oleh warga USIM terutamanya bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK-10) iaitu dari 2011 sehingga 2015, USIM telah memohon sebanyak RM500 juta untuk pembangunan fizikal merangkumi pembinaan Fakulti-fakulti, Pusat-pusat Kecemerlangan (COE), Pusat Islam, asrama pelajar, peralatan, lanskap, ICT dan kerja-kerja naik taraf. Dengan tambahan bangunan dan lain-lain kemudahan fizikal, USIM akan dapat memberikan kemudahan yang selesa serta mencukupi kepada semua warga USIM dan pengguna lain.

■ 6.0 PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Pengarah
Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasilitas

TAJUK AKTIVITI

Penempatan Staf dalam Program Industry Attachment

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan kualiti pensyarah

IPTA

Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

■ 1.0
LATAR BELAKANG AKTIVITI

Projek Staff in Enterprise Program (STEP) ini adalah merupakan lanjutan kepada projek Students in Enterprise Program (SIEP) yang telah dilaksanakan dengan berkesan sekali. Untuk program SIEP, semua pelajar Universiti diwajibkan untuk mengikuti empat (4) modul selama empat (4) minggu setiap modul. Program ini menempatkan pelajar di tempat yang mengoperasikan aktiviti ekonomi yang mencakupi perniagaan, penternakan, pembuatan dan sebagainya. Di akhir tempoh sangkutan, pelajar akan menyediakan laporan teknikal mengenai kegiatan ekonomi yang mereka sertai bersama-sama dengan laporan kemajuan program. Kejayaan program untuk pelajar ini mendorong agar ianya diperluaskan kepada staf Universiti, terutama staf akademik.

Program STEP ini akan mendedahkan staf kepada selok-belok pekerjaan yang berkaitan di tempat yang berbeza, memperoleh ilmu pengetahuan dan kaedah kerja yang pelbagai. Staf yang mengikuti program tersebut juga diharap dapat menghargai budaya keusahawanan dan budaya kerja yang membawa kepada kreativiti dan inovasi. Di samping itu, program ini juga akan merapatkan lagi pengetahuan dan kapasiti staf dengan perkembangan terkini, memperkayakan kerjaya dan meningkatkan produktiviti kerja staf Universiti.

■ 2.0
PERANCANGAN AKTIVITI

Setiap fakulti akan mengenalpasti staf (mengikut keutamaan) untuk dibenarkan membuat kerja-kerja industri (industrial attachment) di syarikat/ladang yang berkaitan. Sangkutan ini boleh dibuat dalam bentuk sementara (part time) di mana staf akan diluluskan untuk berada di lapangan/syarikat/ladang selama beberapa jam seminggu. Sebaliknya, staf juga boleh memohon untuk berada di lapangan/syarikat/ladang secara sepenuh masa untuk tempoh yang tidak melebihi 12 bulan dan tertakluk kepada terma perkhidmatan yang biasa dan syarat-syarat lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa.

■ 3.0
PELAKSANAAN AKTIVITI

Pelaksanaan projek ini adalah berterusan secara giliran dan penempatan staf dibuat di lapangan/syarikat/ladang yang berkaitan dengan bidang staf, dan boleh memberikan nilai tambah kepada staf dan Universiti. Dekan fakulti atau Ketua Pusat Tanggungjawab, dengan kerjasama pengurusan tempat sangkutan (syarikat/agensi/ladang) akan memantau aktiviti staf semasa penempatan industri. Penilaian terhadap aktiviti staf akan dibuat diakhir tempoh program berdasarkan rekod pemantauan dan laporan yang akan disediakan oleh staf yang berkaitan.

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

Setakat ini, hanya seorang staf yang pernah mengikuti program ini. Staf yang terlibat adalah merupakan staf dari Jabatan Perpustakaan dan penempatan tersebut lebih bertujuan sebagai latihan untuk mempelajari serta memahami tugas dengan lebih mendalam. Penempatan untuk staf ini dibuat di perpustakaan yang lebih besar dan yang telah lama beroperasi.

■ 5.0
RUMUSAN DAN AKTIVITI
AKAN DATANG

Program ini akan menyumbang kepada aspirasi Universiti sebagai Universiti Keusahawanan dan relevan kepada perkembangan Negara lebih-lebih lagi masyarakat setempat. Ianya akan menjadi platform untuk staf mempelajari, berkongsi idea serta pengalaman dan menyumbang kepada kesejahteraan perekonomian Negara dan masyarakat setempat.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Pendaftar

TAJUK AKTIVITI

Mereka Bentuk dan Melaksanakan Kurikulum Yang Berdaya Saing dan Inovatif

OBJEKTIF STRATEGIK

Mempertingkatkan dan mengekalkan kualiti program akademik

IPTA

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

■ 1.0
LATAR BELAKANG AKTIVITI

Pusat Pembangunan Akademik (PPA) berfungsi untuk meningkatkan kualiti akademik ke arah menjadikan UKM Pusat Ilmu Terpilih merangkumi aspek peningkatan profesionalisme akademik, pembangunan e-pembelajaran, perkembangan & inovasi kurikulum dan ISO akademik.

■ 2.0
PERANCANGAN AKTIVITI

Bagi memastikan UKM mampu menerajui reka bentuk serta penyampaian kurikulum yang berdaya saing dan inovatif, aktiviti berikut telah dirancang iaitu :

■ Milestone 1

- (1) Membangunkan garis panduan Lembaga Penasihat Program Pengajian untuk memastikan setiap program pengajian dibangunkan mengikut keperluan Agensi Kelayakan Malaysia.
- (2) Membangunkan dan melaksanakan Dasar Pemindahan dan Pengecualian Kredit UKM agar pelajar boleh mengikuti kurikulum pengajian yang lebih fleksibel. Dasar ini memudahkan pelajar mengikuti kursus-kursus di luar UKM sama ada di IPT di dalam atau di luar negara.
- (3) Membangunkan Dasar Program Perantara Akademik (Bridging) agar pelajar boleh bertukar program pengajian dan mendapat sokongan dalam pengajaran dan pembelajaran.
- (4) Melaksanakan penyebaran maklumat (road show) serta perkongsian pengalaman tentang pengajaran pembelajaran berasaskan hasil (OBE) untuk mengukuhkan kefahaman ahli akademik dalam perkara berkenaan.
- (5) Menyediakan dokumen panduan tentang Taksonomi Pengajaran dan Pembelajaran sebagai garis panduan untuk ahli akademik dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.
- (6) Menerbitkan Buku Panduan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan untuk ahli akademik dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.
- (7) Mengenal pasti dan menjemput profesor pelawat untuk mengendalikan kursus dan bengkel untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

■ Milestone 2

- (1) Menerbitkan jurnal (secara on-line), Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE) sebagai wadah perkongsian ilmu untuk ahli akademik dalam dan luar negara berkongsi dapatan dan pandangan tentang pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi.
- (2) Menyediakan pautan untuk membantu ahli akademik mendapatkan dokumen serta garis panduan dalam membangunkan program pengajian yang baru.
- (3) Menerbitkan Buku Mengilhamkan Harapan Mencipta Masa Depan: Pengalaman Pembelajaran di UKM
- (4) Menerbitkan Buku Kod Etika dan Tatatertib Akademik

■ Milestone 3

- (1) Menyediakan pautan-pautan berkenaan dengan inovasi pengajaran dan pembelajaran di laman web PPA.
- (2) Menganjurkan Kongres Pengajaran dan Pembelajaran setiap tahun bagi menyediakan perkongsian ilmu, kemahiran dan amalan dalam meningkatkan kualiti serta inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran.

■ 3.0 PELAKSANAAN AKTIVITI

Bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut, kertas dasar dan garis panduan disediakan dan perlu diluluskan oleh Senat. Semua maklumat dimaklumkan kepada semua kakitangan.

■ 4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

Semua program yang telah direka bentuk berdaya saing dan inovatif akan dipantau pencapaian bagi menjamin kualiti program pengajian akademik. Pusat Pembangunan Akademik akan memastikan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk menghasilkan pelajar yang kompeten. Semua kakitangan akademik mencapai tahap profesional akademik berkualiti bagi mencapai matlamat utama untuk meningkatkan boleh pasaran graduan dengan menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran generik yang bersesuaian.


■ 5.0 RUMUSAN DAN AKTIVITI AKAN DATANG

Perancangan mengikut fungsi PPA ini dapat membantu menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaan aktiviti telah dapat dijalankan dengan lebih efisien.

■ 6.0 PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

Pengarah, Pusat Pembangunan Akademik



cap: penyelidikan dan pembangunan

1. Mewujudkan/Memantapkan Kluster Penyelidikan/
Inovasi/COE (UM)
2. Mewujudkan Unit “Editorial” untuk Membantu
Penyelidik dalam Menerbitkan Artikel (UM)
3. Memberi Insentif Kepada Penyelidik yang
Menghasilkan Buku Penyelidikan/Jurnal Melalui
Penerbit Diiktiraf (UM)
4. Memberi Insentif Kepada Penyelidik yang
Menghasilkan Produk Penyelidikan (UM)
5. Mempromosi Pakar Universiti Menjadi Ahli dalam
“Editorial Board” Jurnal Reputasi Tinggi (UM)
6. Mewujudkan “Spin Off Companies” (UM)
7. Meningkatkan Dana Penyelidikan (UMP)
8. Mengambil Pakar Luar untuk Meningkatkan
Keupayaan Penyelidikan (UMT)
9. Meningkatkan Bilangan Artikel dalam Jurnal
Berimpak Tinggi (UTM)
10. Aktiviti Pengkomersilan Produk Penyelidikan (UUM)
11. Meningkatkan Penyelidikan Pelbagai Displin (UTHM)
12. Meningkatkan Bilangan Harta Intelek (IP) (UTHM)

1 PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP) PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

TAJUK AKTIVITI

Mewujudkan/Memantapkan Kluster Penyelidikan/ Inovasi/ CoE

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan bilangan MOHE CoE bertaraf antarabangsa

IPTA

Universiti Malaya (UM)

1.0 LATAR BELAKANG AKTIVITI

Pengurusan Universiti bersetuju untuk memantapkan dan melaksanakan kegiatan penyelidikan di UM melalui pendekatan Kluster Penyelidikan.

2.0 PERANCANGAN AKTIVITI

Lapan kluster penyelidikan dikenalpasti, yang akan memfokuskan aktiviti penyelidikan di dalam bidang yang menjadi kekuatan UM supaya ianya dapat di perkasakan dan prestasi dipertingkatkan.

3.0 PELAKSANAAN AKTIVITI

Lapan kluster penyelidikan telah ditubuhkan iaitu:

- (1) Advanced Fundamental Research (AFR)
- (2) Advanced Engineering and Technology (AET)
- (3) Biotechnology and Bio product (BIO)
- (4) Health and Translational Medicine (HTM)
- (5) Humanities and Ethics (H&E)
- (6) ICT & Computational Sciences (ICT)
- (7) Social & Behavioural Science (SBS)
- (8) Sustainability and Environment (S&E)

Setiap kluster diketuai oleh seorang Pengerusi Kluster yang bertaraf Dekan. Pengerusi Kluster bertanggungjawab dalam hal-hal berkaitan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti penyelidikan di bawah Kluster Penyelidikan.

4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

Setelah penubuhan kluster, setiap penyelidik di Universiti telah disaran untuk mendaftarkan diri ke mana-mana kluster mengikut kesesuaian penyelidikan. Hal-hal berkaitan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti penyelidikan dijalankan di bawah Kluster Penyelidikan.

Melalui kluster-kluster penyelidikan juga, penubuhan jaringan penyelidikan di antara penyelidik-penyelidik juga telah digalakkan dan ini dapat dilihat melalui penubuhan pusat-pusat penyelidikan. Sehingga kini sebanyak 35 Pusat Penyelidikan telah diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

Satu dari pusat-pusat ini, iaitu UM Centre of Research for Power Electronic, Drives, Automation and Control (UMPEDAC) telah diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai salah sebuah dari 6 Pusat Kecemerlangan MOHE (HICOE) di negara.

5.0 RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

Penubuhan kluster telah membantu menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti penyelidikan. Pengurusan, penilaian dan pengagihan geran penyelidikan juga telah dapat dijalankan dengan lebih efisien.

6.0 PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Pengarah
Institut Pengurusan Dan Pemantauan Penyelidikan (IPPP)

TAJUK AKTIVITI

Mewujudkan Unit “Editorial” untuk Membantu Penyelidik dalam Menerbitkan Artikel

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan kegiatan R&D untuk memperkayakan ilmu dan pengkomersilan (KRA4)

IPTA

Universiti Malaya (UM)

1.0
LATAR BELAKANG AKTIVITI

Sebagai salah satu langkah dalam menjadikan Universiti Malaya sebagai universiti bertaraf dunia ialah dengan mempertingkatkan penerbitan-penerbitan ilmiah dari segi kualiti dan kuantiti.

Satu unit khas adalah perlu untuk memberikan sokongan kepada staf akademik dan juga pelajar Universiti dalam menghasilkan penerbitan-penerbitan dalam jurnal-jurnal yang bertaraf tinggi, contohnya jurnal-jurnal ISI.

2.0
PERANCANGAN AKTIVITI

Satu unit khas ditubuhkan iaitu Unit Sokongan Penerbitan Ilmiah (USPI) untuk menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

- (1) Menyediakan kursus-kursus intensif untuk penerbitan
- (2) Menyediakan khidmat nasihat secara perseorangan, bagi membantu memenuhi kriteria penerbitan bertaraf ISI
- (3) Menyediakan khidmat suntungan
- (4) Menyediakan khidmat penterjemahan dari Bahasa Malaysia ke Bahasa Inggeris

3.0
PELAKSANAAN AKTIVITI

Unit Sokongan Penerbitan Ilmiah (USPI) telah diwujudkan dan beroperasi mulai awal bulan Februari 2009. Sepanjang tahun 2009, USPI telah menjalankan pelbagai program-program ceramah, latihan dan bengkel untuk staf-staf akademik dan juga pelajar-pelajar Ijazah Tinggi. Antara program yang telah dijalankan disenaraikan dalam jadual di bawah.

TAJUK DAN JENIS AKTIVITI	OBJEKTIF
Guidelines on How to Write an ISI Journal paper (Ceramah)	Memberi pendedahan terhadap penguasaan cara penulisan
How to Get Articles Accepted for Publications by ISI Journals (Ceramah)	Memberi pendedahan terhadap memperbaiki cara penulisan
Journal Citation Report on the ISI Web of Knowledge (Bengkel)	Memberi pendedahan mengenai “citation” dan penarafan jurnal
SPSS & Statistical Reporting for ISI/WoS indexed Journal (Bengkel)	Memberi pendedahan mengenai penggunaan SPSS dan cara-cara penyediaan laporan untuk penerbitan Jurnal Indeks ISI/WoS
Writing for Publishing in High Impact Journals in the Arts, Humanities and the Social Sciences (Bengkel)	Bengkel ini bertujuan memberi galakan dan panduan dalam penerbitan jurnal berimpak tinggi dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan.
From Research to ISI/WoS (Bengkel)	Mempertingkatkan pemahaman tentang jenis-jenis penyelidikan yang mampu diterjemahkan kepada penerbitan ISI

Tajuk Dan Jenis Aktiviti	Objektif
Writing Workshop for Staff of the Academy of Islamic Studies (Bengkel)	Memberi pendedahan terhadap penguasaan dan cara penulisan yang sesuai untuk jurnal berimpak tinggi.
Bantuan penyuntingan untuk artikel-artikel oleh penyunting yang berpengalaman dalam penerbitan yang berimpak tinggi	Memperbaiki penulisan dan penyediaan penerbitan

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

Bengkel-bengkel dan ceramah yang telah dijalankan telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Terdapat beberapa bengkel yang telah diadakan secara berulang bagi memastikan latihan yang lebih berkesan dapat diberikan, dan program ini dapat dimanfaatkan oleh lebih ramai peserta.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Program-program yang disediakan telah mendapat sambutan dan maklumbalas yang menggalakkan dari para peserta. Beberapa program dasar akan diteruskan, dan program-program yang lebih spesifik akan dirancang berdasarkan keperluan semasa.

Promosi dari segi khidmat nasihat dan penyuntingan juga akan diperluaskan agar ianya dapat dimanfaatkan oleh lebih ramai penyelidik-penyelidik.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Ketua
Unit Sokongan Penerbitan Ilmiah (USPI)
Institut Pengurusan Dan Pemantauan Penyelidikan (IPPP)

TAJUK AKTIVITI

Memberi Insentif kepada Penyelidik yang Menghasilkan Buku Penyelidikan/Jurnal Melalui Penerbit Diiktiraf

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan kegiatan R&D untuk memperkayakan ilmu dan pengkomersilan (KRA4)

IPTA

Universiti Malaya (UM)

1.0 LATAR BELAKANG AKTIVITI

Universiti Malaya amat menghargai usaha dan sumbangan staf dalam menerbitkan kertas ilmiah dalam International Science Index (ISI)/Web of Science (WoS). Hal yang sedemikian adalah amat penting dalam mempertingkatkan martabat Universiti Malaya sebagai universiti bertaraf dunia.

Sejajar dengan itu, pihak Universiti telah memutuskan untuk memberi ganjaran berdasarkan hasil penerbitan berdasarkan beberapa syarat yang ditetapkan.

2.0 PERANCANGAN AKTIVITI

Penerbitan-penerbitan yang layak dipertimbangkan untuk ganjaran hanyalah penerbitan yang diindekskan dalam pangkalan-pangkalan data "Web of Science Citation Databases" dan ini merangkumi:-

- (1) Science Citation Index Expanded (SCI-EXPANDED)
- (2) Social Science Citation Index (SSCI)
- (3) Arts & Humanities Citation Index (A&HCI)

Kategori penerbitan penuh yang diberi ganjaran adalah Article, Review, Proceeding Paper (yang diterbitkan sebagai artikel jurnal penuh dalam jurnal yang di indeks) dan Letter/Correspondence.

3.0 PELAKSANAAN AKTIVITI

Kriteria ganjaran yang diberi adalah berdasarkan dua kategori umum penerbitan, iaitu :

- (1) Penerbitan yang diindeks dalam jurnal yang mempunyai "Impact Factor"
- (2) Penerbitan yang diindeks dalam jurnal yang tidak mempunyai "Impact Factor"

Untuk penerbitan kategori pertama (mempunyai Impact Factor), ganjaran diberi berdasarkan kepada kedudukan jurnal yang diindeks berbanding dengan jurnal lain dalam kategori subjek yang sama. Terdapat 4 tahap kedudukan, seperti yang diberi di bawah:

Tahap	Kedudukan	Ganjaran setiap kertas (RM)
Q1	25% yang terbaik	6,000.00
Q2	50% yang terbaik	4,000.00
Q3	75% yang terbaik	2,000.00
Q4	Selebihnya	1,000.00

Untuk penerbitan kategori kedua (tidak mempunyai Impact Factor), dua tahap ganjaran diberikan, iaitu:

Bil	Jurnal	Ganjaran tetap (RM)
1	Jurnal dalam Arts & Humanities Citation Index SAHAJA	3,000.00
2	Jurnal dalam Science Citation Index Expanded dan Social Science Citation Index	1,000.00

■ 4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

Untuk tahun 2009, laporan penerbitan berpandukan Journal Citation Reports (JCR) 2008 telah digunakan. Sejumlah 599 kertas ilmiah telah dikenalpasti sebagai layak untuk diberi ganjaran.

Untuk kategori jurnal yang mempunyai "Impact Factor", 106 kertas adalah dari tahap Q1, 74 dari tahap Q2, 88 dari tahap Q3 dan 223 dari tahap Q4.

Untuk kategori jurnal yang tidak mempunyai "Impact Factor" pula, 2 kertas adalah dari kategori Arts & Humanities manakala 106 kertas adalah dari kategori Science Citation dan Social Science.

■ 5.0 RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

Aktiviti ini telah mendapat maklumbalas yang menggalakkan dari para penyelidik, dan dijangka akan meningkatkan minat dan usaha para penyelidik untuk terus memberi sumbangan dalam menerbitkan kertas ilmiah yang berkualiti.

■ 6.0 PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Pengarah
Institut Pengurusan dan Pemantauan Penyelidikan (IPPP)

TAJUK AKTIVITI

Memberi Insentif Kepada Penyelidik yang Menghasilkan Produk Penyelidikan

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan pengkomersilan hasil R&D IPT

IPTA

Universiti Malaya (UM)

1.0**LATAR BELAKANG AKTIVITI**

Bagi menggalakkan aktiviti penyelidikan yang menjurus ke arah komersialisasi, Universiti Malaya telah memperkenalkan suatu sistem yang memberi insentif dan bantuan kepada penyelidik-penyelidik yang berjaya menterjemahkan hasil penyelidikan ilmiah kepada penajaan produk penyelidikan.

2.0**PERANCANGAN AKTIVITI**

Penyelidik adalah digalakkan untuk menyertai ekspo-ekspo yang bertujuan mengetengahkan produk-produk hasil penyelidikan, dan juga mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan yang berteraskan produk penyelidikan, di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa.

Penyelidik atau kumpulan penyelidik yang mana produk-produk penyelidikan mereka mendapat pengiktirafan semasa ekspo-ekspo ini akan diberi keutamaan dan bantuan untuk proses yang berkaitan dengan pendaftaran paten atau hak-cipta.

Insentif dari segi kewangan juga diperkenalkan, iaitu Anugerah Cemerlang Inovasi dan Komersialisasi yang bernilai RM30,000.00 dan Anugerah Cemerlang Keusahawanan yang juga bernilai RM30,000.00.

3.0**PELAKSANAAN AKTIVITI**

Penyelidik atau kumpulan penyelidik yang mana produk-produk penyelidikan berkualiti dan mempunyai potensi yang baik untuk komersialisasi dipilih untuk menyertai ekspo-ekspo di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

4.0**PENCAPAIAN AKTIVITI**

Antara ekspo-ekspo penyelidikan yang telah disertai pada tahun 2009 ialah:

- Malaysia Technology Expo 2009 (MTE 2009)
- International Invention, Innovation and Technology Exhibition 2009 (ITEX 2009)
- Ekspo Penyelidikan Dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2009 (PECIPTA 2009)
- BioMalaysia 2009

Dari penyertaan-penyertaan ini, Universiti Malaya telah berjaya meraih beberapa pingat dan anugerah, iaitu:

- 15 pingat emas
- 47 pingat perak
- 41 pingat gangsa
- 1 Anugerah "Best Invention" untuk kategori universiti
- 2 Anugerah "Malaysia Innovative Product"

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Aktiviti ini telah berjaya menarik minat para penyelidik untuk menjalankan penyelidikan secara lebih berfokus kepada penghasilan produk. Secara tidak langsung ianya juga memberi pendedahan kepada para penyelidik terhadap kepentingan pemeliharaan “Intellectual Property” melalui pendaftaran paten dan hak-cipta.

Selain itu, penyertaan ekspo dan pendedahan penyelidikan berfokuskan kepada produk memberikan ruang untuk menterjemahkan penyelidikan ke peringkat komersialisasi melalui “business matching”.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Ketua,
Unit Promosi Penyelidikan (UPP)

Pengarah,
Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (UMCIC)

TAJUK AKTIVITI

Mempromosi Pakar Universiti Menjadi Ahli dalam “Editorial Board”
Jurnal Reputasi Tinggi

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan kegiatan R&D untuk memperkayakan ilmu dan
pengkomersilan (KRA4)

IPTA

Universiti Malaya (UM)

1.0 LATAR BELAKANG AKTIVITI

Salah satu cara untuk meningkatkan reputasi Universiti Malaya sebagai sebuah institusi penyelidikan ialah dengan memastikan penyelidik-penyelidik di universiti dikenali dan diiktiraf oleh masyarakat penyelidik antarabangsa.

Antara indikator bahawa penyelidik di universiti ini dikenali ialah dengan bertambahnya penglibatan penyelidik-penyelidik UM sebagai pakar rujuk dan/atau ahli sidang editor untuk jurnal-jurnal bereputasi tinggi.

2.0 PERANCANGAN AKTIVITI

Sebagai langkah awal, beberapa langkah proaktif dalam memperkenalkan penyelidik-penyelidik UM ke masyarakat penyelidik antarabangsa boleh diambil iaitu:

- (1) Membina dan mengemaskini pengkalan data pakar-pakar mengikut pengkhususan penyelidikan
- (2) Mengenalpasti “niche area” penyelidikan di mana sumbangan yang signifikan dari segi kepakaran boleh diberikan
- (3) Menggalakkan pakar-pakar menerbitkan artikel yang berkualiti dalam jurnal bereputasi tinggi, yang secara langsung akan memperkenalkan mereka kepada masyarakat penyelidik antarabangsa
- (4) Menggalakan pakar-pakar menyenaraikan diri mereka dalam pengkalan-pengkalan data penyelidik dan “article reviewer” yang kebanyakannya boleh dilakukan secara “online”
- (5) Memberi bantuan dan galakan kepada pakar-pakar untuk mendaftar dan menjadi ahli persatuan-persatuan dan badan-badan ilmiah/penyelidikan/profesional antarabangsa yang bereputasi tinggi.

Selain langkah-langkah di atas, beberapa langkah lain juga boleh diambil seperti menaiktaraf jurnal-jurnal tempatan ke peringkat antarabangsa dan mendapat pengiktirafan dalam indeks-indeks utama seperti ISI dan Scopus.

3.0 PELAKSANAAN AKTIVITI

Bagi mencapai objektif di atas, antara aktiviti yang telah dilakukan termasuk:

- (1) Membina dan mengemaskini pengkalan data UMEPERT yang merupakan sumber maklumat pakar-pakar UM
- (2) Memberi galakan dan insentif terhadap penerbitan dalam jurnal-jurnal yang diindeks ISI.

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

Pangkalan data UMEXPERT kini beroperasi penuh dan memuatkan maklumat mengenai pakar-pakar UM. Perkembangan dari segi penerbitan berkualiti dalam jurnal-jurnal bereputasi tinggi untuk tahun 2009 berbanding tahun-tahun yang sebelumnya juga telah menunjukkan peningkatan yang memberansangkan dan konsisten.

Perkembangan positif ini akan memberi sumbangan yang signifikan dalam mempromosikan pakar-pakar ke masyarakat antarabangsa.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Walaupun projek ini telah berjaya meningkatkan kesedaran di kalangan pakar-pakar terhadap kepentingan memastikan visibility mereka dalam arena penyelidikan antarabangsa, pencapaian setakat ini belum di tahap optima.

Usaha mempromosi pakar-pakar ini akan diteruskan dengan lebih intensif.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Pengarah
Institut Pengurusan Dan Pemantauan Penyelidikan (IPPP)

TAJUK AKTIVITI

Mewujudkan “Spin Off Companies”

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan pengkomersilan hasil R&D IPT

IPTA

Universiti Malaya (UM)

■ 1.0
LATAR BELAKANG AKTIVITI

Pusat Inovasi dan Komersilisasi UM atau Centre of Innovation and Commercialization (UMCIC) adalah unit yang bertanggungjawab bagi pengurusan kesemua projek-projek yang dijalankan dibawah Program Technopreneur / Entrepreneur. Oleh itu, diwajibkan semua pensyarah dan penyelidik yang berminat untuk menyertai program tersebut berbuat sedemikian melalui UMCIC bagi melindungi hak kepakaran dan harta intelektual (intellectual property atau IP) mereka. UM Capital Berhad adalah salah satu syarikat dibawah Universiti Malaya yang bertanggungjawab menguruskan spin off company.

UM Capital Bhd (850239) telah ditubuhkan pada 18 Mac 2009 untuk menyelaras aktiviti – aktiviti berkenaan Program Keusahawanan Technopreneur dimana Ahli Lembaga Pengarahnya adalah Prof Datuk Dr Ghauth Jasmon, Prof Dato’ Dr Mohd Jamil Bin Maah dan Prof Dr Muhamad Zakaria. Setakat ini 6 buah syarikat sendirian berhad telah ditubuhkan di bawah UM Capital Berhad.

■ 2.0
PERANCANGAN AKTIVITI

Matlamat serta perancangan aktiviti program ini adalah seperti berikut;-

- (1) Untuk menghimpunkan semua peserta Program Technopreneur/Entrepreneur bagi mewujudkan rangkaian hubungan yang berkekalan.
- (2) Untuk melaksanakan dan menyokong aktiviti – aktiviti keusahawanan dikalangan ahli kelab selain mengadakan latihan keusahawanan kepada mereka yang terlibat.
- (3) Untuk mengembangkan lagi budaya keusahawanan dikalangan kakitangan dan pelajar Universiti Malaya.
- (4) Menjalankan kerjasama dengan organisasi lain sama ada dari dalam atau luar Universiti Malaya untuk melaksanakan program keusahawanan tersebut.

■ 3.0
PELAKSANAAN AKTIVITI

Pihak UMCIC telah mewujudkan program teknopreneur / entrepreneur kepada akademik dan pelajar UM bagi membolehkan mereka menceburi bidang keusahawanan dengan mempromosikan produk kajian hasil dari UM. Selain itu UMCIC turut menyediakan latihan sampingan keusahawanan kepada mereka yang terlibat. Bahagian lain yang terlibat adalah IPPP.

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

Syarikat yang telah berjaya ditubuhkan di bawah UM Capital Berhad.

No	Name of Company	Title	Contact Address
1	SEMIO TECHNOLOGY SDN BHD Company no: 860504W	Mosquito Attractant	Department of Medical Microbiology, Faculty of Medicine, University of Malaya 50603 Kuala Lumpur Tel: 03-79675756
2	NANOBIO SDN BHD Company no: 868240A	New Biological Pest Control	Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (UMCIC), Aras Bawah, Blok A, Kompleks Kampus Kota UM, Jln Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur.
3	ZECTRON SDN BHD Company no: 868236D	Thermocycling Machine Appratus	Dept. Of Engineering Design & Manufacture, Faculty of Engineering, UM Kuala Lumpur Tel : 03- 7967 5256 Fax : 03-7967 5282
4	OLEOPHARMA SDN BHD Company no: 863999K	Develop manufacture semi-solid pharmaceutical bases from local palm oil and palm kernel oil products.	Department of Pharmacy, Faculty of Medicine, University of Malaya Tel : 03-79674909 Fax : 03-79674964 HP : 019-6095967
5	INTEGRATED TRANSPORTATION SOLUTIONS SDN BHD Company no: 871380 D	Integrated, reliable and accurate traffic monitoring & enforcement system	Faculty of Engineering University of Malaya Prof Rehan Tel : 03-79674477/013-3884929 Fax : 03-79674478 En.Saifizul : 013-3808265
6	MY-EZFUEL SDN BHD Company no: 881966 W	Development of alternative fuels using ethanol	Department of Chemistry, Faculty of Science, University of Malaya Tel : 03-79674021 HP: 019-3959044 Fax: 03-79674193

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Program ini masih dalam peringkat awal dan memerlukan penambahbaikan bagi meningkatkan lagi kualiti dan prestasi syarikat samada yang masih dalam permohonan, penubuhan serta pemantauan syarikat yang telah ditubuhkan.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Pengarah, Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (UMCIC)

PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP) PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

TAJUK AKTIVITI

Meningkatkan Dana Penyelidikan

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan jumlah dana (RM Juta) bagi FRGS

IPTA

Universiti Malaysia Pahang (UMP)

1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Sepanjang empat tahun Rancangan Malaysia ke 9, UMP telah berjaya memperolehi sebanyak RM21 juta geran penyelidikan dengan 331 projek penyelidikan telah dan sedang dijalankan oleh penyelidik UMP. Hasil daripada itu, UMP telahpun menempah nama dalam pelbagai pertandingan dan pameran penyelidikan di dalam mahupun di luar negara dengan produk-produk penyelidikan yang mendapat pengiktirafan dan anugerah dalam pertandingan tersebut. Tidak hanya itu, projek-projek penyelidikan ini juga sebahagiannya sedang dalam proses rundingan untuk dikomersilkan.

Bagi sudut akademik pula, projek penyelidikan yang dijalankan ini telah membantu universiti meningkatkan bilangan RSE dengan pertambahan bilangan pelajar pasca siswazah diperingkat Sarjana dan juga Doktor Falsafah. Selain itu juga, ilmu-ilmu baru dan bidang penyelidikan termaju telah diterokai dan hasilnya ramai pakar dalam bidang tertentu dilahirkan di UMP. Dengan kepakaran dan juga ilmu baru ini, penyelidik dapat meningkatkan mutu pengajaran masing masing dengan menyebarkan ilmu baru yang diterokai dalam pengajaran mereka di bilik bilik kuliah.

Sehubungan dengan itu, bagi kerangka meningkatkan perolehan dana penyelidikan di UMP, pelbagai aktiviti dan projek telah dirancang supaya ianya dapat dilaksanakan dengan jayanya terutama bagi strategi Rancangan Malaysia Ke 10. Kesemua aktiviti dan projek yang dirancang adalah berdasarkan kepada status UMP sebagai sebuah universiti tenikal yang yang terhad kapasitinya berbanding universiti- universiti lain terutamanya universiti yang bertaraf Universiti Penyelidikan dan Universiti APEX.

■ 2.0
PERANCANGAN AKTIVITI

Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, beberapa program dan aktiviti telah disenarai pendek untuk dilaksanakan di UMP. Berikut disenaraikan beberapa strategi UMP bagi meningkatkan dana penyelidikan

Program	Aktiviti
1. Meningkatkan sumber manusia R&D bertaraf antarabangsa	1.1 Menambah bilangan postdoc/penyelidik antarabangsa.
	1.2 Mengadakan program-program kesedaran
	1.3 Mempergiatkan promosi melalui web
	1.4 Wujudkan kursi R&D
	1.5 Melantik Profesor Pelawat
	1.6 Mempergiatkan Program Mentor-Mentee
	1.7 Melaksanakan 6 kursus R&D yang berkaitan dengan HRD
	i. Pengurusan Projek Penyelidikan dan Pembangunan
	ii. Asas Penyelidikan dan Pembangunan
	iii. Pengurusan Harta Intelek dalam Penyelidikan dan Pembangunan Di Universiti
	iv. Kepimpinan dalam Penyelidikan
v. Pengenalan Keusahawan teknologi dan Pembangunan Usahawan	
vi. Pemasaran Teknologi	
2. Meningkatkan perolehan geran.	1.1 Menganjurkan bengkel pengisian borang cadangan penyelidikan
	1.2 Menganjurkan bengkel penyemakan proposal penyelidikan
	1.3 Mengadakan bengkel penilaian proposal penyelidikan.
	1.4 Meningkatkan perolehan geran penyelidikan untuk RMK 10
	1.5 Meningkatkan bilangan ketua projek
	1.6 Mencari sumber-sumber baru dana penyelidikan terutamanya di peringkat antarabangsa
3. Meningkatkan prasana R&D	3.1 Mewujudkan Makmal Berpusat Universiti:
	i. Makmal Analisis
	ii. Makmal Fabrikasi
	iii. Pilot Plan
	3.1 Mewujudkan Makmal Kecemerlangan yang membezakan antara Makmal Penyelidikan dengan Makmal P&P
	3.2 Mewujudkan R&D Galerium
	3.3 Memastikan Makmal Kecemerlangan mendapat pengiktirafan pensijilan ISO
	3.4 Mengukuhkan peranan Pusat Kecemerlangan sehingga mendapat pengiktirafan Pusat Kecemerlangan KPT
4. Mengukuhkan "Research Champions" & "Research Leaders"	4.1 Mewujudkan research cluster sedia ada yang cemerlang
	4.2 Mewujudkan garis panduan untuk research champion research cluster sejajar dengan perkembangan global
	4.3 Mengenalpasti dan memantau KPI research cluster & research champion
	4.4 Memberi kesedaran konsep research cluster
5. Mengkaji Polisi R&D	5.1 Menerbitkan Polisi R&D
6. Menyediakan KPI R&D universiti	6.1 Mengadakan bengkel
7. Meningkatkan budaya R&D cemerlang	7.1 Mengadakan Hari Bertemu Pelanggan
	7.2 Mengadakan Mesyuarat Majlis Penyelidikan Universiti

■ 3.0
PELAKSANAAN AKTIVITI

Setiap program dan aktiviti yang telah dirancang tersebut dilaksanakan di semua peringkat Jabatan Penyelidikan & Inovasi, fakulti-fakulti, pusat kecemerlangan serta makmal-makmal penyelidikan UMP.

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

Setiap program dan projek yang dirancang sedang dijalankan dan dipantau dengan teliti supaya ianya dapat mencapai objektif seperti yang telah digariskan.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Perolehan dana penyelidikan merupakan salah satu kriteria dalam dalam petunjuk prestasi PSPTN yang diberi keutamaan selain menjadi petunjuk prestasi kepada Universiti itu sendiri. Sehubungan dengan itu, dengan program dan aktiviti yang telah dirancang ini adalah diharapkan dapat membantu UMP menjana sumber perolehan geran penyelidikan sekaligus meningkatkan jumlah bilangan penyelidikan yang dijalankan di UMP.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Universiti Malaysia Pahang

TAJUK AKTIVITI

Mengambil Pakar Luar untuk Meningkatkan Keupayaan Penyelidikan

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan nisbah bilangan RSE kepada pekerja

IPTA

Universiti Malaysia Trengganu (UMT)

1.0**LATAR BELAKANG AKTIVITI**

Satu daripada strategi untuk meningkatkan keupayaan penyelidikan di UMT adalah dengan menjemput pakar dan penyelidik luar. Mereka dilantik sebagai Felo Penyelidik (Research Fellow), Profesor Pelawat (Visiting Professor) atau Felo Pasca Kedoktoral (Post Doctoral Fellow). Perlantikan ini bertujuan membimbing dan membantu para pelajar siswazah, berkongsi ilmu serta idea dengan para penyelidik yang juga pensyarah-pensyarah muda UMT.

2.0**PERANCANGAN AKTIVITI**

- (1) Pengambilan pakar-pakar dari luar negara bagi tujuan penyelidikan telah diberikan tanggungjawab kepada Institut yang aktif mengendalikan penyelidikan manakala Profesor pelawat dikendalikan oleh fakulti.
- (2) Aktiviti pengambilan pakar atau penyelidik luar dibuat secara kontrak samada sepenuh masa dan secara jemputan atau part time dari luar negara.
- (3) Bagi Profesor Pelawat, kebiasaannya mereka mengadakan kunjungan selama 2 - 8 minggu setiap kali berkunjung ke UMT secara separuh masa dengan penyediaan kemudahan dan imbuhan tertentu.
- (4) Felo Penyelidik akan dilantik berkhidmat sepenuh masa untuk tempoh 3 – 24 bulan dengan menetapkan syarat perkhidmatan, kemudahan dan imbuhan tertentu.
- (5) Felo Pasca Kedoktoral pula dilantik di antara 12 – 36 bulan dengan syarat perkhidmatan, kemudahan dan imbuhan tertentu.

3.0**PELAKSANAAN AKTIVITI**

- (1) Seramai 22 pakar orang telah dilantik sepanjang tahun 2009.
- (2) Pakar-pakar ini bertindak sebagai pakar rujuk/ perunding dan penunjuk ajar kepada para pensyarah dan pelajar siswazah tentang penulisan dan artikel antarabangsa.
- (3) Mengendalikan bengkel dan seminar.
- (4) Membantu menyelia dan membimbing pelajar siswazah.
- (5) Menyampaikan syarahan umum berkaitan penyelidikan terkini yang dijalankan, berkongsi maklumat dan penemuan hasil daripada penyelidikan berkaitan.
- (6) Menjalankan kerja penyelidikan termasuk perundingan dalam bidang kepakarannya serta membangunkan penyelidikan secara sepenuhmasa di dalam bidang yang di pelopori. Penyelidikan ini akan dilakukan dengan penyelidik bersama (counterparts).

(7) Membantu dalam usaha meningkatkan hubungan dan jaringan antara Universiti dan industri.

(8) Membantu dalam penjanaaan projek-projek baru.

■ 4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

Dari segi pencapaian, aktiviti ini telah dilaksanakan dengan amat baik pada tahun 2009. Para penyelidik, pensyarah dan juga pelajar-pelajar siswazah mendapat banyak manfaat hasil daripada pengambilan pakar-pakar luar ini.

Kehadiran pakar-pakar luar yang telah maju penyelidikannya dilihat dapat membimbing para pelajar siswazah serta dapat berkongsi ilmu dan juga idea dengan para penyelidik di UMT di dalam melahirkan lebih ramai golongan penyelidik yang cemerlang dan berpotensi tinggi.

■ 5.0 RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

Secara umumnya, aktiviti pengambilan pakar-pakar luar ini merupakan satu aktiviti yang dapat membantu para penyelidik dan para pelajar siswazah di UMT meningkatkan mutu dan kecemerlangan di dalam bidang penyelidikan.

Secara keseluruhan kehadiran pakar-pakar luar ini banyak menyumbang kepada perkembangan dan percambahan idea-idea baru kepada penyelidikan di UMT hasil daripada perkongsian kepakaran mereka di dalam bidang masing-masing.

Aktiviti pengambilan pakar atau para penyelidik luar ini tetap diteruskan dengan meningkatkan bilangan dan kualiti pakar yang dijemput ke UMT. Walaupun projek ini sangat baik dan berkesan dalam meningkatkan aktiviti penyelidikan, pengambilan pakar dan penyelidik luar yang baru adalah bergantung kepada kemampuan bajet universiti.

■ 6.0 PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Pengarah, Institut-institut Penyelidikan

Dekan-Dekan Fakulti

PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP) PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

TAJUK AKTIVITI

Meningkatkan Bilangan Artikel di dalam Jurnal Berimpak Tinggi

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan kegiatan R&D untuk memperkayakan ilmu dan pengkomersilan (KRA4)

IPTA

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

1.0 LATAR BELAKANG

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merupakan dokumen yang menterjemahkan hala tuju pengajian tinggi negara untuk masa hadapan yang memberi penekanan kepada pembangunan modal insan dan modal intelek berkualiti bagi mendukung dan menjayakan aspirasi negara untuk menjadi negara maju, makmur dan kompetitif.

Pihak KPT telah mengenal pasti sebanyak 11 Objektif Strategik (Strategic Objective) dan KPI di bawah Projek Agenda Kritikal Penyelidikan dan Pembangunan. Berdasarkan Objektif Strategik (SO) yang telah digariskan pihak Pengurusan Tertinggi, Universiti Teknologi Malaysia telah menentukan lima (5) Aktiviti Utama (Key Activity) seperti berikut:

- i. Menjalin kerjasama R&D dengan Industri dan institusi antarabangsa;
- ii. Mengkomersil produk R&D;
- iii. Melindungi harta intelek;
- iv. Menghasilkan penerbitan daripada aktiviti R&D; dan
- v. Menyediakan tenaga kerja mahir yang kreatif dan inovatif bagi keperluan negara.

2.0 PERANCANGAN AKTIVITI

Pencapaian Aktiviti Utama iaitu Menghasilkan Penerbitan daripada Aktiviti R&D akan memastikan Objektif Strategik berkaitan iaitu SO6, SO9, SO10 dan SO11 akan tercapai. Aktiviti Utama ini telah diberi pemberat yang bersesuaian di mana penerbitan makalah dalam jurnal berwasit merupakan output paling penting daripada aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Penerbitan ilmiah merupakan kayu ukur utama digunakan dalam 'ranking' THES (Times Higher Education Supplement) di peringkat antarabangsa dan 'rating' IPTA di peringkat nasional.

3.0 PELAKSANAAN AKTIVITI

Faktor utama yang menyumbangkan peningkatan CIF adalah komitmen pengurusan tertinggi di mana kepentingan penerbitan dalam penilaian Universiti Penyelidikan, 'rating', dan 'ranking' disampaikan kepada seluruh warga kampus. Seterusnya menetapkan KPI penerbitan sebagai dua (2) makalah dalam jurnal berwasit bagi semua pensyarah dan menyelaraskan kriteria kenaikan pangkat staf akademik supaya mengambil kira KPI penerbitan. UTM seterusnya membangunkan Sistem eLPPT staf akademik supaya pemarkahan prestasi tahunan staf akademik dipantau dan dinilai sewajarnya dengan output penyelidikan.

Seorang Timbalan Pengarah (Penerbitan Penyelidikan), telah dilantik dan ditempatkan di Pusat Pengurusan Penyelidikan bagi merencanakan dan memacu penerbitan makalah dalam jurnal berwasit.

Pusat Pengurusan Penyelidikan telah merancang pelbagai inisiatif untuk meningkatkan penerbitan hasil penyelidikan seperti menganjurkan Bengkel Penulisan Penerbitan dan menyediakan insentif penerbitan. Pihak pengurusan tertinggi telah meluluskan Skim Penggalakan Khas Penulisan Hasil Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) dalam jurnal yang diindekskan dalam SCOPUS dan/atau mempunyai impact factor 0.5 dan ke atas bagi staf akademik. Kriteria pemberian insentif tersebut adalah seperti catatan berikut :

- a. Jurnal yang diindekskan dalam Web of Science mempunyai Impact Factor \rightarrow 0.5, penyelidik akan memperolehi RM1,000.00 dan Impact Factor \leftarrow 0.5, penyelidik akan menerima RM500.00.
- b. Jurnal yang diindekskan dalam SCOPUS, penyelidik akan menerima RM 500.00.

Seramai 145 penyelidik telah menerima insentif penerbitan bagi tahun 2009 dengan insentif sejumlah RM106,000.00.

Selain itu, RMC juga turut menganjurkan 15 bengkel penulisan sepanjang tahun 2009 bagi memberi pendedahan kepada penyelidik terhadap kemahiran makalah dalam jurnal berimpak tinggi. Bengkel yang dianjurkan juga bertindak sebagai pemangkin kepada penyelidik untuk bertukar pendapat dan meningkatkan kefahaman mengenai strategi dan kaedah penulisan kertas kerja dalam jurnal berimpak tinggi. Secara perbandingan, bilangan jurnal yang telah dihasilkan pada tahun 2008 adalah 403, manakala pada tahun 2009 adalah 555.

■ 4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

Penetapan 'milestone' Cumulative Impact Factor (CIF) sebanyak 375 setahun adalah sejajar dengan keperluan kriteria Universiti Penyelidikan iaitu 75% dari data 'benchmarking' (500).

Sehingga Jan 2010, UTM telah berjaya menghimpun CIF sebanyak 276.58 dan dijangka meningkat sehingga 300. Secara perbandingan himpunan CIF bagi tahun 2007 dan 2008 adalah 146.5 dan 139.7 masing-masing. Ini menunjukkan peningkatan dua kali ganda pada tahun 2009.

■ 5.0 PERANCANGAN DAN RUMUSAN

Bagi tahun 2010, insentif penulisan yang lebih menarik bagi menggalakkan penulisan makalah dalam jurnal berwasit akan dikuatkuasa. Dengan insentif baru dan semangat penerbitan diperbaharui sasaran CIF sebanyak 375 sudah pastinya akan tercapai.

Budaya penulisan makalah dalam jurnal berwasit akan terus diterapkan di kalangan staf akademik supaya UTM akan terus maju dari segi 'rating', 'ranking' THES serta mampu mencapai status Universiti Penyelidikan

■ 6.0 PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Pengarah,
Pusat Pengurusan Penyelidikan

PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP) PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

TAJUK AKTIVITI

Aktiviti Pengkomersilan Produk Penyelidikan

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan pengkomersilan hasil R&D IPT

IPTA

Universiti Utara Malaysia (UUM)

1.0 LATAR BELAKANG AKTIVITI

Pengurusan Universiti bersetuju untuk mewujudkan dan membangunkan produk penyelidikan dan inovasi (khususnya dalam bidang pengurusan) bagi tujuan pengkomersilan.

2.0 PERANCANGAN AKTIVITI

Bagi menjayakan pengkomersilan produk inovasi ini, langkah awal yang telah diambil adalah menerusi penghasilan modul pembangunan modal insan.

3.0 PELAKSANAAN AKTIVITI

Modul dan program yang dilaksanakan:

- (1) 100 hours MBA
- (2) Kepimpinan dan Kenegaraan
- (3) Perancangan Strategik
- (4) Pengurusan Krisis
- (5) Sistem Bank Proposal
- (6) Sistem Maklumat untuk sebuah Agensi Kerajaan
- (7) Sistem Maklumat Universiti untuk sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

Setiap modul/program diketuai oleh seorang pengerusi yang bertanggungjawab dalam hal-hal berkaitan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti.

4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

Hampir 85% modul-modul yang dibangunkan itu siap dan bersedia untuk diketengahkan ke peringkat seterusnya, manakala Sistem Bank Proposal sudah siap dan memasuki fasa pengujian aplikasinya.

Bagi aktiviti pengkomersilan pembangunan sistem maklumat pula, anggaran nilai keseluruhan bagi sistem yang dibeli adalah berjumlah RM11,164,518.00

5.0 RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

Universiti Utara Malaysia berazam untuk menjadi sebuah Universiti Perundingan (UniCG) dalam pelbagai bidang PENGURUSAN kerana memiliki bilangan tenaga pakar yang ramai. Ini kerana setiap bidang pengurusan yang ditawarkan berpotensi menyumbangkan produk inovasi.

Antara perancangan aktiviti pengkomersilan UUM adalah seperti berikut;

- (1) Mengadakan bengkel Innovate and Commercialize Research Product dengan menjemput pakar agar dapat berkongsi pengetahuan dengan warga UUM,
- (2) Meningkatkan kadar bayaran royalti kepada para penulis,
- (3) Memberi insentif penerbitan kepada pensyarah dengan mengambil kira Faktor Impak sesebuah penerbitan,
- (4) Penjenamaan semula UUM sebagai sebuah Universiti Perundingan dengan penubuhan SBU UniCG,
- (5) Mengadakan program perkongsian bestari dengan pihak luar seperti kementerian, GLC, pihak swasta,
- (6) Mengemaskini dan mempromosikan tenaga kepakaran UUM menerusi DoE.
- (7) Mengadakan Business Matching bagi mengenalpasti dan menjemput pihak yang berpotensi menjayakan pengkomersilan bersama UUM.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Penolong Naib Canselor
Pengarah Pusat Penyelidikan & Inovasi
Pengarah SerindIT.Com

PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP) PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

TAJUK AKTIVITI

Meningkatkan Penyelidikan Pelbagai Disiplin

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan pengkomersilan hasil R&D IPT

IPTA

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

1.0 LATAR BELAKANG AKTIVITI

Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal penyelidikan di UTHM. Pelbagai jenis geran penyelidikan telah diperkenalkan seperti Geran Jangka Pendek Universiti, Geran Insentif Siswazah dan Geran Pembangunan Produk untuk menyokong aktiviti penyelidikan di UTHM. Penyelidikan telah dijalankan dalam pelbagai bidang termasuk penyelidikan yang melibatkan pelbagai disiplin.

2.0 PERANCANGAN AKTIVITI

Tiga bidang penyelidikan multidisiplin telah dikenalpasti oleh Universiti seperti berikut :

Green Technology
Sustainable Manufacturing
Nano Materials

Perancangan aktiviti ini dinyatakan dalam carta perbatuan di bawah :

Aktiviti	Tahun 1 2010	Tahun 2 2011	Tahun 3 2012
1. Membangunkan rangka kerja			
2. Penyelidikan			
3. Kolokium (bulanan)			
4. Seminar Post Graduate Kebangsaan			
5. Seminar Kebangsaan / Antarabangsa			

3.0 PELAKSANAAN AKTIVITI

- (1) Membangunkan kerangka kerja setiap bidang multidisiplin.
- (2) Perlaksanaan penyelidikan dijalankan Ketua Penyelidik bertaraf Profesor.
- (3) Penyelidikan menggunakan kemudahan infrastruktur dan peralatan UTHM.
- (4) Pemantauan secara berkala bagi projek-projek penyelidikan ini dilakukan oleh PPI.
- (5) UTHM akan menganjurkan Seminar Kebangsaan / Antarabangsa dan Seminar Post Graduate selain kolokium penyelidikan yang akan dijalankan secara bulanan sebagai mengikuti perkembangan projek yang dijalankan.

4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

Pencapaian projek penyelidikan yang dirancang diukur melalui hasil penyelidikan berikut:

- (1) Penerbitan di peringkat antarabangsa
- (2) Hasil penyelidikan didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek
- (3) UTHM menjadi pusat rujukan dalam bidang kajian

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Pencapaian penyelidikan pelbagai disiplin di Universiti pada masa ini telah mencapai beberapa kejayaan menerusi penerbitan berimpak tinggi, peningkatan bilangan paten dan pengiktirafan dalam pertandingan penyelidikan. Walau bagaimanapun, bagi menghasilkan impak yang lebih tinggi, usaha bersepadu telah dan sedang dijalankan oleh pihak PPI untuk meningkatkan mutu dan hasil penyelidikan pada masa akan datang.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Penolong Naib Canselor
(Penyelidikan, Inovasi dan Pembangunan)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Timbalan Pengarah (Sains Tulen, Sains Sosial, Sains Komputer dan Matematik)
Pusat Penyelidikan dan Inovasi

Timbalan Pengarah (Kejuruteraan dan Teknologi)
Pusat Penyelidikan dan Inovasi

TAJUK AKTIVITI

Meningkatkan Bilangan Harta Intelekt (IP)

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan kegiatan R&D untuk memperkayakan ilmu dan pengkomersilan (KRA4)

IPTA

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

■ 1.0
LATAR BELAKANG AKTIVITI

UTHM komited dalam melaksanakan usaha-usaha untuk melindungi harta intelek. Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) merupakan bahagian yang menguruskan hal ehwal penyelidikan dan inovasi termasuk perlindungan harta intelek universiti.

PPI bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal perlindungan harta Intelekt di UTHM.

Pada masa ini, UTHM telah mempunyai 4 patent granted dan 18 patent pending. Jumlah ini akan ditingkatkan dari semasa ke semasa melalui pelbagai aktiviti yang telah dirancang.

■ 2.0
PERANCANGAN AKTIVITI

- (1) Mengenalpasti projek penyelidikan yang berpotensi untuk dilindungi
- (2) Meningkatkan dana untuk melindungi harta intelek
- (3) Memberi insentif kepada penyelidik yang berjaya mendaftarkan produk di Perbadanan Harta Intelekt.
- (4) Melindungi harta intelek Universiti sebelum dipamerkan kepada umum
- (5) Mewujudkan Pegawai Perlindungan Harta Intelekt yang bertanggungjawab dalam menguruskan aktiviti berkenaan harta intelek.

■ 3.0
PELAKSANAAN AKTIVITI

Pada masa ini, aktiviti perlindungan harta intelek di UTHM dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti berikut :

UTHM telah memperkenalkan Skim insentif perlindungan harta intelek kepada penyelidik yang berjaya mendaftarkan produk mereka di Perbadanan Harta Intelekt.

Seminar perlindungan harta intelek akan dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran kepada penyelidik UTHM.

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

Usaha yang dilaksanakan oleh pihak universiti telah berjaya meningkatkan jumlah harta intelek yang dilindungi.

Sehingga kini UTHM telah mempunyai 4 patent granted dan 18 patent pending. Jumlah ini akan ditingkatkan dari semasa ke semasa melalui pelbagai aktiviti yang telah dirancang.

Pada tahun 2009, UTHM menduduki tangga ke-19 dalam senarai agensi yang memfailkan harta intelek di Malaysia.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Universiti sentiasa berusaha untuk melindungi harta intelek hasil penyelidikan dan inovasi. Walau bagaimanapun, Universiti memerlukan dana yang lebih banyak dan sumber manusia yang berkemahiran untuk memastikan bilangan harta intelek yang dilindungi meningkat pada setiap tahun.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Penolong Naib Canselor
(Penyelidikan, Inovasi dan Pembangunan)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Timbalan Pengarah (Sains Tulen, Sains Sosial, Sains Komputer dan Matematik)
Pusat Penyelidikan dan Inovasi

Timbalan Pengarah (Kejuruteraan dan Teknologi)
Pusat Penyelidikan dan Inovasi

mas
gra

cap: kebolehpasaran graduan

1. Menawarkan Program Pengajian atau Menyemak Program yang Sedia Ada bagi Memenuhi Kehendak Pasaran (UDM)
2. Memantapkan Program "Finishing School" (UMT)
3. Menyediakan Kemudahan Sistem Penempatan Pekerjaan Pelajar untuk Bakal Majikan (UKM)

PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP)

KEBOLEHPASARAN GRADUAN

TAJUK AKTIVITI

Menawarkan Program Pengajian atau Menyemak Program yang Sedia Ada bagi Memenuhi Kehendak Pasaran

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan peratus graduan yang mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas menamatkan pengajian

IPTA

Universiti Darul Iman Malaysia (UDM)

1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Program-program pengajian baru yang ditawarkan oleh UDM adalah memenuhi keperluan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) dan kehendak-kehendak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang melibatkan perkara-perkara berikut:

- (1) Pembentukan jawatankuasa yang merangka program pengajian dan kurikulum pengajian. Jawatankuasa ini terdiri daripada ahli-ahli akademik, ahli-ahli korporat, ahli-ahli daripada pertubuhan ikhtisas dan alumni. Berdasarkan gabungan idea dan cadangan daripada ahli jawatankuasa ini akan terhasil program pengajian dan kurikulum pengajian yang memenuhi keperluan akademik dan keperluan pasaran bagi setiap program baru yang dibentuk.
- (2) Membuat kajian pasaran yang akan menilai permintaan pasaran bagi setiap program pengajian yang bakal ditawarkan.

Berdasarkan kepada dua kriteria di atas bermakna program-program baru yang ditawarkan diyakini mempunyai pasaran kerja yang tertentu. Di samping itu, pelbagai program pelengkap dilaksanakan untuk menambah kebolehpasaran graduan UDM misalnya program keusahawanan, program peningkatan kemahiran Bahasa Inggeris, program persediaan pekerjaan dan program-program kokurikulum yang meningkatkan kemahiran insaniah dan jati diri para graduan UDM.

2.0

PERANCANGAN AKTIVITI

Pada masa ini (2010), terdapat sembilan fakulti yang menawarkan sebanyak 18 program pengajian peringkat sarjana muda yang memenuhi keperluan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dengan mengambilkira permintaan pasaran bagi graduan yang bakal dikeluarkan. Pada tahun 2011 dirancangan sebanyak sembilan program peringkat ijazah sarjana muda yang baru akan ditawarkan.

Pada akhir tahun 2010, dijangkakan semua program-program peringkat diploma yang sedia ada akan selesai disemak semula dengan mengambilkira permintaan pasaran dan kebolehpasaran graduan.

3.0

PELAKSANAAN AKTIVITI

- (1) Penawaran program pengajian baru meliputi langkah-langkah berikut:
 - a. Menyediakan kertas kerja penawaran program baru kepada pihak Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) untuk dibawa kepada Naib Canselor.
 - b. Setelah mendapat persetujuan daripada Naib Canselor, Dekan akan membentuk jawatankuasa pengajian di peringkat fakulti.

- c. Jawatankuasa pengajian peringkat fakulti ini dianggotai oleh ahli-ahli akademik dalam bidang yang berkenaan, ahli-ahli korporat/industri, ahli-ahli daripada badan-badan ikhtisas dan alumni. Antara tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini ialah menasihati fakulti dari segi struktur program, penawaran kursus-kursus dan kurikulum untuk sesuatu program pengajian dengan mengambilkira keperluan akademik dan kebolehpasaran graduan.
- d. Kajian pasaran dijalankan untuk mendapat pandangan daripada industri dari segi struktur program dan kursus-kursus yang ditawarkan sama ada bersesuaian dengan kehendak industri atau pasaran pekerjaan.
- e. Semua program-program baru yang ditawarkan mengkehendaki para pelajarnya menjalani latihan industri sebelum mereka menamatkan pengajian masing-masing.

(2) Program-program yang membantu kebolehpasaran graduan:

- a. Program Keusahawanan Pelajar:
Program ini merangkumi aktiviti seperti kursus asas keusahawanan, seminar keusahawanan dan menjalankan aktiviti perniagaan melalui kiosk pelajar.
- b. Program persediaan pekerjaan bagi bakal graduan:
Program ini merangkumi aktiviti lawatan ilmiah dan sambil belajar ke organisasi tertentu, kem pemantapan kemahiran insaniah dan kemahiran komunikasi (Bahasa Inggeris dan pengucapan awam) serta program kepimpinan dan jati diri.
- c. Kajian Pengesanan Pelajar bertujuan untuk mengetahui status kebolehpasaran para graduan UDM semasa.

■ 4.0

PENCAPAIAN AKTIVITI

- (1) Semua program-program pengajian peringkat sarjana muda telah mengambil kira permintaan pasaran melalui kajian pasaran yang dilaksanakan sebelum penawaran sesuatu program pengajian. Program-program ini juga dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan hasil pembelajaran di samping memantapkan kemahiran insaniah para pelajar.
- (2) Setakat ini, lebih kurang 80% program-program diploma telah disemak semula dengan mengambikira keperluan pasaran, hasil pembelajaran dan kemahiran insaniah.
- (3) Program-program keusahawanan, kemahiran Bahasa Inggeris dan program kokurikulum yang akan meningkatkan kemahiran insaniah dan jati diri telah dilaksanakan seperti yang dirancang.

■ 5.0

RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

- (1) Semakan semula program-program diploma dengan mengambilkira keperluan hasil pembelajaran dan kemahiran insaniah serta kebolehpasaran graduan akan selesai sepenuhnya akhir tahun 2010.
- (2) Kajian pengesanan graduan akan diadakan setiap tahun.

(3) Sasaran kebolehpasaran graduan adalah seperti berikut:

Aktiviti	Pencapaian Semasa		Sasaran				
	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Kebolehpasaran Graduan UDM	52%	57%	62%	70%	75%	80%	85%

(4) Mengadakan program-program berkala untuk meningkatkan tahap keusahawanan, kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris dan pengucapan awam, program kokurikulum yang boleh meningkatkan kemahiran insaniah dan jati diri akan diadakan secara berkala bagi setiap tahun.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan adalah:

- (1) Dekan dan anggota fakulti yang berkaitan
- (2) Ketua Pusat Pembangunan Akademik
- (3) Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, dan Pegawai Unit Kokurikulum dan Keusahawan
- (4) Ketua Projek Agenda Kritikal (Kebolehpasaran Graduan)
- (5) Ketua Unit Latihan Industri

PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP)**KEBOLEHPASARAN GRADUAN****TAJUK AKTIVITI**

Memantapkan Program “Finishing School”

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan peratus graduan yang mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas menamatkan pengajian

IPTA

Universiti Malaysia Trengganu (UMT)

1.0**LATAR BELAKANG AKTIVITI**

Program “Finishing School” adalah program khusus untuk pelajar tahun akhir Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bertujuan untuk menambah nilai diri pelajar sebelum memasuki alam kerjaya dan memenuhi keperluan sesuatu program.

2.0**PERANCANGAN AKTIVITI**

Setiap fakulti menyediakan program yang berbeza bergantung kepada kesesuaian program akademik yang diikuti oleh pelajar. Umumnya program ini bertujuan untuk meningkatkan keterampilan diri, kemahiran berkomunikasi terutama penguasaan berbahasa Inggeris, memahami budaya kerja profesional dan meningkatkan kemahiran menulis biodata atau resume untuk memohon pekerjaan.

(1) Program Finishing School: Fakulti Sains dan Teknologi (FST)

- Bengkel Kerjaya FST Tahun 2009
- Program Pentauliahan Profesional (3P) KPT-FST

(2) Program Finishing School: Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE):

- Bengkel Pra-Latihan Industri 2009

(3) Program Finishing School: Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan (FASM)

- Bengkel Kerjaya FASM (Fasa 1 dan 2)
- Bengkel Pra-Latihan Industri FASM (Fasa 2)

(4) Program Finishing School : Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM)

- Bengkel Graduan Berketerampilan FMSM 2009

3.0**PELAKSANAAN AKTIVITI**

Pelaksanaan bengkel diuruskan oleh jawatankuasa di peringkat fakulti masing-masing. Sepanjang tahun 2009:

- (1) Bengkel Kerjaya FST – dilaksanakan pada bulan November 2009 dengan dihadiri oleh lebih 500 orang pelajar.
- (2) Program Pentauliahan Profesional (3P) KPT-FST – telah diadakan pada bulan November 2009 dengan penyertaan lebih 50 orang pelajar terpilih.
- (3) Bengkel Pra-Latihan Industri FPE 2009 – dilaksanakan pada bulan November dengan lebih 150 orang bakal graduan menyertainya.
- (4) Bengkel Kerjaya FASM (Fasa 1 dan 2) – telah diadakan pada bulan April (fasa 1 - lebih 300 orang pelajar) dan Oktober (fasa 2 - hampir 140 orang pelajar).

- (5) Bengkel Pra-Latihan Industri FASM (Fasa 2) – Seramai 140 orang pelajar menyertai program selama 3 hari pada bulan November 2009.
- (6) Bengkel Graduan Berketerampilan FMSM 2009 – disertai oleh hampir 100 orang pelajar yang telah dijalankan pada bulan November 2009.

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

Program “Finishing School” bagi tahun 2009 dapat dianjurkan dengan jayanya. Dengan penganjuran ini diharap bakal graduan UMT akan mempunyai jati diri dan keyakinan yang tinggi dalam menghadapi cabaran global dan dapat bersaing dengan graduan-graduan lain dalam menghadapi alam pekerjaan. UMT juga berharap dapat melahirkan modal insan yang cemerlang, bersahsiah tinggi dan berfikiran global dalam menghadapi arus pembangunan negara dan kemajuan dunia tanpa sempadan.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Program “Finishing School” adalah salah satu elemen penting untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan memenuhi keperluan pasaran pekerjaan. Setiap fakulti telah mengadakan sekurang-kurangnya satu program pada tahun 2009.

Pada tahun berikutnya Program Finishing School akan diselaraskan nama program dan modul pelaksanaannya. Bagi Sesi 2010/2011 setiap fakulti akan mengadakan aktiviti yang lebih tersusun bagi memastikan program ini mencapai objektif dan tujuannya.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

- (1) Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- (2) Dekan-Dekan Fakulti
- (3) Pengarah, Pusat Jaringan Industri dan Khidmat Komuniti.

3

PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP)

KEBOLEHPASARAN GRADUAN

TAJUK AKTIVITI

Menyediakan Kemudahan Sistem Penempatan Pekerjaan Pelajar untuk Bakal Majikan

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan peratus graduan yang mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas menamatkan pengajian

IPTA

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

■ 1.0 LATAR BELAKANG AKTIVITI

Jobstreet.com telah menandatangani Perjanjian MoU dengan UKM berkaitan peningkatan kebolehpasaran dan penempatan kerjaya mahasiswa.

■ 2.0 PERANCANGAN AKTIVITI

Penempatan pekerjaan dan jejak alumni.

Milestone 1

- Memperkenalkan Job Placement Solution (JPS) kepada pelajar UKM untuk penempatan pekerjaan dan penjejakan alumni.
- Perancangan mengadakan bengkel bagi setiap fakulti

Milestone 2

- Telah mengadakan bengkel ke setiap fakulti.
- 60% pelajar tahun akhir telah mendaftar dalam JPS.

Milestone 3

- 100% pelajar tahun akhir telah mendaftar di JPS
- Mendapatkan data alumni UKM yang telah mendaftar dan penjejakan kerjaya

■ 3.0 PELAKSANAAN AKTIVITI

Satu Siri Jelajah UKM yang dikenali sebagai Job Placement Solution : The Road Tour telah dirancang untuk diadakan di setiap fakulti pengajian di UKM. Pada setiap sesi jelajah tersebut, pelajar akan diberikan taklimat berkenaan sistem dan juga didaftarkan ke dalam sistem tersebut. Antara fakulti yang dijadualkan akan terlibat dalam Job Placement Solution : The Road Tour ini ialah:

- Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
- Graduate School of Business
- Fakulti Pengajian Islam
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
- Fakulti Undang-undang
- Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu
- Fakulti Farmasi

■ 4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI


Siri Jelajah UKM yang dikenali sebagai Job Placement Solution: The Road Tour yang telah dirancang untuk diadakan di setiap fakulti pengajian akan dipantau pelaksanaannya bagi memastikan sistem ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Mengadakan road tour ke setiap fakulti untuk memperkenalkan dan mendaftar pelajar ke dalam JPS.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat
Pejabat Hubungan Industri



cap: kepimpinan

1. Memantapkan Program Kepimpinan (UMS)

KEPIMPINAN

1

PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP) KEPIMPINAN

TAJUK AKTIVITI

Memantapkan Program Kepimpinan

OBJEKTIF STRATEGIK

Memperkasakan kualiti IPT (KRA1)

IPTA

Universiti Malaysia Sabah (UMS)

■ 1.0 LATAR BELAKANG AKTIVITI

UMS sepertimana IPT lain memerlukan barisan pemimpin (pengurusan) yang berkaliber, berwibawa serta berpengalaman. Selain memantapkan keupayaan pemimpin yang sedia ada, tumpuan juga diberikan kepada persediaan dan pendedahan pemimpin pelapis.

■ 2.0 PERANCANGAN AKTIVITI

Strategi yang dikenalpasti ke arah pencapaian aktiviti di atas adalah:

- Mewujudkan dasar latihan kepimpinan dan pengurusan UMS
- Menambahbaik dan melaksanakan Kursus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) peringkat PTK5 dan PTK6
- Merekabentuk dan mengadakan kursus dalaman (CPD) berkaitan dengan kepimpinan
- Menghantar staf UMS mengikuti kursus/bengkel kepimpinan anjuran jabatan/agensi luar, termasuk AKEPT

■ 3.0 PELAKSANAAN AKTIVITI

Pelaksanaan strategi yang tersenarai di atas adalah tanggungjawab pejabat Pendaftar, khususnya Bahagian Sumber Manusia. Beberapa jawatankuasa yang berkaitan juga telah diwujudkan. Jadual kursus PTK dan CPD dimaklumkan kepada semua staf pada bulan Januari 2010.

Penghantaran staf UMS untuk mengikuti kursus/bengkel di luar UMS bergantung kepada kalendar agensi/jabatan berkenaan.

■ 4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

- Dasar latihan kepimpinan dan pengurusan UMS adalah dalam proses persediaan.
- Kursus PTK5 dan PTK6 masing-masing dijadualkan dua kali untuk tahun 2010 iaitu bulan Jun dan Disember.
- Modul kursus-kursus CPD iaitu Performance Management for Academic and Administrative Leaders (12 mata), University Governance for Leaders (12 mata), Leadership (6 mata) dan Managing Change (12 mata) telah disediakan. Jadual setiap kursus ini dalam tahun 2010 sudah ditetapkan.
- Pejabat Pendaftar sedang meneliti kalender 2010 yang baru dikeluarkan oleh AKEPT (Centre for Leadership Training)

■ 5.0 RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

Pemantapan program kepimpinan UMS merupakan aktiviti berterusan dan sub-aktiviti utamanya adalah berkaitan latihan. Untuk aktiviti latihan dalaman, penglibatan penceramah/fasilitator dari luar UMS, termasuk dari luar negara, akan dipertimbangkan pada masa akan datang.

■ 6.0 PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia



cap: industri-akademia

1. Mewujudkan Dana Industri (UMP)
2. Mewujudkan Kerjasama Dengan Industri dalam Perundingan (UniMAP)
3. Menempatkan Tokoh Industri Di Universiti (UUM)
4. Menambahbaik Garis Panduan Latihan Industri Pelajar (UTEM)

**1 PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP)
INDUSTRI - AKADEMIA**

TAJUK AKTIVITI
Mewujudkan Dana Industri

OBJEKTIF STRATEGIK
Meningkatkan bilangan industrial partnership

IPTA
Universiti Malaysia Pahang (UMP)

**1.0
LATAR BELAKANG AKTIVITI**

Dana pengkomersilan ini diwujudkan bagi meningkatkan dan memperkukuhkan jumlah serta hubungan di antara universiti dan industri. Terdapat tiga (3) PTJ/ Fakulti dan dua (2) syarikat industri telah bergading bahu dalam menjayakan aktiviti ini.

**2.0
PERANCANGAN AKTIVITI**

Sebelum melaksanakan aktiviti ini, perancangan yang khusus telah dibuat melalui sesi berbengkel, mesyuarat dan juga sesi percambahan idea bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan di dalam PSPTN.

Di antara perancangan yang telah dibuat dalam tempoh bagi tahun 2009 adalah menetapkan sasaran dan membuat penilaian dan penyelidikan berkenaan industri yang berpotensi besar dan juga bidang yang sesuai untuk melakukan penyelidikan.

Sasaran (milestone 1) yang telah ditetapkan adalah RM 2 juta, dan pencapaian adalah seratus peratus (100%).

**3.0
PELAKSANAAN AKTIVITI**

Untuk melaksanakan aktiviti ini beberapa PTJ/Fakulti dan industri telah berkerjasama dalam menjayakannya bagi tempoh 2009. Antara PTJ/Fakulti yang terlibat adalah:

- (1) Pusat Hubungan Universiti Industri (UIC).
- (2) Jabatan Penyelidikan dan Inovasi
- (3) Fakulti-fakulti di UMP

Senarai syarikat industri yang terlibat:

- (1) Urban Environment Industries Sdn. Bhd
- (2) Solution E & E Technology Sdn. Bhd

Berikut merupakan projek yang telah dijalankan bersama PTJ/Fakulti dan industri:

- (1) Recycling Of Base Oil From Spent Lubricant
- (2) Ultrasonic Solvent Extraction of Oil From Spent Adsorbent

**4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI**

Hasil dari aktiviti yang dilaksanakan diantara PTJ/Fakulti bersama industri, tahap pencapaian yang ditunjukkan telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Berikut adalah jadual tahap pencapaian aktiviti:

Aktiviti	Sasaran	Pencapaian	Peratusan %
Dana Pengkomersilan	RM 2 juta	RM 9,357,000	476.85 %

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Ringkasan laporan aktiviti dana pengkomersilan:

- (1) Dana pengkomersilan merupakan petunjuk prestasi kepada agenda kritikal PSPTN dan juga pelan strategik 2008-2010 UMP.
- (2) Sasaran yang telah ditetapkan semasa membuat perancangan adalah RM 2 juta dan mencapai seratus peratus (100%).
- (3) Hasil pencapaian yang diperolehi aktiviti dana pengkomersilan telah mencapai dan juga melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu RM 9,357,00 dan nilai peratusannya adalah 476.85%

Aktiviti-aktiviti yang akan datang adalah seperti di bawah:

- (1) Menambah jumlah bilangan inkubator
- (2) Memperbanyakkan penyelidikan industri
- (3) Menambah jumlah bilangan perundingan
- (4) Menambah jumlah bilangan perkhidmatan teknikal

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Pengarah
Pusat Hubungan Industri

2

PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP)

INDUSTRI - AKADEMIA

TAJUK AKTIVITI

Mewujudkan Kerjasama Dengan Industri dalam Perundingan

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan bilangan industrial partnership

IPTA

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Program perundingan merupakan satu aktiviti yang memberikan peluang kepada tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing untuk memberikan khidmat kepakaran kepada pihak luar seperti industri, swasta, agensi kerajaan dan badan berkanun. Di samping memberikan pulangan pendapatan kepada tenaga pengajar dan universiti, ia secara tidak langsung dapat merapatkan hubungan dengan pihak industri. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuklah khidmat latihan, pengujian, penyeliaan dan khidmat nasihat.

2.0

PERANCANGAN AKTIVITI

Bil	Aktiviti	Tarikh Ajal
1	Tenaga pengajar berhubung dengan industri yang berminat dengan kepakaran/kursus universiti/ Menetapkan tarikh dan mendapatkan pengesahan industri	Sepanjang tahun
2	Permohonan kepada Dekan, Pengarah CIC, TNC (P&I) dan NC/ Permohonan diluluskan Dekan, Pengarah CIC, TNC (P&I) dan NC	Sepanjang tahun
3	Pelaksanaan program perundingan/kursus	Sepanjang tahun
4	Fail program siap dilengkapkan/dikemaskini	Sepanjang tahun

3.0

PELAKSANAAN AKTIVITI

Bil	Aktiviti	Unit yang bertanggungjawab
1	Hubungan dengan industri	Pusat Kerjasama Industri
2	Mengenalpasti perundingan yang berpotensi	Pusat Pengajian

4.0

PENCAPAIAN AKTIVITI

Sasaran pendapatan yang telah dirancang pada tahun 2009 adalah sebanyak RM 651,000.00. Sehingga 31 Disember 2009 penyata pendapatan dalam sistem Bendahari menunjukkan penerimaan sebanyak RM 757,570.00.

Pelaksanaan kerja-kerja perundingan ini melibatkan agensi-agensi berikut :

- Agilent Technologies Sdn Bhd
- Modenas
- Significant Technologies Sdn Bhd
- Selangor Human Resources Development Corporation (SHRDC)
- Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) – UiTM Permatang Pauh
- Kementerian Sumber Manusia

■ 5.0
**RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG**

Melalui perkhidmatan perundingan, tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing menyalurkan pengalaman melalui khidmat kepakaran kepada pihak luar seperti industri, swasta, agensi kerajaan dan badan berkanun. Di samping dapat memperolehi pendapatan sampingan, ia juga akan dapat mempertingkatkan pandangan positif pihak luar terhadap universiti dan mengeratkan hubungan dengan industri. Kakitangan akademik juga akan dapat mempertingkatkan kemahiran dan penguasaan ilmu untuk memperkukuhkan lagi kualiti pengajaran.

■ 6.0
**PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB**

Pemilik Agenda
Projek Agenda Kritikal PSPTN Industri & Akademia

Penolong Pendaftar
Pusat Kerjasama Industri

Pensyarah
Pusat Pengajian Kejuruteraan

TAJUK AKTIVITI

Menempatkan Tokoh Industri Di Universiti

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan bilangan industrial partnership

IPTA

Universiti Utara Malaysia (UUM)

■ 1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Pengurusan Universiti bersetuju untuk menempatkan tokoh industri di UUM merangkumi pelantikan professor adjung, felo adjung dan penilai luar.

■ 2.0

PERANCANGAN AKTIVITI

Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui Pelan Strategik Tahun 2008 - 2010 telah menetapkan sasaran bilangan penempatan tokoh industri di UUM merangkumi pelantikan profesor adjung, felo adjung dan penilai luar.

■ 3.0

PELAKSANAAN AKTIVITI

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan bagi memastikan penempatan tokoh industri di UUM merangkumi aktiviti perancangan pemilihan dan pelantikan, perancangan dan pelaksanaan syarahan oleh profesor adjung dan felo adjung.

Perancangan aktiviti bagi menambah bilangan profesor / felo adjung adalah seperti berikut:

- (1) Memantapkan dan menilai semula proses kerja.
- (2) Perancangan pemilihan dan pelantikan.
- (3) Merancang aktiviti tahunan Profesor/Felo Adjung.
- (4) Menyediakan laporan tahunan oleh setiap Kolej.
- (5) PNC bertanggungjawab terhadap pencapaian strategi.
- (6) Dekan Akademik Kolej bertanggungjawab terhadap perancangan.
- (7) Timbalan Pendaftar dan KPP Kolej bertanggungjawab terhadap pelaksanaan.

Perancangan aktiviti bagi menambah bilangan penilai luar pula adalah seperti berikut:

- (1) Membentuk jawatankuasa di peringkat Kolej untuk merancang, mengatur dan memantau aktiviti penilai luar bagi mengoptimumkan penggunaan kepakaran mereka termasuk menetapkan KPI bagi setiap penilai luar .
- (2) Mewar-warkan maklumat skim lantikan kepada calon penilai luar yang berpotensi melalui laman sesawang (website) Universiti/Kolej dengan menekankan faedah dan manfaat yang bakal mereka peroleh.
- (3) Memudah cara proses lantikan penilai luar oleh Pendaftar dan Kolej seperti proses kemasukan dan prosedur imigresen.
- (4) Menyediakan infrastruktur seperti sistem kawalan dan penginapan yang sesuai sepanjang kehadiran mereka.

Pelaksanaan aktiviti ini melibatkan jabatan-jabatan UUM terutamanya tiga Kolej UUM iaitu Kolej Perniagaan (UUM COB), Kolej Sastera dan Sains (UUM CAS), dan Kolej Undang-undang, Kerajaan, dan Pengajian Antarabangsa (UUM COLGIS).

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

Sehingga Februari 2010, penempatan tokoh-tokoh industri sebagai profesor adjung, felo adjung dan penilai luar adalah seperti berikut:

	PROFESOR ADJUNG / FELO ADJUNG		PENILAI LUAR	
	Sasaran 2010	Pencapaian 2010	Sasaran 2010	Pencapaian 2010
UUM CAS	25	5	30	1
UUM COB		6		0
UUM COLGIS		9		2
UIL		1		Tidak Tertlibat
JUMLAH KESELURUHAN		21		3

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Agenda menempatkan tokoh industri di UUM akan digiatkan lagi sebagai sebahagian daripada usaha memperkembangkan UUM. Pihak UUM merasakan kerjasama strategik dengan pihak industri merupakan satu hubungan simbiosis yang mana kedua-dua pihak saling memerlukan antara satu sama lain, supaya manfaat daripadanya dikongsi bersama.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Penolong-penolong Naib Canselor

Pengarah
Pusat Jaringan Universiti-Industri

TAJUK AKTIVITI

Menambahbaik Garis Panduan Latihan Industri Pelajar

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan bilangan pelajar dan pensyarah dalam latihan/sangkutan industri

IPTA

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

■ 1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Tujuan utama aktiviti ini diadakan adalah untuk menambahbaik Buku Garis Panduan Latihan Industri Pelajar sedia ada bagi memastikan program Latihan Industri (LI) yang dihadiri oleh pelajar lebih berkesan dan mencapai objektifnya.

Buku Garis Panduan Latihan Industri Pelajar juga merupakan dokumen rujukan kepada ICNet (Pusat Jaringan Industri dan Komuniti) khasnya dan fakulti amnya dalam pengurusan dan pemantauan semua aktiviti LI di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Semua pelajar pada peringkat pra siswazah UTeM diwajibkan menjalani latihan industri di organisasi dalam jangkamasa yang ditetapkan untuk mendapatkan pengalaman sebenar industri dengan mengaplikasikan apa yang dipelajari di Universiti dan mempertingkatkan kemahiran yang diperlukan oleh sesuatu profesion.

Program LI memberi banyak faedah kepada pelajar, universiti dan organisasi yang terlibat. Bagi pelajar, ianya akan membantu dalam menyediakan diri dengan sempurna sebelum masuk ke alam pekerjaan yang sebenar. Universiti pula berpeluang untuk menjalinkan hubungan yang erat dengan organisasi manakala organisasi boleh mempermudah proses pengambilan tenaga kerja melalui LI

■ 2.0

PERANCANGAN AKTIVITI

Garis panduan latihan Industri telah dikeluarkan pertama kali pada tahun 2007 dan telah mendapat kelulusan daripada Senat Universiti. Setelah digunakan hampir dua tahun, didapati beberapa penambahbaikan dicadangkan terutamanya kepada terma-terma yang terdapat di dalamnya.

Maklumbalas yang diperolehi daripada pihak Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi pada Mei 2009 selepas lawatan audit SIRIM QAS International, beberapa penambahbaikan perlu dibuat kepada cetakan pertama tersebut. Antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah dari aspek kawalan dokumen khususnya untuk mengawal borang-borang utama yang telah diselaraskan untuk latihan industri dengan memasukkan nombor rujukan pada borang dan nombor semakan.

Lanjutan daripada itu, Bengkel Penambahbaikan Garis Panduan Latihan Industri telah diadakan pada 24 hingga 26 Julai 2009, bertempat di Impiana Cherating, Kuantan, Pahang. Sebelum bengkel diadakan pihak Penyelaras LI Fakulti telah diminta untuk mengadakan semakan dan perbincangan di peringkat fakulti supaya cadangan penambahbaikan boleh dibawa oleh setiap fakulti ke bengkel tersebut.

Bengkel anjuran ICNet ini bertujuan untuk menambahbaik buku garispanduan sedia ada serta menambahkan beberapa item bagi mematuhi ISO 9001:2000. Pelaksanaan Program Latihan Industri secara keseluruhan juga telah dibincangkan untuk memastikan kelancaran proses Latihan Industri. Objektif bengkel adalah :

- (1) Menyemak semula dan menambahbaik buku garis panduan yang sedia ada.
- (2) Menjadi dokumen rujukan kepada ICNet khasnya dan fakulti amnya dalam pengurusan dan pemantauan semua aktiviti latihan industri di UTeM selaras dengan halatuju dan plan strategi yang telah ditentukan.
- (3) Memberikan panduan yang jelas kepada pelajar berhubung program Latihan Industri agar matlamat dan objektif program dicapai dengan jayanya.

■ 3.0 PELAKSANAAN AKTIVITI

Bagi memastikan pelaksanaan, Jawatankuasa Pusat (Universiti) dan Jawatankuasa pada peringkat fakulti diwujudkan dan berperanan seperti berikut:

- (1) Jawatankuasa Latihan Industri Universiti terdiri daripada Pegawai Khas daripada Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNet) dan Penyelaras Latihan Industri Fakulti. Fungsi Jawatankuasa Latihan Industri Universiti adalah mencadangkan polisi dan prosedur program Latihan Industri serta menyelaras, memantau dan melaporkan pelaksanaan program Latihan Industri.
- (2) Jawatankuasa Latihan Industri Peringkat Fakulti berfungsi merancang, melaksana dan menyelaraskan program Latihan Industri fakulti seperti:
 - (a) penempatan pelajar di organisasi
 - (b) menyediakan jadual lawatan
 - (c) surat-menyurat ke organisasi dan lain-lain
 - (d) mengenalpasti organisasi yang sesuai untuk penempatan pelajar
 - (e) menyediakan panduan skop Latihan Industri
 - (f) mengenalpasti kriteria pemilihan penyelia dan memastikan penyelia mempunyai kemahiran penyeliaan secukupnya serta melantik mereka untuk menyelia pelajar
 - (g) memastikan pra-syarat Latihan Industri yang ditetapkan dalam kurikulum dipatuhi dan membina serta menyelaras instrumen penilaian

■ 4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI


Garis Panduan telah disiapkan sepenuhnya dan program LI dilaksanakan mengikut peraturan ini.

■ 5.0 RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

Projek akan datang yang dicadangkan oleh ICNet ialah untuk merangka garis panduan untuk program mobiliti pelajar UTeM. Program ini melibatkan Latihan Industri untuk para pelajar yang berminat untuk menjalani latihan industri di luar negara. Satu bengkel berkaitan dicadangkan diadakan dalam bulan Mei ini untuk menyelaraskan prosedur yang berkaitan dengan mobiliti pelajar. Beberapa amalan baik daripada IPTA di Malaysia akan dijadikan panduan dalam merangka prosedur ini.

■ 6.0 PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)



cap: pengantarabangsaan

1. Mewujudkan Pejabat Serantau Universiti Malaya Di Luar Negara (UM)
2. Menjalankan Program Pertukaran Pelajar dengan Institusi di Luar Negara (UTM)
3. Menjalankan Program Pertukaran Staf dengan Institusi di Luar Negara (UTM)
4. Establishing Networking With Other Countries Through Mutual Recognition Agreement (MRA), Memorandum Of Understanding (MoU) And Other Similar Mechanisms (UIA)
5. Menyediakan Kemudahan Dan Prasarana Yang Menepati Standard Antarabangsa

PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP)

PENGANTARABANGSAAN

TAJUK AKTIVITI

Mewujudkan Pejabat Serantau Universiti Malaya Di Luar Negara

OBJEKTIF STRATEGIK

- (1) Meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa
- (2) Meningkatkan bilangan staf antarabangsa

IPTA

Universiti Malaya

1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Penubuhan pejabat serantau di luar negara merupakan salah satu langkah Universiti Malaya dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat kecemerlangan pengajian tinggi di peringkat antarabangsa. UM telah mengenalpasti beberapa buah negara utama yang mana terdapat potensi bagi UM untuk menarik dan mengambil pelajar terbaik dan berkualiti.

Berdasarkan pemantauan pihak pengurusan universiti, UM telah merancang untuk membuka 6 buah pejabat serantau Universiti Malaya menjelang tahun 2011. Antara negara yang dicadangkan adalah China, Iran, Bangladesh, Indonesia, Yemen dan Sudan.

2.0

PERANCANGAN AKTIVITI

PERINGKAT 1

Mendapatkan organisasi yang berminat untuk dilantik sebagai agen (2 bulan)

- Memaklumkan organisasi yang berminat
- Perbincangan mengenai terma dan rujukan
- Soalselidik dan pemeriksaan latar belakang organisasi
- Menyemak profil syarikat mengenai pengalaman di dalam bidang pengrekrutan pelajar

PERINGKAT 2

Soal selidik calon yang berkeelayakan (2 bulan)

- Lawatan ke pejabat syarikat untuk pengesahan
- Lokasi pejabat
- Saiz ruang pejabat supaya sesuai dalam menjaga imej universiti
- Kelengkapan pejabat yang mencukupi dan sedia untuk beroperasi
- Temuduga bersama staf bagi memastikan kebolehan berkomunikasi, teknologi dan berpengalaman.

PERINGKAT 3

Pemilihan pejabat serantau dan permulaan operasi (2 bulan)

- Senarai pendek organisasi yang berminat
- Mendapatkan kelulusan Naib Canselor/Pengurusan Universiti
- Menyiapkan dokumen rasmi
- Menandatangani perjanjian dan kontrak
- Pembentangan dan perbincangan dalam menguruskan pentadbiran
- menetapkan tarikh akhir bagi penyediaan barang/ peralatan promosi
- Penetapan tarikh latihan staf pejabat serantau di International Student Centre (1 bulan) dan Institut Pengajian Siswazah (1 bulan)

■ PERINGKAT 4

Permulaan operasi pejabat dan pemantauan (1 tahun)

- Membekalkan alamat e-mel, kad nama, kepala surat, brosur UM (untuk diterjemahkan)
- Memuat turun dokumen yang telah diterjemahkan ke dalam laman sesawang UM
- Pembayaran suku pertama dibuat
- Pemantauan pejabat
- Pemantauan dalam memastikan proses seperti di UM dipatuhi
- Mendapatkan laporan mengenai jumlah pelajar, penyertaan di dalam seminar dan promosi

■ 3.0

PELAKSANAAN AKTIVITI

Bagi memastikan pelaksanaan, Jawatankuasa Pusat (Universiti) dan Jawatankuasa pada peringkat fakulti diwujudkan dan berperanan seperti berikut:

■ 4.0

PENCAPAIAN AKTIVITI

PENUBUHAN PEJABAT SERANTAU (SEHINGGA 31 DISEMBER 2009)

Negara	Tarikh Kontrak	Tarikh Latihan Staf
1. Iran	5 Feb. 2009-4 Feb. 2011	6 Feb. 2009 - kini
2. China	24 Mac 2009-23 Mac 2011	24 Mac 2009 - kini
3. Indonesia	18 Nov. 2009-17 Nov. 2010	23 Nov. 2009-15 Jan.2010
4. Bangladesh	18 Nov. 2009-17 Nov. 2010	14 Dis. 2009-8 Feb.2010
5. Sudan	14 Jan. 2010-13 Jan. 2011	Dijangka pad Mac 2010
6. Yemen	14 Jan. 2010-13 Jan. 2011	Dijangka pad Mac 2010

Peratusan keseluruhan projek yang telah siap : 90%

■ 5.0

RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

Langkah bagi menubuhkan kesemua pejabat serantau Universiti Malaya di luar negara telah dijalankan sepenuhnya daripada segi pemilihan dan pelantikan. Ketika ini, pemantauan secara berkala sedang dilakukan daripada pejabat Pusat Pelajar Antarabangsa dari semasa ke semasa dalam tempoh satu tahun daripada kontrak pelantikan ditandatangani.

Prestasi pejabat ini yang diwakili oleh syarikat yang dilantik akan menentukan sama ada kontrak tersebut akan disambung pada masa akan datang. Secara keseluruhannya, projek ini telah berjaya dilaksanakan mengikut jadual kerja yang diatur dan dijangka memenuhi keperluan 100% menjelang akhir tahun 2011.

■ 6.0

PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Timbalan Pendaftar
Pusat Pelajar Antarabangsa

TAJUK AKTIVITI

Menjalankan Program Pertukaran Pelajar dengan Institusi di Luar Negara

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa

IPTA

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

■ 1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Program Mobiliti Pelajar di UTM yang melibatkan penghantaran pelajar ke luar negara ((outbound) dan penerimaan pelajar luar negara (inbound) melalui kategori berikut sebagaimana termaktub dalam Polisi dan Peraturan Pengantarabangsaan UTM:

- (1) Program Pertukaran Pelajar (Student Exchange) & Belajar di luar negara (Study Abroad)
Program ini melibatkan pertukaran pelajar dua hala atau penghantaran pelajar sehalu selama satu semester dan pelajar mendapat kredit dari kursus yang diambil.
- (2) Program Short Term Study (STS)
Program ini melibatkan pengambilan Summer Courses/Program, Latihan Industri/Ilmiah (Internship), Non-Graduating Student (NGS) dan sebarang program bersifat akademik (credit-based).
- (3) Program Global Outreach (GOP)
Program ini melibatkan penghantaran atau penerimaan pelajar untuk pendedahan di luar negara dalam program tanpa kredit (noncredit-based) dalam tempoh 7 – 14 hari.

■ 2.0

PERANCANGAN AKTIVITI

Perancangan aktiviti program yang disebutkan di atas adalah seperti berikut:

- (1) Program Belajar di Luar Negara dan Program Pertukaran Mahasiswa Formal

Memorandum atau Perjanjian Antara-Universiti adalah di bawah kuasa dan diluluskan oleh Naib Canselor dan ianya mesti telah diluluskan sebelum mahasiswa itu memohon untuk menyertai Program Belajar di Luar Negara atau Program Pertukaran Mahasiswa di institusi tuan rumah.

- (a) Penyampaian Program Pertukaran Mahasiswa akan diimbangi dari segi bilangan mahasiswa sepanjang jangka masa di mana suatu perjanjian pertukaran itu masih sah.
- (b) Sesuatu Program Belajar di Luar Negara atau sesuatu program pertukaran akan melibatkan sekurang-kurangnya satu semester kajian sepenuh masa yang layak untuk kredit pindah di dalam rekod mahasiswa bagi pengajian di UTM. Proses pemindahan kredit harus diperiksa dan diluluskan oleh UTM sebelum pemergian.

(2) Belajar Jangka Pendek dan Lawatan Sambil Belajar

- (a) Penempatan Belajar Jangka Pendek atau Lawatan Sambil Belajar tidak memerlukan satu perjanjian spesifik antara institusi luar negara dan UTM.
- (b) Mahasiswa yang diluluskan untuk menyertai dalam Belajar Jangka Pendek atau Lawatan Sambil Belajar dan ingin mendapatkan pemindahan kredit hendaklah memperolehi kelulusan daripada UTM sebelum pemergian.

(3) Program UTM Global Outreach (GOP)

- (a) Program UTM Global Outreach berbeza daripada pertukaran antarabangsa tradisional atau program belajar di luar negara. Program ini adalah sebahagian daripada inisiatif UTM untuk menghasilkan graduan-graduan yang mempunyai kesediaan global.
- (b) Dalam program ini, mahasiswa akan berada di luar negara selama satu atau dua minggu untuk menjalani aktiviti yang bukan sahaja terhad kepada pertukaran akademik malahan penerimaan pengalaman kebudayaan dan antarabangsa.
- (c) Mahasiswa perlu mempunyai latar belakang akademik yang baik dan tidak tertakluk di bawah mana-mana sekatan disiplin.
- (d) Mahasiswa antarabangsa yang ingin menyertai program ini haruslah memilih negara tuan rumah yang selain daripada negara mereka sendiri melainkan diluluskan oleh Universiti.

■ 3.0

PELAKSANAAN AKTIVITI

Perlaksanaan semua aktiviti Program Mobiliti Pelajar diselaraskan dan diuruskan oleh Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa. Garispanduan dan peraturan pemilihan pelajar dikeluarkan oleh pihak Universiti Teknologi Malaysia sebagaimana termaktub di dalam buku Polisi dan Peraturan Pengantarabangsaan UTM. Setiap fakulti bertanggungjawab terhadap pembangunan program, pemilihan pelajar dan perjalanan program. Pihak UTM menyediakan peruntukan tahunan bagi membantu perjalanan program Mobiliti Pelajar.

■ 4.0

PENCAPAIAN AKTIVITI

Pada tahun 2009, Universiti telah mensasarkan seramai 1000 orang pelajar akan mengikuti program "UTM Global Outreach". Walau bagaimanapun, seramai 1100 orang pelajar telah dihantar ke 40 buah negara di bawah program tersebut.

■ 5.0

RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

Bagi tahun 2010, Universiti telah mensasarkan seramai 5000 orang pelajar akan dihantar ke luar negara di bawah program "UTM Global Outreach". Sehingga Jun 2010, Universiti telah menyediakan dana dalaman sebanyak RM2.1 juta sahaja.

Bantuan kewangan yang akan diberikan oleh UTM adalah RM1000.00 seorang. Walau bagaimanapun, bagi perjalanan ke Negara ASEAN, UTM akan memberikan bantuan kewangan sebanyak RM500.00 untuk setiap pelajar.

Melalui peruntukan kewangan yang terhad ini, para pelajar akan lebih berusaha dan mencari inisiatif untuk mendapatkan sumber kewangan tambahan bagi menampung kos perjalanan ke luar negara. Sebagai contoh, para pelajar akan cuba mencari peluang untuk berniaga di UTM atau mendapatkan tajaan daripada mana-mana pihak. Kaedah ini dapat menggalakkan para pelajar untuk lebih berdikari dan tidak mengharapkan bantuan Universiti semata-mata.

Selain daripada itu, UTM juga telah mewujudkan tabung khas untuk memberi ruang kepada mana-mana individu mahupun institusi yang ingin menghulurkan bantuan atau sumber kewangan bagi menambah peruntukan kewangan untuk menjayakan program ini.

- (a) Program Pertukaran Pelajar (Student Exchange) & Belajar di luar negara (Study Abroad) – 300 pelajar
- (b) Program Short Term Study (STS) – 10 summer programs, Internship (200 orang)
- (c) Program Global Outreach (GOP) – 5,000 pelajar

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Pengarah,
Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa

Timbalan Pengarah
Pusat Pelajar Antarabangsa

3

PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP)

PENGANTARABANGSAAN

TAJUK AKTIVITI

Menjalankan Program Pertukaran Staf dengan Institusi di Luar Negara

OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan bilangan staf antarabangsa

IPTA

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Program Pertukaran Staf di UTM melibatkan penghantaran staf akademik UTM yang telah dihantar ke universiti luar Negara bagi tujuan seperti berikut:

- (1) Staf cuti belajar
- (2) Staf yang menjalani latihan/kursus/seminar/persidangan di luar negara
- (3) Staf yang mengadakan pembentangan kertas kerja di luar negara
- (4) Program pertukaran staf (inbound/outbound professor tamu/pelawat)
- (5) Sabatikal

2.0

PERANCANGAN AKTIVITI

Setiap staf UTM yang menyertai aktiviti pengantarabangsaan berperanan sebagai 'duta' bagi UTM di mana peranan mereka bukan setakat mencapai KPI yang ditetapkan oleh universiti tetapi juga harus meningkatkan imej UTM. Staf tersebut juga tertakluk kepada perundangan dan peraturan Universiti mahupun Kerajaan Malaysia semasa berada di luar negara.

3.0

PELAKSANAAN AKTIVITI

- (1) Pertukaran staf

Staf berkenaan adalah bertanggungjawab untuk membuat persiapan untuk program pertukaran masing-masing dengan rakan mereka di luar negara secara langsung ataupun melalui cadangan daripada Universiti.

Kelulusan daripada ketua jabatan dan fakulti adalah penting di mana staf harus merancang program tersebut terlebih dahulu. Staf berkenaan adalah bertanggungjawab terhadap sumber kewangan bagi membiayai program pertukaran tersebut.

- (2) Profesor tamu/pelawat

Semua fakulti adalah digalakkan untuk menjemput profesor tamu/pelawat untuk meningkatkan pencapaian kecemerlangan penyelidikan khususnya dalam penerbitan jurnal dan kertas kerja antarabangsa yang berkualiti dan mempunyai faktor impak tinggi.

Pengambilan profesor tamu/pelawat ini boleh dimulakan oleh staf akademik ataupun penyelidik UTM dan permohonan ini akan dikemukakan oleh fakulti masing-masing kepada Pejabat Pendaftar untuk kelulusan dan perlantikan.

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

INDUSTRIAL ATTACHMENT			
Bil	Nama	Fakulti	Tempat
1.	Datin Normal Mat Jusoh	Fakulti Sains Komputer Dan Sains Maklumat	Game Academy Korea Game Industry Agency 13F Culture & Content Centre 1602 DMC District Sangam-Dong Mapo-Gu Seoul 121-270 Korea
2.	PM Dr. Nor Haliza Madros	Kolej Sains Dan Teknologi	Hekmat Mokhtar Architect 3-71, Jalan Desa 2/3 Desa Aman Puri Kepong 52100 Kuala Lumpur

SABATIKAL			
Bil	Nama	Fakulti	Tempat
1.	DPM Dr. Md. Nor Bakar	Fakulti Pendidikan	UiTM
2.	PM Dr. Norihan Abu Hassan	Kolej Sains Dan Teknologi	University of Maryland, USA
3.	PM Dr. Sallehuddin Ibrahim	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	UTM
4.	Salmiah Basir	Kolej Sains Dan Teknologi	UTM
5.	PM Dr. Habibollah Haron	Fakulti Kejuruteraan Komputer Dan Sains Maklumat	Al-Imam Muhammad Ibn Saud Islamic University Riyadh, Arab Saudi
6.	PM Dr. Iberahin Bin Jusoh	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	Cranfield University, United Kingdom
7.	Prof. Dr. Mustaffa Shamsuddin	Fakulti Sains	UTM
8.	Prof. Madya Azmi Hassan	Fakulti Kejuruteraan & Sains Geoinformasi	Malaysia
9.	Prof. Madya Dr. Mohd. Nazlan Mohd Muhid	Fakulti Sains	UTM

Bilangan bagi professor tamu/pelawat pula adalah sebanyak 155 orang yang merangkumi lantikan dari dalam dan luar negara.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Sebanyak 3 permohonan sabatikal telah diluluskan oleh UTM setakat ini. Bagi tahun 2010, Universiti telah mensasarkan seramai 200 orang staf antarabangsa akan dilantik secara kontrak untuk berkhidmat di UTM.

Sabatikal			
Bil	Nama	Nama	Nama
1.	PM Dr. Mohd Muhridza Yaacob	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	University of Manchester, United Kingdom
2.	PM Dr. Nazli Yahaya	Kolej Sains Dan Teknologi	UTM
3.	PM Dr. Mohini Mohamed	Fakulti Pendidikan	UTM

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Timbalan Pendaftar,
Bahagian Pembangunan Modal Insan,
Pejabat Pendaftar

Penolong Pendaftar
Unit Pembangunan Profesional
Pejabat Pendaftar

TAJUK AKTIVITI

Establishing Networking With Other Countries Through Mutual Recognition Agreement (MRA), Memorandum Of Understanding (MoU) And Other Similar Mechanisms

OBJEKTIF STRATEGIK

- (1) Meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa
- (2) Meningkatkan bilangan staf antarabangsa

IPTA

Universiti Islam Antarabangsa (UIA)

**1.0
BACKGROUND OF ACTIVITY**

The University management has taken the approach that in order to actualize internationalization activities via MoUs signed with partner universities, there should be a relevant department or kulliyah within IIUM that should assume ownership and promote the MoU activities with the signatory University.

At the moment IIUM has 76 active MoUs. The MoUs were signed with international universities, research as well as socio-economic institutions.

**2.0
PLANNING OF ACTIVITY**

All Kulliyahs (or faculties) of IIUM are encouraged to identify universities which are reputable and who are compatible with our stated vision and mission statements to cooperate and share with IIUM aspects of academic excellence such as research areas, staff and student exchange co-operations, etc. The faculty is encouraged also to identify and establish initial areas whereby academic cooperation is feasible and then work towards the signing of an MoU.

**3.0
IMPLEMENTATION OF
ACTIVITY**

The department or Kulliyah anchors the collaboration between IIUM and the University. The activities which have been identified earlier are quickly implemented with the MoU having been established between both universities.

At the same time, information on the establishment of the MoU is disseminated to the other faculties usually through the reporting of MoU activities annually and this provide an opportunity for other departments or kulliyahs to explore possibilities of joining into the activities laid out in the agreement.

**4.0
ACHIEVEMENTS OF ACTIVITY**

The rate of achievement of activities in the MoUs varies in general an MoU which has been established (or 'championed') initially by the respective department or kulliyah indicates greater success as compared to those which did not begin with an anchoring department or kulliyah.

All MoU activities have been recorded by the International Cooperation and Exchange Office, and the achievements are evaluated through the activities such as student exchange, staff exchange, research collaboration, participation in conferences and seminars organized by the partner universities.

■ 5.0
CONCLUSION AND FUTURE
PROJECTS

For the long term projection, IIUM plans to increase bilateral ties with well established universities and institutions which have the potential to engage in mutually beneficial academic activities involving staff and student exchange, as well as in research collaboration.

The involvement with reputable universities will also ensure that IIUM gain better recognition of our academic programs as well as better visibility internationally, and will also ensure that IIUM will obtain good ratings in terms of university rankings and academic position worldwide.

■ 6.0
RESPONSIBLE OFFICIAL

Director
International Cooperation and Exchange Office

TAJUK AKTIVITI

Menyediakan Kemudahan Dan Prasarana Yang Menepati Standard Antarabangsa

OBJEKTIF STRATEGIK

- (1) Meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa
- (2) Meningkatkan bilangan staf antarabangsa

IPTA

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

■ 1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Agenda pengantarabangsaan UKM dijalankan berdasarkan Pelan Tindakan Pengantarabangsaan UKM 2009-2010 dengan 4 objektif utama iaitu:

- (1) Meningkatkan jaringan kerjasama strategik.
- (2) Meningkatkan persekitaran dan prasarana yang menyokong aktiviti pengantarabangsaan.
- (3) Menyerlah citra UKM di persada antarabangsa.
- (4) Meningkatkan kualiti aktiviti antarabangsa.

■ 2.0

PERANCANGAN AKTIVITI

Bagi meningkatkan persekitaran dan prasarana yang menyokong aktiviti pengantarabangsaan, beberapa aktiviti telah dirancang iaitu:

Milestone 1

- Membangunkan tapak web UKM dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

Milestone 2

- Mewujudkan Anugerah Khas Kualiti kategori pengantarabangsaan.
- Mewujudkan Pejabat Antarabangsa UKM di luar negara
- Mewujudkan polisi untuk program antarabangsa

Milestone 3

- Mewujudkan One-Stop International Student Centre
- Mewujudkan tempat tinggal bersesuaian untuk staf antarabangsa
- Peningkatan semua KPI antarabangsa

■ 3.0

PELAKSANAAN AKTIVITI

Bagi memastikan setiap pusat tanggungjawab (PTJ) mempunyai laman web berbahasa Melayu dan bahasa Inggeris, pihak Unit Kandungan Web Universiti (UNIKWEB) sentiasa membuat pemantauan tapak web PTJ dari semasa ke semasa.

Beberapa aktiviti lain turut direncana bagi meningkatkan persekitaran dan prasarana yang menyokong aktiviti pengantarabangsaan berdasarkan Pelan Tindakan Pengantarabangsaan UKM 2009-2010. Berikut adalah PTJ yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan aktiviti tersebut:

- Pejabat Hubungan Antarabangsa
- Pusat Pengurusan Siswazah
- Pejabat Yayasan Canselor
- Pusat Pembangunan Akademik
- Pusat Kembangan Pendidikan
- Jabatan Pengurusan Pembangunan
- Pusat Perkembangan Pelajar
- JPPEL
- Fakulti/Institut/Pusat

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

Pemantauan tapak web berbahasa Inggeris sentiasa dipantau oleh UNIKWEB. Pencapaiannya dilaporkan dalam Mesyuarat Ketua-ketua Bahagian (MKB) yang diadakan pada setiap bulan. Sehingga Disember 2009, 37 PTJ telah mempunyai tapak web versi bahasa Inggeris.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

- (1) Mewujudkan One-Stop International Student Centre untuk mengurus keperluan tempat tinggal, kebajikan serta aktiviti pelajar antarabangsa
- (2) Menyediakan prasarana dan perkhidmatan sokongan untuk staf antarabangsa
- (3) Melaksanakan projek pemacu Outreach Antarabangsa Fasa 1: 2008-2010 Program Transformasi UKM sebagai Universiti Unggul
- (4) Menyediakan dana yang mencukupi untuk aktiviti pengantarabangsaan
- (5) Mewujudkan insentif dalam bentuk Anugerah Khas Kualiti / Anugerah Inovasi.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)



cap:
**pembangunan
holistik pelajar**

1. Menambah Kursus Baru Kokurikulum yang Berkredit (UDM)
-

**1 PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP)
PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR**

TAJUK AKTIVITI

Menambah Kursus Baru Kokurikulum yang Berkredit

OBJEKTIF STRATEGIK

- (1) Meningkatkan bilangan MODUL kokurikulum yang dikreditkan di IPT
- (2) Mempertingkatkan dan menambahbaik pelaksanaan kokurikulum berkredit berteraskan Hasil Pembelajaran (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI)

IPTA

Universiti Darul Iman Malaysia (UDM)

**1.0
LATAR BELAKANG AKTIVITI**

Senat universiti telah meluluskan untuk menawarkan kursus-kursus kokurikulum berkredit untuk ditawarkan kepada para pelajar. Para pelajar yang mengikuti kursus-kursus kokurikulum ini diberi kredit dan dinilai berdasarkan kepada penglibatan dan kehadiran, tugas dan amali, serta ujian dan kuiz. Para pelajar akan diberi gred pencapaian masing-masing.

**2.0
PERANCANGAN AKTIVITI**

Perancangan Kursus Kokurikulum Berkredit Sehingga Tahun 2015 adalah seperti jadual di bawah:

Aktiviti	Sedia Ada Sehingga 2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Menawarkan Kursus-Kursus Kokurikulum Berkredit	50	50	55	60	65	70	70

**3.0
PELAKSANAAN AKTIVITI**

- (1) Menyediakan kertas cadangan kokurikulum berkredit untuk mendapat kelulusan Senat.
- (2) Selepas mendapat kelulusan Senat, kursus kokurikulum akan ditawarkan kepada pelajar.
- (3) Jumlah unit yang diambil kira:
 - **Ijazah Pertama**
3 jam kredit (1 jam kredit bagi setiap semester 3, 4 dan 5)
 - **Diploma**
2 jam kredit (1 jam kredit bagi setiap semester 2 dan 3)
- (4) Mahasiswa dibenarkan mengambil lebih kredit bagi sebarang kegiatan kokurikulum namun lebih mata jam kredit tidak akan dikira bagi tujuan pengijazahan. Ianya hanya akan dicatat di dalam transkrip mahasiswa berkenaan (Kursus Audit).
- (5) Mahasiswa dibenarkan mengambil mana-mana kegiatan kokurikulum untuk mencukupkan jumlah jam kredit kokurikulum bagi program pengajian masing-masing KECUALI bagi kursus berpakej. Pilihan mahasiswa adalah tertakluk kepada prasyarat bagi kursus-kursus tertentu.

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

- (1) Pada masa ini (2010), sebanyak 50 kursus kokurikulum bercredit ditawarkan kepada para pelajar.
- (2) Penerimaan pelajar kepada penawaran program-program kokurikulum ini amat baik dan pada keseluruhannya pencapaian pelajar dalam kursus-kursus kokurikulum ini adalah cemerlang.
- (3) Masalah atau isu-isu yang timbul berkaitan dengan penawaran program-program kokurikulum bercredit adalah berkaitan dengan kekangan bajet dan kesukaran mendapat fasilitator yang mempunyai kepakaran dan sijil yang diiktiraf berkaitan dengan kursus-kursus kokurikulum yang hendak ditawarkan.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Perlaksanaan kursus-kursus kokurikulum ini amat penting untuk memenuhi objektif berikut:

- (1) Memberi peluang kepada para pelajar untuk melibatkan diri dalam kegiatan sosio-budaya mengikut pilihan masing-masing.
- (2) Menerapkan kemahiran insaniah melalui pembelajaran matapelajaran kokurikulum yang menjurus kepada pembinaan modal insan yang baik.
- (3) Memberi pendedahan kepada pelajar mengenai isu-isu penting berkaitan dengan pembangunan negara melalui kegiatan khidmat masyarakat.
- (4) Mencungkil dan membangunkan bakat pelajar dalam bidang sukan dan kebudayaan.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Dekan
Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Ketua
Pusat Kokurikulum

mybrain

cap: mybrain15

1. Menawarkan Insentif Kepada Pelajar dan Staf Akademik yang Menamatkan PhD dalam Tempoh 3-4 Tahun (UM)
2. Mewujudkan Pangkalan Data Untuk Pemeriksa Luar (UM)
3. Memantapkan Penyeliaan Pelajar PhD (UMS)
4. Menawarkan "Fast Track" Program untuk Pelajar Cemerlang di Peringkat Ijazah Pertama (UTM)
5. Menawarkan Pelbagai Program - Research Or Coursework (UTM)
6. Mewujudkan Program Khusus bagi Menggalakkan Staf Akademik yang Tidak Berjaya Menghabiskan Pengajian PhD untuk Menamatkan Pengajian Mereka (UUM)
7. Melantik Profesor Ternama sebagai Profesor Pelawat (UiTM)
8. Mewujudkan Pelan untuk Mewajibkan Staf Akademik Meningkatkan Kelayakan ke Peringkat PhD (UiTM)
9. Menambahbaik Sistem Lantikan Felo Akademik Berkelayakan PhD (UiTM)
10. Memantapkan Proses Penawaran Biasiswa Peringkat PhD kepada Pelajar Cemerlang (UiTM)
11. Menawarkan Program PhD di Centre of Excellence (COE) (UiTM)

PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP)

MYBRAIN15

TAJUK AKTIVITI

Menawarkan Insentif Kepada Pelajar dan Staf Akademik yang Menamatkan PhD dalam Tempoh 3-4 Tahun

OBJEKTIF STRATEGIK

Mencapai 60,000 pemegang PhD di Malaysia pada tahun 2023

IPTA

Universiti Malaya (UM)

1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Tempoh minimum pengajian PhD di Universiti Malaya adalah 4 semester dan tempoh maksimum adalah 12 semester. Pada masa ini, kebanyakan pelajar mengambil tempoh lebih daripada 4 semester untuk menyempurnakan pengajian. Insentif ini diwujudkan untuk menggalakkan pelajar menyempurnakan pengajian PhD dalam tempoh masa yang lebih singkat.

2.0

PERANCANGAN AKTIVITI

Penganugerahan Insentif ini melibatkan perkara berikut:

- (1) Lembaga Pengarah Universiti dalam mesyuaratnya pada 9.4.2009 telah bersetuju untuk meluluskan insentif ini. Insentif yang diluluskan adalah seperti berikut:

Tempoh Tamat Pengajian	Insentif kepada pelajar	Insentif kepada Penyelia
Tidak melebihi 3 tahun	RM2,000	RM1,000
Tidak melebihi 4 tahun	RM1,000	RM500

- (2) Institut Pengajian Siswazah (IPS) kemukakan senarai nama graduan yang layak menerima pembayaran insentif kepada Unit Perancangan Korporat (UPK) berdasarkan Buku Konvokesyen Tahun 2009.
- (3) Bahagian Sumber Manusia (BSM) kemukakan senarai nama staf akademik yang layak menerima pembayaran insentif kepada Unit Perancangan Korporat (UPK) berdasarkan rekod staf yang melapurkan diri untuk bertugas selepas tamat pengajian PhD di dalam atau luar negara.
- (4) Universiti menganjurkan majlis Anugerah Cemerlang Universiti Malaya pada 31.7.2009 untuk menyampaikan insentif tersebut kepada graduan dan staf.
- (5) Bagi staf akademik UM yang menamatkan pengajian di peringkat PhD atas inisiatif sendiri mereka juga diberi ganjaran sebanyak RM5000.00 sekali dalam perkhidmatan.

Carta Gantt adalah seperti dalam Lampiran UM_MB15(1).

3.0

PELAKSANAAN AKTIVITI

Aktiviti ini melibatkan PTj berikut:

- (1) Unit Perancangan Korporat (UPK)
- (2) Institut Pengajian Siswazah (IPS)
- (3) Bahagian Sumber manusia (BSM)

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

Bagi tahun 2009, projek ini telah dijalankan dengan jayanya dan seramai 50 orang graduan telah menerima insentif.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Dengan insentif ini dijangkakan lebih ramai pelajar PhD akan menyempurnakan pengajian dalam tempoh 3 hingga 4 tahun.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Pengarah,
Institut Pengajian Siswazah

Ketua,
Unit Perancangan Korporat

Timbalan Pendaftar,
Bahagian Sumber Manusia

LAMPIRAN UM_MB15(1)

MENAWARKAN INSENTIF KEPADA PELAJAR DAN STAF YANG
MENAMATKAN PHD DALAM TEMPOH 3-4 TAHUN

Perancangan Aktiviti	Tempoh	Mula	Tamat	2009												2010																																		
				Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec																							
Kelulusan Lembaga Pengarah UM	1 hari	4/9/2009	4/9/2009																																															
IPS kemukakan senarai nama pelajar yang terlibat kepada Unit Perancangan Korporat (UPK) berdasarkan Buku Konvensyen Tahun 2009	1 hari	6/2009	6/2009																																															
Universiti mengemukakan majlis Anugerah Cemerlang Universiti Malaysia pada 31/7/2009 untuk menyampaikan insentif tersebut kepada graduan dan staf.	1 hari	7/31/2009	7/31/2009																																															
Bagi staf akademik UM yang menawarkan pengajian di peringkat PhD atas inisiatif sendiri mereka juga diberi ganjaran sebanyak RM5000.00 sekali dalam perkhidmatan		Sepanjang masa																																																

TAJUK AKTIVITI

Mewujudkan Pangkalan Data Untuk Pemeriksa Luar

OBJEKTIF STRATEGIK

Mencapai 60,000 pemegang PhD di Malaysia pada tahun 2023

IPTA

Universiti Malaya (UM)

1.0**LATAR BELAKANG AKTIVITI**

Proses pemeriksaan PhD dan proses pelantikan pemeriksa luar mengambil masa yang lama pada masa ini. Kelewatan proses ini menjejaskan tempoh penyempurnaan program PhD. Tujuan pembangunan pangkalan data ini adalah untuk membantu memendekkan tempoh pemeriksaan tesis PhD.

2.0**PERANCANGAN AKTIVITI**

Pembangunan pangkalan data ini melibatkan perkara berikut:

- (1) Kumpul data pemeriksa luar dari semua pusat tanggungjawab (PTj) akademik di UM.
- (2) Kemukakan senarai nama pemeriksa secara berkelompok untuk kelulusan Senat bagi tempoh 5 tahun.
- (3) Wujudkan pangkalan data pemeriksa luar secara elektronik
- (4) Gunakan sistem elektronik sebagai wadah komunikasi dengan pemeriksa luar.

Carta Gantt seperti dalam Lampiran UM_MB15(2).

3.0**PELAKSANAAN AKTIVITI**

Pembangunan pangkalan data ini melibatkan PTj berikut:

- (1) Institut Pengajian Siswazah sebagai Penyelaras
- (2) Pusat Teknologi Maklumat untuk membangunkan sistem
- (3) Semua PTj akademik untuk memberi data pemeriksa luar dan menggunakan sistem

4.0**PENCAPAIAN AKTIVITI**

Projek ini dimulakan pada September 2009 dan hampir 50% pembangunan pangkalan data telah siap. Walau bagaimanapun, antara isu yang dihadapi dalam membangunkan pangkalan data ini adalah terdapat maklumat yang diperolehi tidak lengkap dan tidak terkini.

5.0**RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG**

Pembangunan pangkalan data pemeriksa luar ini dapat membantu mempercepatkan pengurusan proses pemeriksaan tesis calon PhD. Pangkalan data ini akan dipantau dan dikemaskini dari semasa ke semasa. Aktiviti yang dirancang untuk masa akan datang melibatkan penambahbaikan sistem pangkalan data yang dibangunkan.

6.0
**PEGAWAI YANG
 BERTANGGUNGJAWAB**

Dekan
 Institut Pengajian Siswazah

Pengarah
 Pusat Teknologi Maklumat

Ketua
 Pusat Tanggungjawab Akademik

LAMPIRAN UM_MB15(2)

MENAWARKAN INSENTIF KEPADA PELAJAR DAN STAF YANG
 MENAMATKAN PHD DALAM TEMPOH 3-4 TAHUN

Perancangan Aktiviti	Tempoh	Mula	Tamat	2009			2010																	
				Sep	Oct	Nov	Dec	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec					
Kumpul data pemeriksa luar dari semua PTJ akademik di UM.	6 bulan	9/1/2009	2/28/2010						M1															
Kemukakan senarai nama pemeriksa secara berkelompok untuk kelulusan Senat bagi tempoh 5 tahun.	3 bulan	3/1/2010	5/31/2010										M2											
Wujudkan pengkalan data pemeriksa luar secara elektronik.	3 bulan	5/1/2010	7/31/2010															M3						
Gunakan sistem elektronik sebagai wadah komunikasi dengan pemeriksa luar.	Sepanjang masa																							

TAJUK AKTIVITI

Memantapkan Penyeliaan Pelajar PhD

OBJEKTIF STRATEGIK

Mencapai 60,000 pemegang PhD di Malaysia pada tahun 2023

IPTA

Universiti Malaysia Sabah (UMS)

1.0**LATAR BELAKANG AKTIVITI**

Demi meningkatkan daya saing Malaysia pada peringkat global terutamanya dalam sektor perindustrian, modal insan yang berkualiti khususnya berkelulusan PhD perlu disediakan. Sehubungan itu negara berusaha melahirkan kira-kira 100,000 penyelidik dan pekerja yang mempunyai kelayakan PhD dan setaraf dengannya menjelang 2020. IPT tempatan telah diamanatkan untuk memainkan penting bagi merealisasikan impian ini.

Amnya masa yang diperlukan seseorang pelajar bagi memperolehi PhD ialah tiga tahun. Walau bagaimanapun sebilangan calon PhD mengambil masa sehingga lima tahun dan keadaan ini antara lain dikaitkan kepada kelayakan dan kemampuan pensyarah sebagai penyelia. Selain mempunyai kelulusan PhD atau menyandang jawatan profesor madya atau profesor, seorang penyelia perlu berkemampuan tinggi dalam penyeliaan pelajar.

Penunjuk Prestasi Utama (KPI) Universiti Malaysia Sabah antara lain menetapkan bilangan pengambilan pelajar PhD, bilangan graduan PhD dan peratusan pelajar PhD yang bergraduasi mengikut masa (tiga tahun) meningkat pada kadar tertentu setiap tahun. Antara strategi yang dikenalpasti untuk mencapai sasaran ini ialah mempertingkatkan kualiti modal insan (staf akademik) UMS. Aktiviti-aktiviti ke arah ini ialah mengadakan kursus Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) Penyeliaan Pelajar kepada staf akademik dan pengambilan staf akademik baru dengan memberi keutamaan kepada calon lulusan PhD.

2.0**PERANCANGAN AKTIVITI**

Perancangan tentang kursus-kursus CPD untuk staf akademik telah diadakan pada tahun 2009 dan mula dilaksanakan pada tahun 2010. Kalendar Kursus CPD dimaklumkan secara elektronik dan surat pekeliling kepada staf akademik. Salah satu dari kursus ini ialah Penyeliaan Pelajar (12 mata CPD) dan ianya akan diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun.

Pengambilan staf akademik tetap dan kontrak diadakan secara berkala. Walau bagaimanapun bilangan staf yang terlibat bergantung kepada kekosongan (i.e. waran perjawatan) dan keperluan semasa.

3.0**PELAKSANAAN AKTIVITI**

Kursus CPD diurus oleh Unit Pembangunan Profesional (Akademik), Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar. Staf akademik boleh memohon secara dalam talian untuk mengikuti kursus ini.

Program pengambilan staf akademik diurus oleh Pejabat Pendaftar, khususnya Bahagian Sumber Manusia. Proses temuduga dilaksanakan mengikut prosedur yang sedia ada di UMS.

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

Kursus CPD Penyeliaan Pelajar siri 1/2010 dijadualkan pada 10-11 Mac 2010. Bilangan staf akademik yang akan terlibat ialah kira-kira 30 orang.

Pengambilan staf akademik siri 1/2010 pula telah dilaksanakan pada bulan Januari - Februari, 2010 dengan mengadakan temuduga di Kota Kinabalu, Kuala Lumpur dan di luar negara (Pakistan dan Bangladesh). 21 calon dengan kelulusan PhD telah ditawarkan berkhidmat sebagai staf akademik di UMS.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Memandangkan kedua-dua sub-aktiviti di atas dilaksanakan secara berterusan, bilangan staf akademik UMS yang mengikuti kursus CPD Penyeliaan Pelajar serta dengan kelulusan PhD akan meningkat. Sehubungan dengan ini promosi dalam dan luar negara mengenai peluang pengajian pascaijazah di UMS akan ditingkatkan agar enrolmen tahunan pelajar pasca, khususnya pelajar PhD, juga meningkat.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Dekan,
Pusat Pengajian Pascasiswazah

TAJUK AKTIVITI

Menawarkan “Fast Track” Program untuk Pelajar Cemerlang di Peringkat Ijazah Pertama

OBJEKTIF STRATEGIK

Mencapai 60,000 pemegang PhD di Malaysia pada tahun 2023

IPTA

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

1.0**LATAR BELAKANG AKTIVITI**

- (1) MyBrain15 adalah salah satu agenda kritikal yang digariskan dalam Pelan Tindakan Transformasi Pengajian Tinggi Negara. Objektif MyBrain15 adalah untuk melahirkan bilangan pemegang ijazah PhD yang secukupnya sebagai pemacu kepada inovasi yang akan memandu masa depan ekonomi Negara yang berdaya saing. MyBrain15 berfungsi sebagai landasan bagi pembentukan ‘critical mass’ dan graduan berpengetahuan tinggi yang terkenal di peringkat antarabangsa melalui penciptaan dan inovasi produk dan perkhidmatan mereka.
- (2) Sehingga kini, kerajaan Malaysia melalui KPT, JPA, MARA dan MOSTI telah memberi bantuan biasiswa dan dana untuk tujuan pengajian pasca-siswazah graduan Malaysia. Bagaimana pun indikator input bagi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Negara menunjukkan bahawa Malaysia jauh ke belakang berbanding beberapa negara saingan. Pada 2004, peratus GERD/GDP hanya berada pada 0.63% amat kurang daripada sasaran 1.5% dalam RMK-9. Bagi penerbitan dalam bidang Sains dan Teknologi (S&T) dalam jurnal berwasit, Malaysia berada di kedudukan terbawah berbanding dengan Taiwan, Korea, Finland dan Singapura iaitu sebanyak 993 penerbitan. Malaysia juga berada pada tempat terbawah berbanding dengan Taiwan, Korea, Finland dan Singapura dari segi bilangan paten, di mana hanya 98 paten dianugerahkan pada 2006.
- (3) Malaysia berhasrat untuk menjadi pelopor dan perintis dalam bidang-bidang kritikal seperti Bioteknologi, Sains Bioperubatan, Hab Halal dan Kewangan Islam. Justeru, bilangan pemegang ijazah PhD Negara perlu ditambah memandangkan jumlah 8,000 orang pada masa kini tidak akan dapat menyokong keperluan Negara dalam pembangunan bidang-bidang kritikal tersebut.
- (4) Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, minat para graduan cemerlang untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ph.D telah meningkat sejajar dengan harapan Kerajaan untuk meningkatkan bilangan saintis dan pakar untuk kemajuan negara. Kebanyakan universiti terkenal di dunia membenarkan calon dengan kelayakan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama mendaftar terus ke program Ph.D. Sebagai contoh, Cambridge University, UK dan Monash University, Australia. Di Malaysia, kemasukan terus ke Program Kedoktoran menerusi kelayakan Ijazah Pertama boleh membantu pencapaian sasaran 60,000 pemegang Ijazah Kedoktoran menjelang tahun 2023.
- (5) Sehingga kini, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menerima masuk pelajar-pelajar cemerlang dengan kelulusan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama dengan CGPA 3.5 ke atas, mendaftar terus ke Program Doktor Falsafah (Ph.D). Mesyuarat Senat Universiti Bil.8/2004/2005/01 bertarikh 2

Mac 2005 telah meluluskan cadangan bagi penerimaan calon pelajar dengan kelayakan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama di UTM mendaftar terus ke Program Doktor Falsafah (Ph.D).

- (6) Program Doktor Falsafah (PhD) secara “Fast Track” adalah satu program yang ditawarkan khas bagi graduan-graduan cemerlang yang menamatkan pengajian Sarjana Muda dengan CGPA 3.5 ke atas bermula pada Semester 1 2009/2010. Pelajar di bawah skim secara amnya ditawarkan ke program Doktor Falsafah tetapi pelaksanaan program adalah seperti program sarjana di peringkat awal pengajian. Pelajar di bawah skim ini perlu melepasi penilaian tahap pertama sebelum dibenarkan meneruskan pengajian ke program Doktor Falsafah. Sebaliknya, pelajar akan kekal dalam program Sarjana sekiranya tidak memenuhi syarat penilaian yang ditetapkan pada semester pertama..
- (7) Amalan universiti sebelum kemasukan semester 1 Sesi 2009/2010 ialah semua calon pelajar dengan kelayakan Ijazah Pertama yang cemerlang akan mendaftar terus ke program Sarjana Secara Penyelidikan. Jika terbukti menunjukkan prestasi cemerlang dalam Penilaian Peringkat Pertama (dalam semester kedua) serta memenuhi criteria tertentu pelajar tersebut dibenarkan melalui proses Penukaran (Conversion) daripada Sarjana kepada Doktor Falsafah. Jika berjaya, rekod pendaftaran pelajar akan dinaiktaraf ke peringkat PhD mulai semester ketiga pengajian dan tempoh pengajian semester Pertama dan Semester Kedua pengajian beliau diambilkira sebagai sebahagian daripada pengajian di peringkat PhD. Pelajar dibenarkan menyerahkan tesis Ph.D untuk tujuan Peperiksaan setelah enam semester (3 tahun) mulai tarikh pendaftaran pertama beliau.
- (8) Bagi memastikan kualiti calon yang diterima mendaftar ke program peringkat Doktor Falsafah adalah cukup terjamin, pihak Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) dan Fakulti secara bersama mengambilkira perkara berikut sebelum memutuskan untuk menerima seseorang calon Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama terus mendaftar ke program Ph.D:-
 - (a) Calon adalah graduan dari Universiti yang dikenalpasti mempunyai reputasi yang baik;
 - (b) Calon mendapat keputusan baik dalam Projek Tahun akhir atau Projek Tahun Kepujian. Sebaiknya calon meneruskan penyelidikan dalam bidang yang sama di peringkat Ph.D dengan bidang yang telah diikuti semasa menjalankan penyelidikan dalam Projek Tahun akhir;
- (9) Keputusan untuk menerima seseorang calon dengan kelayakan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama terus mendaftar ke peringkat Ph.D adalah tertakhluk kepada persetujuan fakulti berkenaan.

■ 2.0 PERANCANGAN AKTIVITI

- (1) Bagi melancarkan lagi pelaksanaan Program Doktor Falsafah (PhD) secara “Fast Track” ini , pihak Sekolah Pengajian Siswazah (SPS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) akan membuat beberapa perancangan aktiviti seperti di bawah bagi menarik minat pelajar tahun akhir program Sarjana Muda di setiap fakulti untuk meneruskan pengajian ke peringkat Pasca Ijazah (Master dan PhD).
- (2) Pihak SPS akan membuat promosi dan menjalankan aktiviti pemasaran untuk pelajar tahun akhir program Sarjana Muda di setiap fakulti sebanyak dua kali setahun. Pada pelajar akan didedahkan dengan kepentingan dan keistimewaan menyambung pengajian di peringkat Pasca ijazah.

(3) Bagi menjayakan program promosi dan aktiviti pemasaran kepada semua pelajar tahun akhir yang cemerlang di peringkat Ijazah Sarjana Muda, maka beberapa aktiviti dan perancangan telah dibuat seperti berikut:

Tahun	Perkara / Aktiviti	Perkembangan	Tindakan
Sem 1 2009/10 (Bulan Pertama)	Pihak UHK, SPS akan mengedarkan tentatif aktiviti promosi dan taklimat untuk pelajar tahun akhir kepada semua fakulti	Menghubungi dan mendapatkan maklumbalas daripada pihak Fakulti mengenai tarikh taklimat yang diedarkan ke fakulti.	Unit Hubungan Korporat , SPS
Sem 1 2009/10 (Bulan Pertama) * Minggu ke 3	Fakulti diminta untuk mengenalpasti tempat dan tarikh program bagi membolehkan pihak SPS membuat persiapan untuk aktiviti promosi dan taklimat kepada pelajar tahun akhir mengikut fakulti	Kenalpasti berapa bilangan pelajar yang telah berjaya hadir untuk taklimat tersebut.	Unit Hubungan Korporat , SPS
Sem 1 2009/10 (Bulan Kedua)	Fakulti diminta untuk mengenalpasti dan menghantar senarai nama pelajar program Sarjana Muda yang cemerlang kepada pihak Dekan SPS dengan disahkan setiap maklumat /data tersebut oleh setiap Dekan difakulti masing-masing di UTM.	Kenalpasti dan merekodkan maklumat berapa fakulti yang telah menghantar maklumat bilangan pelajar cemerlang serta layak ditawarkan terus ke program PhD melalui "Fast Trak" program dan mempunyai CGPA 3.5 ke atas (Kepujian Kelas Pertama)	Unit Kemasukan & Rekod, SPS
Sem 1 2009/10 (Bulan Kedua)	SPS mendapatkan senarai bilangan pelajar cemerlang untuk program Sarjana Muda dengan CGPA 3.5 ke atas daripada Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (CICT), UTM	Kenalpasti bilangan calon pelajar yang cemerlang dan layak serta boleh ditawarkan ke program PhD secara terus berdasarkan CGPA 3.5 dan keatas	Unit Kemasukan & Rekod, SPS
Sem 1 2009/10 (Bulan Ketiga)	Tapisan pelajar oleh SPS dan fakulti & Surat Tawaran 'fast track' diberikan kepada pelajar sarjana muda yang cemerlang	Merekodkan bilangan surat tawaran yang dikeluarkan kepada pelajar cemerlang mengikut fakulti masing-masing.	Unit Kemasukan & Rekod, SPS
Sem 2 2009/10 (Bulan Pertama)	Membuat Pendaftaran untuk pelajar cemerlang program Sarjana Muda ke PhD -Program Fast track	Merekodkan bilangan pelajar yang mendaftar dan bandingkan dengan surat tawaran yang dikeluarkan kepada pelajar cemerlang Sarjana Muda.	Unit Kemasukan & Rekod, SPS
Sem 2 2009/10 Hujung Semester Pertama	Penilaian Peringkat Pertama / Ujian Kelayakan- bagi semua pelajar secara penyelidikan program "Fast Trak" oleh panel penilai di semua fakulti.	Kenalpasti berapa ramai pelajar program "Fast Trak" yang layak menduduki Ujian Kelayakan di akhir semester pertama.	Semua Fakulti & SPS
Sem 2 2009/10 Semester 2 dan seterusnya	Pelajar Berjaya (ke Program Doktor falsafah)	Merekodkan bilangan pelajar bagi program ini yang layak di tawarkan / dinaiktaraf dari Master ke PhD.	Semua Fakulti & SPS
Sem 2 2009/10 Semester 2 dan seterusnya	Pelajar Gagal Penilaian Ujian Kelayakan (Kekal di Program Sarjana)	Merekodkan berapa jumlah pelajar yang berjaya melepasi ujian kelayakan	Semua Fakulti & SPS

■ 3.0
PELAKSANAAN AKTIVITI

(1) Bagi menjayakan Program Doktor Falsafah (PhD) secara “Fast Track” ini , oleh Sekolah Pengajian Siswazah (SPS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ini , kebiasaannya terdapat beberapa unit di UTM yang terlibat seperti berikut:

- (a) Sekolah Pengajian Siswazah (SPS)
 - (i) Dekan SPS
 - (ii) Semua Timbalan Dekan SPS
 - (iii) Unit Kemasukan & Rekad, SPS

- (b) Semua Fakulti yang berkaitan di UTM
 - (i) Semua Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah)
 - (ii) Semua Ketua Jabatan (Pengajian Siswazah)
 - (iii) Beberapa Graduate Faculty / Penyelia – berdasarkan bidang tajuk projek penyelidikan

- (c) Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (CICT) – sediakan maklumat dan data pelajar program Sarjana Muda yang cemerlang

- (d) Unit Hubungan Korporat, SPS - menguruskan aktiviti promosi dan taklimat SPS kepada pelajar tahun akhir program Sarjana Muda.

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

(1) Bukti Laporan Pencapaian Projek bagi Sem 1 Sesi 2009/2010
Statistik pelajar cemerlang Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama yang mendaftar “Fast Trak Program” terus ke peringkat Ph.D bagi Sem 1 Sesi 2009/2010 – bilangan pelajar Phd yang mendaftar hasil daripada surat tawaran fast track adalah seperti berikut:

**STATISTIK PELAJAR MENDAFTAR UNTUK PROGRAM “ FAST TRACK “
BAGI SEM 1 SESI 2009/2010**

Fakulti	Sarjana	PhD	Jumlah
FAB	5	4	9
FKA	14	-	14
FKBSK	2	5	7
FKKKSA	12	5	17
FKM	7	5	12
FKSG	17	18	35
FP	7	12	19
FPPSM	3	8	11
FS	13	18	31
FSKSM	10	1	11
IBS	1	-	1
SPS	1	-	1
JUMLAH	92	76	168

STATISTIK PELAJAR TAHUN AKHIR SARJANA MUDA YANG DITAWARKAN KE PROGRAM FAST TRACK SEMESTER 1 2008/2009

Bil	Fakulti	Jumlah
1	FKSG	94
2	FS	87
3	FP	28
4	FPPSM	54
5	FKBSK	8
6	FKKKSA	77
7	FAB	64
8	FSKSM	66
9	FKM	79
10	FKA	86
11	FBB	34
JUMLAH		677

- (2) Bukti Laporan Penawaran Projek bagi Sem 1 Sesi 2010/2011
 Statistik pelajar yang akan ditawarkan ke program "Fast Trak Program" – Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama terus ditawarkan ke peringkat Ph.D bagi Sem 1 Sesi 2010/2011–

STATISTIK GRADUAN SARJANA MUDA YANG AKAN DITAWAR TERUS KE PROGRAM 'FAST TRACK' DOKTOR FALSAFAH (CPA 3.5-4.0) BAGI KEMASUKAN SEMESTER II 2009/2010

Bil	Fakulti	Konvo 43	Konvo 44
1	FP	210	9
2	FKE	137	2
3	FSKSM	128	6
4	FPPSM	120	6
5	FKSG	108	-
6	FKA	102	7
7	FS	94	-
8	FKM	88	1
9	FAB	69	2
10	FKKKSA	68	1
11	FBB	33	1
12	FKBSK	8	-
JUMLAH		1165	35

(3) Isu yang berkaitan dengan “Fast Track” Program

(a) Isu terhadap Syarat Kemasukan ke Program Kedoktoran oleh KPT dan MQA
Isu yang pernah diutarakan oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), sebuah badan yang bertanggungjawab memantau kualiti dan memberikan akreditasi ke atas program prasiswazah dan pascasiswazah di Malaysia mencadangkan supaya syarat kemasukan minimum untuk melanjutkan pengajian di peringkat kedoktoran dihadkan kepada mereka yang memiliki atau sedang mengikuti Ijazah Master. Pelajar yang sedang mengikuti Ijazah Master boleh dinaikkan taraf pengajian ke peringkat kedoktoran. Dengan ertikata lain, pemegang Ijazah Pertama tidak lagi diterima masuk secara terus ke program kedoktoran. Cadangan ini dicapai melalui Mesyuarat Bersama KPT dan IPT Tentang Isu Pengajian Siswazah pada 22 Jun 2009 yang dipegerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MQA.

(b) Isu pendirian Majlis Dekan Pengajian Siswazah (MDPS) terhadap Syarat Kemasukan ke Program Kedoktoran

Berdasarkan minit mesyuarat MDPS Ke 23 yang diadakan di KLIA Pan Pacific Hotel Kuala Lumpur pada 12 Disember 2009 telah memutuskan bahawa MDPS tidak bersetuju dengan cadangan tidak membenarkan pemegang Ijazah Pertama tidak lagi diterima masuk secara terus ke program kedoktoran berasaskan perkara berikut:

- (i) Senat merupakan pihak berkuasa yang menentukan syarat kemasukan ke sesuatu program;
- (ii) Amalan membenarkan pemegang Ijazah Pertama melanjutkan terus pengajian di peringkat kedoktoran memang diamalkan di luar negara seperti Australia;
- (iii) Kemasukan terus ke program kedoktoran menerusi kelayakan Ijazah Pertama boleh membantu pencapaian sasaran 60,000 pemegang Ijazah kedoktoran di Malaysia menjelang tahun 2023.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

(1) Bagi mengalakkan lagi penambahan bilangan calon untuk program “Fast Track” ini pihak Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) merancang untuk mempelbagaikan dan memperkembangkan lagi jenis program PhD yang ditawarkan oleh pihak Universiti seperti berikut:

- (a) PhD – secara Penerbitan
- (b) PhD – Dual Degree
- (c) PhD – Double Degree
- (d) PhD – Portfolio
- (e) PhD – Collaboration

(2) Pihak UTM juga akan menawarkan beberapa skim biasiswazah kepada pelajar cemerlang yang mendaftar secara Penyelidikan seperti berikut:

- (a) Skim Biasiswazah UTM
- (b) Skim Biasiswazah IPTA

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah

TAJUK AKTIVITI

Menawarkan Pelbagai Program - Research Or Coursework

OBJEKTIF STRATEGIK

Mencapai 60,000 pemegang PhD di Malaysia pada tahun 2023

IPTA

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

(1) MyBrain15 adalah salah satu agenda kritikal yang digariskan dalam Pelan Tindakan Transformasi Pengajian Tinggi Negara. Objektif MyBrain15 adalah untuk melahirkan bilangan pemegang ijazah PhD yang secukupnya sebagai pemacu kepada inovasi yang akan memandu masa depan ekonomi Negara yang berdaya saing. MyBrain15 berfungsi sebagai landasan bagi pembentukan 'critical mass' dan graduan berpengetahuan tinggi yang terkenal di peringkat antarabangsa melalui penciptaan dan inovasi produk dan perkhidmatan mereka.

(2) PhD berteraskan industri

(a) Doktor Kejuruteraan (Pengurusan Perniagaan Kejuruteraan)

Program ini ditawarkan oleh UTM dan diuruskan oleh Pusat Perniagaan dan Teknologi Termaju atau Business and Advanced Technologies Centre (BATC). Pengajian ini adalah di peringkat doktoral dalam bidang Pengurusan Perniagaan Kejuruteraan yang setaraf dengan Doktor Falsafah (PhD). Jumlah beban akademik pelajar untuk keseluruhan program ini adalah setara dengan 108 kredit. Setiap pelajar perlu mengambil minimum 18 kredit (6 kursus) bagi lulusan Sarjana dan 36 kredit (12 kursus) bagi lulusan Sarjana Muda.

Komponen Program Doktor Kejuruteraan (Pengurusan Perniagaan Kejuruteraan) ini mengandungi dua elemen utama iaitu Program Penyelidikan dan Kursus berstatus Hadir Wajib (HW). Projek Penyelidikan hendaklah memberi tumpuan kepada penyelesaian masalah industri. Matlamat program ini adalah untuk melahirkan modal insan yang pakar dan berinovatif dalam pengurusan perniagaan kejuruteraan dalam industri teknologi, kejuruteraan atau perkhidmatan kejuruteraan dan mengaplikasikan ilmu pengetahuan serta penyelesaian masalah di sector tersebut secara praktikal. Objektif program ini adalah mengadakan program doctoral melalui kerjasama universiti dan industri dalam melahirkan eksekutif dan peneraju industri yang berinovatif dalam menyelesaikan masalah sebenar dan membuat keputusan dalam industri Teknologi, Kejuruteraan atau Perkhidmatan Kejuruteraan yang merangkumi pengetahuan teknikal, pengurusan perniagaan dan organisasi.

b) Doktor Kejuruteraan (Teknologi & Pengurusan Pembinaan)

Program ini ditawarkan oleh Fakulti Kejuruteraan Awam, UTM dan diuruskan oleh Construction Technology and Management Centre (CTMC). Pengajian ini adalah di peringkat doktoral dalam bidang Teknologi dan Pengurusan Pembinaan yang setaraf dengan Doktor Falsafah (PhD). Doktor Kejuruteraan (Eng.D) adalah fokus kepada penyelidikan berorientasikan

aplikasi dan menyelesaikan masalah kejuruteraan dan pengurusan pembinaan yang dihadapi oleh syarikat ataupun organisasi dalam industri pembinaan.

Matlamat program Kedoktoran ini adalah untuk melahirkan pakar dalam industri pembinaan yang berkebolehan, berinovatif dalam mengaplikasikan ilmu pengetahuan serta penyelesaian masalah di sektor pembinaan secara praktikal.

Program ini merupakan satu alternatif kepada program PhD tradisional di mana isu-isu penyelidikannya ditumpukan kepada aspek penyelesaian masalah industri pembinaan secara lebih praktikal seterusnya memberi manfaat secara langsung kepada agensi / organisasi yang terlibat. Program ini juga bertujuan untuk merealisasikan dan mempercepatkan pembangunan professional untuk industri pembinaan.

Doktor Kejuruteraan ini sesuai untuk memenuhi keperluan industri melalui skop pembelajaran dan penyelidikan yang berorientasikan penyelidikan aplikasi (applied research) serta memberi penumpuan khusus terhadap penyelesaian masalah dalam industri pembinaan.

Dari segi struktur program pula ia mengandungi dua elemen utama iaitu modul secara kerja kursus tidak melebihi 32 kredit dan penyeliaan tidak kurang daripada 74 kredit. Dari segi projek penyelidikan pula ia terdiri daripada satu projek khusus ataupun gabungan beberapa siri projek kecil yang saling berkaitan. Syarat pengesahan projek dan skop kajian hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Setiap calon juga dikehendaki menyiapkan dua laporan iaitu Laporan Tahunan Projek Penyelidikan dan Tesis di akhir pengajian.

Proses penyelidikan akan diselia oleh sekurang-kurangnya dua orang Penyelia di mana salah seorang daripadanya terdiri dari staf UTM dan seorang lagi terdiri daripada wakil industri (Pegawai kanan tempat calon berkhidmat).

c) Doktor Kejuruteraan (Pengurusan Loji Proses)

Program ini ditawarkan oleh Fakulti Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Sumber Asli (FKKKSA), UTM dan diuruskan oleh Chemical Engineering Pilot Plant (CEPP) atau Loji Pandu Kejuruteraan Kimia. Pengajian ini adalah di peringkat doktoral dalam bidang Pengurusan Loji Proses yang setaraf dengan Doktor Falsafah (PhD).

Program ini merupakan satu alternatif kepada program PhD di mana isu-isu penyelidikannya ditumpukan kepada aspek penyelesaian masalah industri Teknologi, Kejuruteraan atau Perkhidmatan Kejuruteraan Proses secara lebih praktikal dan seterusnya memberi manfaat secara langsung kepada agensi/organisasi/syarikat yang terlibat.

Jumlah beban akademik pelajar untuk keseluruhan program ini adalah setara dengan 108 kredit. Setiap pelajar perlu mengambil minimum 15 kredit (5 kursus) dan satu kursus Hadir Wajib. Pelaksanaan kursus adalah mengikut kaedah modular. Proses Penyelidikan akan diselia oleh sekurang-kurangnya dua orang Penyelia di mana salah seorang daripadanya terdiri dari staf akademik siswazah (kelulusan doctoral / Graduate Faculty) dan seorang lagi terdiri dari wakil industri. Penyelia daripada industri

hendaklah terdiri daripada pegawai kanan tempat calon berkhidmat. Pelajar perlu menghasilkan sebuah Disertasi Doktor Kejuruteraan hasil daripada penyelidikan.

Doktor Kejuruteraan (Eng.D) ini sesuai untuk memenuhi keperluan industri melalui skop pembelajaran dan penyelidikan yang berorientasikan penyelidikan gunaan (applied research). Program Doktor Kejuruteraan (Eng.D) mempunyai kursus secara kerja kursus bagi meningkatkan tahap pengetahuan graduannya terhadap ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan Pengurusan Loji Proses.

(3) PhD dengan kerja kursus

(a) Doktor Falsafah (Sistem Maklumat)

Program ini merupakan program PhD Penyelidikan secara terpadu (Guided Full Research) beserta tesis. Program Ijazah Doktor Falsafah ini dikendalikan secara sepenuh masa dengan mengambil tempoh minimum 6 semester atau separuh masa dengan tempoh minimum 8 semester. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan melalui kuliah, seminar dan tesis. Program ini mempunyai kelainan dan kekuatan yang berbeza kerana ia memfokuskan kursus kepada bidang dan teori Sistem Maklumat.

Matlamat program ini adalah untuk menghasilkan graduan yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran dalam teori-teori Sistem Maklumat dan berupaya mengaplikasikannya untuk menganalisis dan menyelesaikan masalah di organisasi.

Dari segi struktur kurikulum program ini terdiri daripada 2 komponen utama iaitu Kerja Kursus berstatus hadir wajib dan juga Program Penyelidikan. Matapelajaran kerja kursus adalah terdiri daripada matapelajaran teras penyelidikan Sistem Maklumat, Matapelajaran Elektif Sistem Maklumat dan Matapelajaran Wajib Universiti. Manakala Penyelidikan pula merangkumi 3 bahagian seperti Proposal Penyelidikan, Penyelidikan dan Seminar Kedoktoran.

(b) Doktor Falsafah (Fakulti Pendidikan)

Program Doktor Falsafah secara kerja kursus dan penyelidikan yang ditawarkan di Fakulti Pendidikan UTM melibatkan 6 program iaitu Doktor Falsafah (Pengurusan & Pentadbiran), Doktor Falsafah (Bimbingan dan Kaunseling), Doktor Falsafah (Kurikulum dan Pengajaran), Doktor Falsafah (Pendidikan dan Pembangunan), Doktor Falsafah (Psikologi Pembangunan) dan Doktor Falsafah (Pengukuran dan Penilaian).

Semua Program Doktor Falsafah Pendidikan yang ditawarkan seperti secara kerja kursus dan penyelidikan di atas ini adalah bertujuan memberikan pendedahan pengetahuan yang secukupnya kepada calon kedoktoran dalam bidang berkaitan dan dalam masa yang sama dapat memastikan pelajar dapat menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

Semua pelajar kedoktoran ini akan menyiapkan kerja kursus sebanyak 44 kredit dan disertasi penyelidikan mereka sebanyak 52 kredit. Jumlah keseluruhan kredit yang perlu diambil ialah sebanyak 96 kredit. Pelajar dalam Program PhD ini diwajibkan mengikuti kursus persediaan menjalankan penyelidikan (PPU0020) bagi memberi pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya kepada mereka untuk menjalankan

penyelidikan dan menggunakan ujian statistik yang sesuai untuk menganalisis data kajian.

Kebaikan mod kerja kursus dan penyelidikan berbanding mod penyelidikan sepenuhnya ialah panduan (guidance) yang boleh diterima pelajar dalam kursus yang diambil sebelum mereka membentangkan proposal penyelidikan. Ini adalah kerana, mengikut pengalaman yang lepas, pelajar yang mengikuti mod penyelidikan sepenuhnya tidak mempunyai pendedahan secukupnya dalam bidang berkenaan bagi membolehkan mereka memilih tajuk tesis yang bertepatan dengan bidang dikaji.

(4) PhD Double Degree / Dual Degree

(a) PhD - Dual Degree

Dual Doctoral Degree Program (3DP) adalah program kedoktoran serentak di mana calonya akan mengikuti kursus di kedua-dua universiti, dan akan dianugerahkan dua Ijazah Kedoktoran iaitu UTM dan Tokai University, Jepun setelah berjaya memenuhi semua syarat-syarat penganugerahan ijazah kedua-dua universiti.

Dalam ertikata lain, bermakna dua Ijazah yang diberikan oleh dua universiti yang berbeza untuk program yang berbeza dalam satu tempoh pengajian. Calon akan dianugerah kedua-dua Ijazah Kedoktoran sekiranya beliau telah memenuhi semua syarat penganugerahan kedua-dua universiti. Contohnya program diantara UTM dengan Tokai University, Jepun.

Jangka masa kursus 3DP ialah 3 hingga maksimum enam tahun. Jangka masa ini adalah termasuk 6 bulan minimum lawatan ke universiti kedua. Setiap calon diwajibkan mempunyai dua Penyelia iaitu satu di universiti pertama dan satu lagi di universiti kedua. Calon perlu menyediakan dua proposal penyelidikan bagi dua universiti ini. Kandungan proposal mestilah berbeza lebih kurang 30% dari segi tajuk, masalah kajian dan objektif. Calon juga perlu menyediakan dua tesis iaitu satu untuk universiti pertama dan satu untuk universiti kedua. Pembentangan proposal dan peperiksaan viva voce boleh dijalankan serentak di kedua-dua universiti secara langsung dan menerusi video/tv conferencing.

Keperluan program 3DP ini adalah seperti berikut:

- (i) Calon ialah pelajar kedoktoran sepenuh masa sama ada di UTM atau Tokai University. Universiti utama ini dipanggil universiti pertama calon sementara universiti satu lagi ialah universiti kedua.
- (ii) Setiap calon yang menjadikan UTM sebagai universiti pertama perlu mengambil Ujian Kelayakan bagi kemasukan ke dalam program Ijazah Kedoktoral di Tokai University. Calon layak mendaftar di Tokai University sebagai universiti kedua sekiranya lulus ujian ini.

Program ini tidak menjejaskan semua program Ijazah Kedoktoran sediaada di UTM. Sebaliknya ia menambah nilai program pengajian siswazah di mana seorang calon yang berjaya boleh memperolehi dua Ijazah Kedoktoran dalam satu masa.

■ 2.0
PERANCANGAN AKTIVITI

(1) Perancangan aktiviti program PhD secara kerja kursus dan penyelidikan (mod campuran) di Fakulti Pendidikan

Secara umumnya program PhD secara mod campuran di Fakulti Pendidikan mempunyai 52 kredit (54%) disertasi dan 44 kredit (46%) kerja kursus. Setakat ini Fakulti Pendidikan menawarkan 6 program PhD yang dilaksanakan secara mod campuran (penyelidikan dan kerja kursus). Bagi memastikan program PhD tersebut sentiasa mendapat permohonan daripada calon, pelbagai aktiviti telah dirancang. Beberapa aktiviti juga akan dilaksanakan bagi memastikan pelajar graduan dalam tempoh pengajian minimum iaitu 3 tahun. Aktiviti tersebut bersama milestones adalah:

Bil	Aktiviti Meningkatkan Bilangan Enrolmen	6 bulan pertama	6 bulan kedua
1.	Promosi program PhD mod campuran ke Institut Perguruan Malaysia (Johor dan Melaka)	●	●
2.	Pertingkatkan bilangan graduate faculty dalam bidang pengajian PhD mod campuran		●

■ Milestone 1
Promosi ke IPGM Johor

■ Milestone 2
Promosi ke IPGM Melaka

■ Milestone 3
Temubual 10 calon graduate faculty dalam 6 bidang yang berkaitan

Bil	Aktiviti Memastikan Pelajar Graduan dalam Tempoh Pengajian Minimum	6 bulan pertama	6 bulan kedua
1.	Menganjurkan bengkel dan kursus yang membantu pelajar dalam pengajian	●	●
2.	Melaksanakan penyeliaan disertasi menerusi panel penyelia.	●	

■ Milestone 1
Bengkel Penyediaan Cadangan Penyelidikan

■ Milestone 2
Bengkel Mereka bentuk Instrumen Kajian

■ Milestone 3
Melantik panel penyelia yang terdiri daripada 4 orang penyelia yang berpengalaman.

(2) Nilai tambah Program PhD Sediada

Universiti telah merancang beberapa lagi Program Kedoktoran yang boleh memberi nilai tambah kepada program pengajian siswazah di UTM dan di antara program-program yang dicadangkan adalah seperti :

- (a) PhD - Double Degree
Program Double Degree bermaksud dua Ijazah yang diberikan bagi program yang sama oleh dua universiti yang berbeza dalam satu tempoh pengajian.

(b) PhD Penerbitan

Program Kedoktoran ini bermaksud pelajar boleh mengemukakan tesis untuk peperiksaan lisan (viva-voce) dalam jangkamasa pendek seperti 2 tahun dengan syarat penerbitan artikel jurnal berwasit dengan impak faktor yang ditentukan oleh fakulti mengikut bidang masing-masing.

(c) PhD secara Portfolio

Program ini adalah program kedoktoran yang khusus untuk golongan professional yang bekerja di sesebuah organisasi di mana Ijazah ini boleh dihasilkan secara gabungan kelulusan akademik dan pengalaman ataupun praktikal di tempat kerja.

(d) PhD Kolaboratif

PhD yang ditawarkan di UTM di mana Penyelia Utama adalah dari UTM dan Penyelia kedua adalah dari luar negara yang mana pelajar akan pergi ke luar negara sebagai sebahagian daripada penyelidikan mereka. Program ini akan memberi faedah kepada seseorang pelajar seperti mereka dapat memanfaatkan alat-alat kajian penyelidikan yang canggih / termaju yang disediakan di sesebuah universiti itu di samping kemudahan kepakaran penyelidik-penyelidik terkenal.

■ 3.0
PELAKSANAAN AKTIVITI

Keanyakan fakulti di UTM seperti Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah melaksanakan Program Dual Degree manakala program PhD berbentuk Kolaboratif juga telah dilaksanakan oleh kebanyakan fakulti di UTM dengan universiti-universiti ternama.

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

(1) Bagi program PhD mod campuran di Fakulti Pendidikan, program tersebut telah mempunyai enrolmen yang tertentu dan sebahagian pelajar telah bergraduan. Keenam-enam program tersebut telah mula ditawarkan sejak dari tahun 1993 sehingga kini. Peratus pelaksanaan ialah 80% kerana telah ada pelajar yang bergraduan.

Isu yang timbul ialah bilangan enrolmen dalam sesuatu program yang agak kecil yang menyebabkan penawaran sesuatu kursus hanya untuk bilangan pelajar yang kurang daripada 5 orang pada suatu semester.

(2) Statistik pencapaian projek adalah seperti laporan berikut:

(a) Statistik Graduan PHD Mengikut Program 2005 – 2009 seperti di Jadual A.

(b) Statistik Enrolmen Pelajar PHD Mengikut Program 2005 – 2009 seperti di Jadual B.

(c) Statistik Bilangan Pelajar PHD Yang Mendaftar Mengikut Program 2005 – 2009 seperti di Jadual C.

(d) Statistik Bilangan Calon PHD Yang Ditawarkan Mengikut Program 2005 – 2009 seperti di Jadual D.

(e) Statistik Bilangan Permohonan PHD Mengikut Program 2005 – 2009 seperti di Jadual E.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

UTM sedang giat memenuhi syarat-syarat dan segala usaha-usaha untuk mencapai "Research University" (Universiti Penyelidikan) dalam jangkamasa tempoh dua tahun ini. Penting bagi UTM mendapat status "Research University" kerana universiti akan mendapat peruntukan kewangan yang besar daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi menjalankan projek-projek penyelidikan. Secara tidak langsung juga ia boleh membantu memperbanyakkan jumlah daya tarikan pelajar dalam dan luar negara untuk menyambung pengajian secara penyelidikan di peringkat PhD (Kedoktoran).

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah (SPS),

JADUAL A- STATISTIK GRADUAN PHD MENGIKUT PROGRAM 2005 – 2009

Kod	Keterangan	2005	2006	2007	2008	2009
EDA	Doktor Kejuruteraan (Pengurusan Perniagaan Kejuruteraan)	1	6	1	1	
PPB	Doktor Falsafah (Bimbingan Dan Kaunseling)	1	0	1	0	
PPC	Doktor Falsafah (Kurikulum Dan Pengajaran)	0	0	0	1	
PPD	Doktor Falsafah (Pendidikan Dan Pembangunan)	0	0	1	0	
PPE	Dok. Fal. (Psikologi Pendidikan)	0	0	1	1	
PPU	Doktor Falsafah (Pengukuran Dan Penilaian)	0	0	1	1	

JADUAL B- STATISTIK ENROLMEN PELAJAR
PHD MENGIKUT PROGRAM 2005 - 2009

Kod	Keterangan	2005	2006	2007	2008	2009
EAA	Doktor Kejuruteraan (Teknologi Dan Pengurusan Pembinaan)	4	6	8	8	13
EDA	Doktor Kejuruteraan (Pengurusan Perniagaan Kejuruteraan)	40	28	28	25	25
EKL	Doktor Kejuruteraan (Pengurusan Loji Proses)					4
PCM	Doktor Falsafah (Sistem Maklumat)					21
PLE	Doktor Falsafah (Pendidikan Kejuruteraan)			27	20	21
PPA	Doktor Falsafah (Pengurusan Dan Pentabdiran)	8	8	8	15	20
PPB	Doktor Falsafah (Bimbingan Dan Kaunseling)	14	11	13	23	29
PPC	Doktor Falsafah (Kurikulum Dan Pengajaran)	2	2	2	9	11
PPD	Doktor Falsafah (Pendidikan Dan Pembangunan)	4	3	4	6	9
PPE	Dok. Fal. (Psikologi Pendidikan)	5	9	10	14	18
PPU	Doktor Falsafah (Pengukuran Dan Penilaian)	2	2	2	5	7

**JADUAL C- STATISTIK BILANGAN PELAJAR PHD
YANG MENDAFTAR MENGIKUT PROGRAM 2005 - 2009**

Kod	Keterangan	2005	2006	2007	2008	2009
EAA	Doktor Kejuruteraan (Teknologi Dan Pengurusan Pembinaan)	1	3	2	1	5
EDA	Doktor Kejuruteraan (Pengurusan Perniagaan Kejuruteraan)	5	3	6	3	4
EKL	Doktor Kejuruteraan (Pengurusan Loji Proses)					4
PAW	Doktor Falsafah (Kejuruteraan Awam)	17	17	22	35	53
PCM	Doktor Falsafah (Sistem Maklumat)					19
PCS	Doktor Falsafah (Sains Komputer)	29	37	60	61	80
PLE	Doktor Falsafah (Pendidikan Kejuruteraan)			27		1
PPA	Doktor Falsafah (Pengurusan Dan Pentabdiran)	3	1		6	7
PPB	Doktor Falsafah (Bimbingan Dan Kaunseling)	5	1	4	10	7
PPC	Doktor Falsafah (Kurikulum Dan Pengajaran)	1			7	3
PPD	Doktor Falsafah (Pendidikan Dan Pembangunan)	1	1	1	4	3
PPE	Dok. Fal. (Psikologi Pendidikan)	2	5		5	7
PPU	Doktor Falsafah (Pengukuran Dan Penilaian)	1		1	3	3

**JADUAL D- STATISTIK BILANGAN CALON PHD
YANG DITAWARKAN MENGIKUT PROGRAM 2005 - 2009**

Kod Kursus	Keterangan	2005	2006	2007	2008	2009
EAA	Doktor Kejuruteraan (Teknologi Dan Pengurusan Pembinaan)	4	2	3	5	9
EDA	Doktor Kejuruteraan (Pengurusan Perniagaan Kejuruteraan)	5	6	8	7	7
EKL	Doktor Kejuruteraan (Pengurusan Loji Proses)					5
PCM	Doktor Falsafah (Sistem Maklumat)					42
PCP	Doktor Kejuruteraan Perisian					11
PLE	Doktor Falsafah (Pendidikan Kejuruteraan)			39		2
PPA	Doktor Falsafah (Pengurusan Dan Pentabdiran)	7	5	4	9	18
PPB	Doktor Falsafah (Bimbingan Dan Kaunseling)	4	2	4	16	13
PPC	Doktor Falsafah (Kurikulum Dan Pengajaran)	1		1	9	12
PPD	Doktor Falsafah (Pendidikan Dan Pembangunan)	1	1	1	3	15
PPE	Dok. Fal. (Psikologi Pendidikan)	2	7	3	15	18
PPU	Doktor Falsafah (Pengukuran Dan Penilaian)	1		2	5	5

**JADUAL E- STATISTIK BILANGAN PERMOHONAN PHD
MENGIKUT PROGRAM 2005 - 2009**

Kod Kursus	Keterangan	2005	2006	2007	2008	2009
EAA	Doktor Kejuruteraan (Teknologi Dan Pengurusan Pembinaan)	7	3	13	13	21
EDA	Doktor Kejuruteraan (Pengurusan Perniagaan Kejuruteraan)	18	10	17	14	26
EKL	Doktor Kejuruteraan (Pengurusan Loji Proses)				1	8
PCM	Doktor Falsafah (Sistem Maklumat)					56
PCP	Doktor Kejuruteraan Perisian					26
PLE	Doktor Falsafah (Pendidikan Kejuruteraan)			40		3
PPA	Doktor Falsafah (Pengurusan Dan Pentabdiran)	8	6	8	12	30
PPB	Doktor Falsafah (Bimbingan Dan Kaunseling)	5	4	6	21	17
PPC	Doktor Falsafah (Kurikulum Dan Pengajaran)	1	2	4	10	16
PPD	Doktor Falsafah (Pendidikan Dan Pembangunan)	2	2	1	3	20
PPE	Dok. Fal. (Psikologi Pendidikan)	3	8	5	19	26
PPU	Doktor Falsafah (Pengukuran Dan Penilaian)	3		2	6	7

TAJUK AKTIVITI

Mewujudkan Program Khusus bagi Menggalakkan Staf Akademik yang Tidak Berjaya Menghabiskan Pengajian PhD untuk Menamatkan Pengajian Mereka

OBJEKTIF STRATEGIK

Mencapai 60,000 pemegang PhD di Malaysia pada tahun 2023

IPTA

Universiti Utara Malaya (UUM)

■ 1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Jawatankuasa MyBrain15 telah merancang program khusus bagi menggalakkan Staf Akademik yang tidak berjaya menamatkan pengajian PhD untuk meneruskan pengajian mereka sehingga berjaya mendapat PhD.

■ 2.0

PERANCANGAN AKTIVITI

Pelbagai aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan untuk menjayakan usaha menggalakkan staf akademik yang tidak berjaya menghabiskan pengajian PhD. untuk menamatkan pengajian mereka. Proses ini amat penting sebagai platform untuk memastikan pengajian PhD kumpulan Staf Akademik ini akan berterusan.

■ 3.0

PELAKSANAAN AKTIVITI

Aktiviti-aktiviti di bawah program ini adalah:

- (1) Bengkel Pemurnian Skim Latihan (Pengajian Peringkat PhD).
- (2) Cadangan melantik penasihat dari kalangan Profesor untuk setiap Staf Akademik yang tidak berjaya menghabiskan pengajian PhD.
- (3) Perbincangan CAP MyBrain15 dengan Dekan Pengajian Siswazah dan Penyelidikan Kolej.
- (4) Cadangan untuk kemudahan insentif pengurangan yuran pengajian kepada Staf Akademik yang tidak berjaya menghabiskan pengajian PhD untuk meneruskan pengajian PhD di UUM secara sambilan.
- (5) Kelab MyBrain15
- (6) Kolokium MyBrain15
- (7) Mesyuarat Penyelarasan Program PhD MyBrain15
- (8) Cadangan mengurangkan beban tugas bagi Staf Akademik yang tidak berjaya menghabiskan pengajian PhD yang dalam proses akhir menyiapkan PhD.
- (9) Cadangan Penilaian Prestasi tahunan Staf Akademik yang tidak berjaya menghabiskan pengajian PhD yang sedang meneruskan pengajian PhD secara sambilan dinilai berdasarkan kemajuan penyediaan tesis.

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

Bil	Aktiviti	Pencapaian
4.1	Bengkel Pemurnian Skim Latihan (Pengajian Peringkat PhD).	100%
4.2	Cadangan melantik penasihat dari kalangan Profesor untuk setiap Staf Akademik yang tidak berjaya menghabiskan pengajian PhD.	50%
4.3	Perbincangan Institutional Project Management Office (iPMO) MyBrain15 dengan Dekan Pengajian Siswazah dan Penyelidikan Kolej.	100%
4.4	Cadangan untuk kemudahan insentif pengurangan yuran pengajian kepada Staf Akademik yang tidak berjaya menghabiskan pengajian PhD samada yang sedang/akan meneruskan pengajian PhD di UUM secara sambilan.	100%
4.5	Penubuhan Kelab MyBrain15	50%
4.6	Kolokium MyBrain15	0%
4.7	Mesyuarat Penyelarasan Program PhD MyBrain15	0%
4.8	Cadangan mengurangkan beban tugas bagi Staf Akademik yang tidak berjaya menghabiskan pengajian PhD yang dalam proses akhir menyiapkan PhD.	100%
4.9	Cadangan Penilaian Prestasi tahunan Staf Akademik yang tidak berjaya menghabiskan pengajian PhD yang sedang meneruskan pengajian PhD secara sambilan dinilai berdasarkan kemajuan penyediaan tesis.	0%

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Dengan pelbagai aktiviti yang dirancang dan telah dilaksanakan, MyBrain15 mensasarkan 60% Staf Akademik yang tidak berjaya menghabiskan pengajian PhD akan menamatkan pengajian mereka dalam tempoh 2 tahun. Pencapaian ini akan memberi sumbangan yang bermakna kepada hasrat universiti untuk menambah bilangan tenaga akademik yang berkelulusan PhD.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Ahli Jawatankuasa MyBrain15
Universiti Utara Malaysia

Pendaftar

Dekan
Pengajian Siswazah dan Penyelidikan Kolej

TAJUK AKTIVITI

Melantik Profesor Ternama sebagai Profesor Pelawat

OBJEKTIF STRATEGIK

Mencapai 60,000 pemegang PhD di Malaysia pada tahun 2023

IPTA

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

1.0**LATAR BELAKANG AKTIVITI**

Selaras dengan usaha untuk memantapkan program pasca siswazah UiTM, universiti telah mengatur strategi bagi melantik ahli akademik tersohor dari dalam dan luar negara. Aktiviti utama ini perlu bagi membantu meningkatkan budaya keserjanaan serta membawa masuk inovasi dan perkembangan ilmu yang terkini. Usaha ini akan dapat menyemarakkan kerja-kerja penyelidikan yang berkualiti. Lantikan profesor tersohor secara khususnya akan menjadi satu faktor tarikan bagi bakal-bakal pelajar PhD UiTM.

Peratusan pensyarah UiTM yang berkecualan PhD sehingga 1 Oktober 2009 adalah 12.4% daripada keseluruhan bilangan tenaga pengajar. Oleh itu aktiviti utama ini amat penting bagi menyokong sumber tenaga pengajar penyeliaan pelajar PhD ke arah mencapai lebih ramai pelajar dari dalam dan luar negara untuk mengikuti pengajian PhD di UiTM.

2.0**PERANCANGAN AKTIVITI****AKTIVITI****Melantik Profesor ternama sebagai profesor pelawat**

Milestone 1	Pelantikan Profesor pelawat dari dalam dan luar negara
Deliverables	Senarai nama lantikan baru
Milestone 2	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengenalpasti Fakulti yang berpotensi untuk melantik profesor pelawat 2. Menambah skop tugas dan tanggungjawab profesor pelawat dengan kerja-kerja penyeliaan
Deliverables	<ol style="list-style-type: none"> 1. Senarai nama Fakulti yang berpotensi untuk melantik profesor pelawat 2. Senarai nama profesor pelawat yang berpotensi untuk dilantik 3. Senarai tugas dan tanggungjawab profesor pelawat
Milestone	Lantikan profesor pelawat
Deliverables	<ol style="list-style-type: none"> 1. Senarai nama dan pertambahan 5% dalam pelantikan profesor pelawat 2. Senarai penyeliaan (bersama) pelajar PhD (1:2)
Milestone 3	Lantikan profesor pelawat
Deliverables	<ol style="list-style-type: none"> 1. Senarai nama dan pertambahan 10% dalam pelantikan profesor pelawat 2. Senarai penyeliaan (bersama) pelajar PhD (1:3)

3.0**PELAKSANAAN AKTIVITI**

Sebagai sebuah universiti yang mempunyai lebih daripada 300 program yang meliputi tiga gugusan Sains & Teknologi, Sains Sosial & Kemanusiaan dan Pengurusan & Perniagaan, keperluan pakar intelektual bagi setiap fakulti di ketiga-tiga gugusan ini adalah berbeza. Sehubungan itu, kategori lantikan adalah dipelbagaikan; ini termasuk:

1. Profesor Pelawat Utama (Dalam Negara)
2. Profesor Pelawat Kanan (Dalam Negara)
3. Profesor Pelawat (Dalam Negara)
4. Profesor Madya Pelawat (Dalam Negara)

5. Profesor Pelawat Utama (Luar Negara)
6. Profesor Pelawat Kanan (Luar Negara)
7. Profesor Pelawat (Luar Negara)
8. Profesor Madya Pelawat/ (Luar Negara)
9. Pensyarah Pelawat (Luar Negara)

Berikut adalah proses pelantikan profesor pelawat:

1. Fakulti mengemukakan cadangan untuk melantik tenaga pakar untuk berkhidmat secara berkala ataupun dalam masa jangka sederhana/panjang (berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik). Fakulti perlu merangka aktiviti dan menetapkan KPI pelantikan yang dicadangkan.
2. Cadangan disemak (disokong/tidak disokong) oleh Jawatankuasa Kecil Lantikan Akademia.
3. Cadangan yang disokong akan dibentangkan di Mesyuarat Senat untuk disahkan.
4. Pemantauan berkala oleh Fakulti dan Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM.

■ 4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

1. Garis panduan lantikan ahli akademik dalam dan luar negara telah dimantapkan.
2. Untuk tahun 2009, 30 profesor pelawat telah dilantik berdasarkan beberapa kategori (seperti yang telah dinyatakan di bahagian 4.0)

■ 5.0 RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

Aktiviti ini akan terus dijalankan dan dipergiatkan bagi meningkatkan bilangan penglibatan profesor ternama dari dalam dan luar negara. Fakulti harus bergerak secara agresif dalam mengenalpasti profesor ternama dan mengambil inisiatif dalam melantik mereka sebagai profesor pelawat UiTM. Usaha ini selaras dengan objektif UiTM untuk memperbanyakkan dan menyokong sumber tenaga akademik ke arah menambahkan bilangan pelajar PhD.

■ 6.0 PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Pengarah Pembangunan Akademik
Bahagian Hal Ehwal Akademik

TAJUK AKTIVITI

Mewujudkan Pelan untuk Mewajibkan Staf Akademik Meningkatkan Kelayakan ke Peringkat PhD

OBJEKTIF STRATEGIK

Mencapai 60,000 pemegang PhD di Malaysia pada tahun 2023

IPTA

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

1.0**LATAR BELAKANG AKTIVITI**

Sebagai sebuah universiti komprehensif, UiTM perlu mengimbangi aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan aktiviti penyelidikan. Dalam usaha untuk menjadikan kampus Shah Alam sebagai kampus yang mengkhusus kepada program pasca siswazah, UiTM harus bertindak lebih agresif dalam merancang peningkatan kelayakan staf akademik ke peringkat PhD. Ini adalah perlu bagi:

- Memastikan objektif UiTM untuk memantapkan aktiviti penyelidikan tercapai; dan
- Meningkatkan jumlah peratusan pemegang PhD yang rendah berbanding dengan saiz UiTM yang besar.

2.0**PERANCANGAN AKTIVITI****AKTIVITI**

Mewujudkan pelan untuk mewajibkan staf akademik meningkatkan kelayakan ke peringkat PhD.

Milestone 1	Menyiapkan kertas kerja untuk pertimbangan Jawatankuasa Eksekutif
Deliverables	Kertas kerja siap untuk dibentangkan
Milestone 2	Mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Eksekutif
Deliverables	Kelulusan dari Jawatankuasa Eksekutif
Milestone 3	Melaksanakan pelan mewajibkan staf akademik UiTM untuk meningkatkan kelayakan mereka ke peringkat PhD
Deliverables	Senarai staf akademik yang akan melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD
Milestone 4	Menyemak pelaksanaan pelan dan mengambil langkah-langkah penambahbaikan
Deliverables	Dokumen mengenai pelan yang telah disemak dan dikemaskini

3.0**PELAKSANAAN AKTIVITI**

Bagi merealisasikan penambahan peningkatan kelayakan staf akademik UiTM ke tahap PhD secara lebih berkesan, berikut adalah pelan tindakan yang akan dilaksanakan:

- (1) Memastikan staf akademik baru (lantikan pada tahun 2010) melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah kedoktoran PhD sebelum tamat tempoh tujuh (7) tahun berkhidmat.
- (2) Memastikan staf akademik yang dilantik di antara tahun 2005 dan 2009 untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah kedoktoran PhD sebelum tamat tempoh sepuluh (10) tahun berkhidmat.
- (3) Menggalakkan staf akademik yang dilantik sebelum tahun 2005 untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah kedoktoran PhD.
- (4) Menggalakkan staf akademik yang melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD untuk menamatkan pengajian dalam tempoh 3 tahun dengan pemberian insentif iaitu tiga kenaikan tangga gaji.

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

Pelan tindakan ini telah dibentangkan kepada ahli Jawatankuasa Induk MyBrain15 untuk proses pemurnian sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Eksekutif universiti.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Aktiviti ini akan terus dijalankan dan dipergiatkan bagi menambahkan bilangan staf akademik mengikuti pengajian di peringkat PhD.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Pengarah Pembangunan Akademik
Bahagian Hal Ehwal Akademik

TAJUK AKTIVITI

Menambahbaik Sistem Lantikan Felo Akademik Berkelayakan PhD

OBJEKTIF STRATEGIK

Mencapai 60,000 pemegang PhD di Malaysia pada tahun 2023

IPTA

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

1.0**LATAR BELAKANG AKTIVITI**

UiTM harus merangka strategi bagi menerap unsur-unsur penyelidikan kepada staf akademik secara berkesan. Usaha ini selaras dengan matlamat UiTM untuk meningkatkan bilangan pelajar pasca siswazah dan staf akademik yang berkelayakan PhD.

Aktiviti ini berkait dengan usaha penambahbaikan sistem lantikan felo akademik dengan penekanan kepada mereka yang telah mempunyai kelayakan PhD dari dalam dan luar negara. Dengan pertumbuhan staf akademik berkelayakan PhD, ini akan (1) dapat menyemarakkan aktiviti penyelidikan dan perundingan, dan (2) dapat menambah bilangan tenaga sumber penyeliaan pelajar PhD.

2.0**PERANCANGAN AKTIVITI****AKTIVITI****Menambahbaik sistem lantikan felo akademik berkelayakan PhD**

Milestone 1	1. Mengemaskini garis panduan lantikan felo akademik dalaman 2. Melantik felo lantikan luar daripada pelbagai kategori
Deliverables	1. Kelulusan Jawatankuasa Eksekutif UiTM bagi garis panduan lantikan felo akademik dalaman 2. Senarai felo akademik lantikan dalaman dan luaran
Milestone 2	Mengenalpasti Fakulti dan COE yang berpotensi untuk melantik felo akademik
Deliverables	Senarai nama Fakulti dan COE yang berpotensi untuk melantik felo akademik
Milestone 3	Lantikan felo akademik dalaman dan luaran
Deliverables	Senarai nama dan pertambahan 5% dalam pelantikan felo akademik dalaman dan luaran
Milestone 4	Lantikan felo akademik dalaman dan luaran
Deliverables	Senarai nama dan pertambahan 10% dalam pelantikan felo akademik dalaman dan luaran

3.0**PELAKSANAAN AKTIVITI**

Aktiviti ini dijalankan melalui dua jenis usaha yang merangkumi penambahbaikan sistem lantikan (1) felo akademik di kalangan pensyarah UiTM, dan (2) felo akademik dari luar ke UiTM.

1. Felo akademik dalaman UiTM

Garis panduan sedia ada ditambahbaik dengan memansuhkan semua jawatan felo pentadbiran oleh staf akademik. Usaha ini selaras dengan objektif UiTM untuk menggalakan penglibatan staf akademik di dalam kerja-kerja intelektual termasuk penyelidikan dan perundingan. Kumpulan staf yang terlibat dapat membantu dalam kerja penyeliaan pelajar PhD UiTM.

2. Felo akademik dari luar ke UiTM

Lantikan felo akademik dari luar dilakukan melalui pelbagai kategori; ini termasuk:

- a. Felo Utama (Dalam Negara)
- b. Felo Utama (Luar Negara)
- c. Felo Kanan (Dalam Negara)
- d. Felo Kanan (Luar Negara)

Usaha-usaha ini akan membantu menyokong sumber tenaga sedia ada untuk penyelidikan dan penyeliaan di UiTM dalam menambahkan bilangan pelajar PhD.

■ 4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

Kertas kerja pemansuhan felo pentadbiran telah diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif. Dengan pemansuhan ini, 41 pensyarah yang sebelum ini adalah felo pentadbiran, kini dijangka dapat menyumbangkan tenaga dan kepakaran ke arah menambahkan bilangan pelajar PhD UiTM melalui kerja-kerja penyelidikan dan penyeliaan.

Bagi tahun 2009, seramai lima lantikan telah dibuat bagi felo akademik dari luar ke UiTM. Mereka ini merupakan sumber tenaga yang pakar dalam sesuatu bidang pengkhususan.

■ 5.0 RUMUSAN DAN PROJEK AKAN DATANG

Aktiviti akan terus dijalankan dan dipergiatkan bagi menambahkan bilangan pelajar PhD. Fakulti dan COE perlu lebih agresif dalam mengenalpasti dan menjalinkan hubungan dengan tenaga akademik yang pakar dalam bidang pengkhususan masing-masing untuk dilantik sebagai felo akademik UiTM.

■ 6.0 PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Pengarah Pembangunan Akademik
Bahagian Hal Ehwal Akademik

TAJUK AKTIVITI

Memantapkan Proses Penawaran Biasiswa Peringkat PhD kepada Pelajar Cemerlang

OBJEKTIF STRATEGIK

Mencapai 60,000 pemegang PhD di Malaysia pada tahun 2023

IPTA

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

■ 1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Sejajar dengan matlamat MyBrain 15, UiTM harus menambah dan mempercepatkan tempoh menghasilkan pensyarah yang berkelayakan PhD. Pada September 2009, Senat UiTM telah menyarankan agar semua Dekan Fakulti dan pihak yang terlibat mengkaji polisi dan strategi dalam usaha menambahkan bilangan pelajar siswazah dari kalangan pelajar program Ijazah Sarjana Muda yang cemerlang. Aktiviti utama ini merupakan salah satu strategi yang telah dicadangkan.

■ 2.0

PERANCANGAN AKTIVITI**AKTIVITI**

Memantapkan proses penawaran biasiswa peringkat PhD kepada pelajar cemerlang

Milestone 1	Mengenalpasti pelajar tahun akhir program Ijazah Sarjana Muda yang cemerlang
Deliverables	Senarai pelajar tahun akhir yang akan ditawarkan skim Tenaga Pengajar Muda
Milestone 2	Menawarkan biasiswa kepada pelajar cemerlang untuk melanjutkan pengajian terus ke peringkat Sarjana dan PhD
Deliverables	Senarai pelajar tahun akhir yang akan ditawarkan skim Tenaga Pengajar Muda
Milestone 3	Memantau pelaksanaan skim penawaran biasiswa peringkat PhD kepada pelajar cemerlang
Deliverables	1. Senarai pelajar yang ditawarkan skim Tenaga Pengajar Muda 2. Laporan pencapaian prestasi tahunan pemegang biasiswa
Milestone 4	Mengenalpasti pelajar yang tamat pengajian (dalam tempoh 3 tahun)
Deliverables	Senarai pelajar yang bergraduasi dalam tempoh 3 tahun pengajian PhD
Milestone	Mengenalpasti pelajar yang tamat pengajian (dalam tempoh 4 tahun)
Deliverables	Senarai pelajar yang bergraduasi dalam tempoh 4 tahun pengajian PhD

■ 3.0

PELAKSANAAN AKTIVITI

Pelajar yang cemerlang dan skim biasiswa yang ditawarkan telah dibahagikan kepada beberapa kategori:

- (1) Pelajar yang mendapat CGPA 3.0 ke atas ditawarkan skim tenaga pengajar muda untuk meneruskan pengajian ke peringkat Sarjana.
- (2) Pelajar yang mendapat CGPA 3.5 ke atas ditawarkan biasiswa terus ke peringkat PhD.
- (3) Bayaran elaun sara hidup (bagi pasangan dan seorang anak) diwujudkan untuk menarik minat lebih ramai tenaga pengajar yang berpotensi menyertai skim TPM.
- (4) Elaun tutor TPM dinaikkan dari RM1,500 sebulan kepada RM2,300.

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

Bagi biasiswa program Ijazah Sarjana dan Kedoktoran sesi 2009/2010, sebanyak 58 biasiswa (20 ijazah sarjana dan 38 ijazah kedoktoran) telah ditawarkan kepada calon-calon di bawah skim tenaga pengajar muda (TPM).

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Aktiviti ini akan mempercepatkan proses penyempurnaan PhD dalam tempoh 3 – 4 tahun dan mengurangkan peratus kegagalan. Aktiviti ini akan dijalankan secara berterusan.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Pengarah Pembangunan Akademik
Bahagian Hal Ehwal Akademik

TAJUK AKTIVITI

Menawarkan Program PhD di Centre of Excellence (COE).

OBJEKTIF STRATEGIK

Mencapai 60,000 pemegang PhD di Malaysia pada tahun 2023

IPTA

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

1.0**LATAR BELAKANG AKTIVITI**

Aktiviti ini bertujuan untuk memperkasakan fungsi COE dengan menggalakkan COE untuk menawarkan program PhD berdasarkan (1) geran penyelidikan yang diperolehi, (2) penyelidikan dalam bidang yang khusus dan (3) penyelidikan antara disiplin.

2.0**PERANCANGAN AKTIVITI****AKTIVITI****Menawarkan program PhD di COE**

Milestone 1	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyiapkan kertas kerja untuk menawar program baru PhD oleh COE 2. Mengenalpasti program PhD sedia ada yang boleh ditawarkan oleh COE dan Fakulti
Deliverables	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kertas kerja penawaran program baru PhD oleh COE 2. Senarai program PhD sedia ada yang boleh ditawarkan oleh COE dan Fakulti
Milestone 2	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendapat kelulusan KPT untuk menjalankan program baru PhD 2. Memastikan COE menawar program PhD sedia ada
Deliverables	<ol style="list-style-type: none"> 1. Senarai program PhD yang berjaya mendapatkan kelulusan dari KPT 2. Senarai nama pelajar yang mengikuti pengajian PhD program sedia ada di COE
Milestone 3	Menjalankan program baru PhD di COE
Deliverables	Senarai nama pelajar yang mengikuti program baru dan program sedia ada peringkat PhD di COE

3.0**PELAKSANAAN AKTIVITI**

Penawaran dan pelaksanaan program PhD di COE dijalankan mengikut dua model:

1. Gunasama kepakaran fakulti-COE

Program PhD yang ditawarkan berdasarkan model ini merangkumi program sedia ada fakulti tetapi menggunakan kepakaran dan bidang pengkhususan yang dimiliki oleh COE.

2. Program baru

Program PhD yang ditawarkan berdasarkan model ini merupakan program yang meliputi bidang baru (selain dari program sedia ada di Fakulti).

4.0**PENCAPAIAN AKTIVITI**


Kertas kerja untuk program PhD (Transport & Logistics), di bawah COE MITRANS UiTM telah dibentangkan kepada Senat untuk tujuan pemakluman pada September 2009.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Aktiviti ini merupakan satu platform baru bagi menambahkan bilangan pelajar dan program PhD yang ditawarkan oleh universiti dengan menggunakan kepakaran COE. Penawaran program baru PhD di COE akan terus dipergiatkan secara berterusan.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Pengarah Pembangunan Akademik
Bahagian Hal Ehwal Akademik



governance

cap: governan

1. Menyemak Semula Yuran Pelajar Pasca Siswazah dan Pelajar Antarabangsa (UM)
2. Menjana Pendapatan melalui Aktiviti Pelaburan dan Simpanan Tetap (UMP)
3. Menambahbaik Sistem Kutipan Pendapatan (Yuran Pengajian, Sewaan dan Sebagainya (UniMAP)
4. Menjana Pendapatan melalui Aktiviti Perundingan, Penyelidikan, Pengkomersilan dan Latihan (UPNM)

PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP)

GOVERNAN

TAJUK AKTIVITI

Menyemak Semula Yuran Pelajar Pasca Siswazah dan Pelajar Antarabangsa

OBJEKTIF STRATEGIK

Penjanaan Pendapatan : Mengurangkan kebergantungan IPTA terhadap bantuan kewangan kerajaan melalui penjanaan pendapatan

IPTA

Universiti Malaya (UM)

1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Kadar yuran siswazah dan juga yuran pelajar antarabangsa yang dikenakan pada masa sekarang adalah amat rendah berbanding dengan kadar yuran yang dikenakan oleh institut pengajian tinggi swasta (IPTS).

Pihak Universiti/Kerajaan perlu menanggung sejumlah kos sebagai subsidi kepada pelajar berkenaan. Pihak UM juga berpandangan bahawa adalah tidak wajar bagi UM ataupun kerajaan menanggung kos ini.

Di samping itu, Universiti Malaya, sama seperti pusat pengajian tinggi awam yang lain, telah diminta untuk meningkatkan penjanaan pendapatannya sendiri supaya dapat mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Lembaga Pengarah Universiti juga telah bersetuju supaya kadar yuran pelajar siswazah dikaji semula.

2.0

PERANCANGAN AKTIVITI

- (1) Mendapatkan persetujuan Pengurusan UM untuk menjalankan projek
- (2) Menubuhkan jawatankuasa kerja kajian yuran
- (3) Menjalankan kajian kos setiap pelajar bagi ijazah dasar dan ijazah tinggi
- (4) Menjalankan kajian kos yang dikenakan oleh IPTS dan IPTA serantau (Asia)
- (5) Membuat syor yuran yang sepatutnya dikenakan kepada Pengurusan Universiti, jawatankuasa yuran dan pihak berkuasa yang perlu
- (6) Pelaksanaan yuran yang baru

3.0

PELAKSANAAN AKTIVITI

- (1) Mendapatkan persetujuan Pengurusan UM untuk menjalankan projek – Bendahari
- (2) Menubuhkan jawatankuasa kerja kajian yuran – Pengurusan Universiti
- (3) Menjalan kajian kos setiap pelajar bagi ijazah dasar dan ijazah tinggi – Jawatankuasa kerja
- (4) Menjalankan kajian kos yang dikenakan oleh IPTS dan IPTA serantau (Asia) – Jawatankuasa kerja
- (5) Membuat syor yuran yang sepatutnya dikenakan kepada Pengurusan Universiti dan jawatankuasa yuran dan pihak berkuasa yang perlu – Jawatankuasa kerja
- (6) Perlaksanaan yuran yang baru – Institut Pengajian Siswazah (IPS) /Bendahari/ International Student Centre

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

- (1) Mendapatkan persetujuan Pengurusan UM untuk menjalan projek – 100% siap
- (2) Menubuhkan jawatankuasa kerja kajian Yuran -100% siap
- (3) Menjalan kajian kos setiap pelajar bagi ijazah dasar dan ijazah tinggi -50% siap
Isu – penentuan kadar “cost allocation” bagi kos tak langsung
- (4) Menjalankan kajian kos yang dikenakan oleh IPTS dan IPTA serantau (Asia) – 30% siap
- (5) Membuat syor yuran yang sepatutnya dikenakan kepada Pengurusan Universiti dan Jawatankuasa Yuran dan pihak berkuasa yang perlu – 0% siap
- (6) Perlaksanaan yuran yang baru – 0% siap

(Peratusan siap adalah status pada 19 Februari 2010)

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Jawatankuasa kerja akan bermesyuarat pada bulan Mac, 2010 bagi menentukan kadar “cost allocation” bagi kos tak langsung dan seterusnya menjalankan kajian yang diperlukan.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Pengawal Kewangan (Bendahari)

TAJUK AKTIVITI

Menjana Pendapatan melalui Aktiviti Pelaburan dan Simpanan Tetap UMP

OBJEKTIF STRATEGIK

Penjanaan Pendapatan : Mengurangkan kebergantungan IPTA terhadap bantuan kewangan kerajaan melalui penjanaan pendapatan

IPTA

Universiti Malaysia Pahang (UMP)

■ 1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Terdapat 2 jenis simpanan tetap yang dijalankan oleh Unit Pelaburan iaitu:-

- (1) Simpanan Tetap Jangka Panjang
 - Melibatkan jangka masa 1 – 5 tahun
 - Simpanan dibuat di institusi kewangan yang menawarkan kadar pulangan yang tinggi
- (2) Simpanan Jangka Pendek
 - Melibatkan jangka masa 1 – 6 bulan
 - Simpanan dibuat di institusi kewangan yang menawarkan kadar pulangan yang tinggi

■ 2.0

PELAKSANAAN AKTIVITI

- 1) Geran, yuran pengajian dan pendapatan-pendapatan lain yang diterima oleh Universiti dilaburkan di simpanan tetap jangka panjang atau jangka pendek berdasarkan kepada kedudukan aliran tunai.
- (2) Pilihan bank ditentukan berdasarkan kepada penawaran kadar pulangan yang lebih tinggi
- (3) Tempoh simpanan adalah berdasarkan kepada kedudukan aliran tunai

■ 3.0

PENCAPAIAN AKTIVITI

- (1) Hibah yang diterima oleh Universiti bagi tempoh Januari – Disember 2009 adalah sebanyak RM3.72 juta iaitu 31.3% daripada pendapatan-pendapatan lain Universiti.
- (2) Peratus pendapatan daripada simpanan tetap jangka panjang dan jangka pendek daripada geran yang diterima oleh Universiti adalah sebanyak 1.84%

■ 4.0

**RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG**

Selain daripada aktiviti simpanan tetap jangka panjang dan jangka pendek, Unit Pelaburan akan menjalankan aktiviti 'REPO' (merupakan salah satu pelaburan jangka pendek yang melibatkan pelaburan harian dan jumlah minimum pelaburan adalah sebanyak RM50,000). Aktiviti ini buat ke atas kecairan yang belum digunakan lagi berdasarkan kepada keadaan semasa baki wang di akaun semasa Universiti.

■ 5.0

**PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB**

Bendahari
Pegawai Kewangan

TAJUK AKTIVITI

Menambahbaik Sistem Kutipan Pendapatan (Yuran Pengajian, Sewaan dan Sebagainya)

OBJEKTIF STRATEGIK

Penjanaan Pendapatan : Mengurangkan kebergantungan IPTA terhadap bantuan kewangan kerajaan melalui penjanaan pendapatan

IPTA

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

■ 1.0

LATAR BELAKANG AKTIVITI

Aktiviti Utama Projek Agenda Kritikal PSPTN Governance dibawah penyeliaan Jabatan Bendahari adalah menjana pendapatan Universiti. Pada masa ini penjanaan pendapatan utama adalah melibatkan simpanan tetap di institusi kewangan selain dari kutipan yuran –yuran utama pelajar yang terdiri dari yuran pengajian dan yuran asrama. (penginapan). Hasil kutipan yuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sepanjang 2009 adalah sebanyak RM11,201,550.70, manakala pendapatan dari hasil simpanan tetap pula adalah sebanyak RM1,801,784.23.

UniMAP walaupun merupakan sebuah Universiti Awam baru yang ditubuhkan pada 2001, namun turut berusaha menjana pendapatan sendiri melalui pelbagai aktiviti tanpa bergantung penuh kepada peruntukan tahunan kerajaan. Aktiviti-aktiviti penjanaan kewangannya adalah berkait rapat dengan teras utamanya iaitu aktiviti kutipan yuran pengajian pelajar, yuran penginapan, kerja – kerja konsultansi dan penyewaan rumah tetamu . Manakala hasil pelaburan tanpa risikonya pula terdiri dari simpanan tetap di bank-bank perdagangan utama tempatan. Selain dari itu hasil jualan borang sebutharga dan tender Universiti turut menyumbang kepada sumber kewangan Universiti.

■ 2.0

PERANCANGAN AKTIVITI

Aktiviti – aktiviti penjanaan kewangan yang dirancang adalah seperti berikut :

- (1) Meningkatkan kutipan yuran pengajian dan Yuran Desa
- (2) Simpanan Tetap dengan kadar yang lebih menarik
- (3) Jualan borang-borang sebutharga/tender kepada bakal penender
- (4) Penyewaan Rumah Tetamu dengan lebih agresif dan teratur
- (5) Penyewaan alatan dan ruang UniMAP

■ 3.0

PELAKSANAAN AKTIVITI

Bahagian yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti yang dirancang adalah Unit Hasil & Akaun Pelajar dan Unit Penyelidikan di Jabatan Bendahari.

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

Pengukur Pencapaian	Baseline/ penanda aras 2008	Sasaran 2009			Pencapaian 2009
		MIN	Sasaran Dijangka	MAX	
Meningkatkan Penjanaan Kewangan	4 %	4 %	4.2 %	4.5 %	4.2%

Pada tahun 2009 pencapaian melebihi sasaran sebanyak 0.2% . Faedah simpanan tetap menyumbang sebanyak RM1,801,784.23 dan ini adalah dari hasil perancangan pelaburan yang bijak dan teliti. Pada masa yang sama bilangan pelajar yang meningkat menyumbang kepada kenaikan kutipan yuran pengajian.

Pengukur Pencapaian	Kekerapan Kutipan Data	Baseline/ penanda aras 2008	Sasaran 2009		
			MIN	Sasaran Dijangka	MAX
Meningkatkan Penjanaan Kewangan	6 bulan	4.2%	4.2 %	4.5 %	4.8 %

Sasaran tahun 2010 bagi meningkatkan Penjanaan Pendapatan difokuskan kepada 4.5% berbanding pencapaian sebenar sebanyak 4.2% untuk tahun 2009. Walaupun ekonomi kurang baik dan peruntukan mengurus tahun 2010 dikurangkan sebanyak 17%, namun Jabatan Bendahari optimis Universiti dapat mengekalkan peningkatan penjanaan pendapatannya. Perancangan dan strategi perlu mantap dan tumpuan yang lebih perlu dimulakan dari awal tahun. Namun semua ini memerlukan kerjasama lain-lain Pusat Tanggungjawab juga. Tanpa kesefahaman dan tanggungjawab usaha akan menjadi sukar.

■ 5.0
RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG

Aktiviti Yang Dirancang	Deliverable Dirancang
Meningkatkan kutipan yuran pengajian dan Yuran Desa	Pengurangan % yuran tertunggak
Simpanan Tetap dengan kadar yang lebih menarik	Peningkatan dalam faedah diterima
Simpanan REPO dengan bank-bank tempatan	Memperoleh faedah dari pelaburan
Jualan borang-borang sebutharga/tender kepada bakal penender	Peningkatan hasil jualan borang dari pertambahan sebutharga/tender melalui aktiviti di bawah Rancangan Malaysia ke 9
Penyewaan Rumah Tetamu dengan lebih agresif dan teratur	Peningkatan dalam kutipan sewa
Penyewaan alatan dan ruang UniMAP	Peningkatan dalam kutipan sewa
Meningkatkan kerja-kerja konsultansi UniMAP dengan badan-badan luar	Peningkatan sumbangan ke tabung pendapatan UniMAP
Menubuhkan Anak Syarikat UniMAP (UniMAP Holdings)	Ada aktiviti perniagaan

Dalam usaha peningkatan penjaanaan pendapatan, Jabatan Bendahari perlu lebih fokus dan peka kepada peluang persekitaran apatah lagi ketika berurusan dengan pelaburan jangka pendek tanpa risiko. Pada masa yang sama, Jabatan Bendahari perlu mendapat kerjasama dari pihak yang menguruskan rumah tetamu dan mereka yang terlibat dengan kerja konsultasi agar lebih melipat gandakan usaha dan strategi mereka dalam memasarkan produk dan kepakaran yang dimiliki kepada pelanggan luaran. Tanpa kerjasama yang erat dan saling faham memahami tanggungjawab meningkat dana Universiti, usaha tidak akan sampai kesasarannya.

■ 6.0
PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB

Pemilik Agenda
Projek Agenda Kritikal PSPTN Governance

Bendahari
Jabatan Bendahari

TAJUK AKTIVITI

Menjana Pendapatan melalui Aktiviti Perundingan, Penyelidikan, Pengkomersilan dan Latihan

OBJEKTIF STRATEGIK

Penjanaan Pendapatan : Mengurangkan kebergantungan IPTA terhadap bantuan kewangan kerajaan melalui penjanaan pendapatan

IPTA

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

■ 1.0
LATAR BELAKANG AKTIVITI

Pengurusan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia telah memutuskan untuk mewujudkan satu entiti komersial yang dinamakan UPNM Business Centre Sdn. Bhd. bagi menjadi jentera korporat sejajar dengan hasratnya untuk memainkan peranan aktif dalam sektor komersial, terutamanya industri pertahanan negara. Ini juga akan dapat menjana kewangan tambahan bagi Universiti dan dengan itu mengurangkan beban kewangan Kerajaan.

■ 2.0
PERANCANGAN AKTIVITI

UPNM Business Centre Sdn. Bhd. dirancang untuk terlibat dalam pelbagai aktiviti seperti berikut:

- (1) Perundingan
- (2) Penyelidikan dan pengkomersilan, terutamanya dalam industri pertahanan negara
- (3) Program Pendidikan Eksekutif
- (4) Latihan seperti program-program kepimpinan
- (5) Pengurusan aset dan perkhidmatan dalam kampus

■ 3.0
PELAKSANAAN AKTIVITI

Cadangan menubuhkan UPNM Business Centre Sdn. Bhd. telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 31 Disember 2009 dan akan didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat dalam sedikit masa lagi.

Setelah UPNM Business Centre Sdn. Bhd. didaftarkan, proses untuk mewujudkan Lembaga Pengarah Syarikat akan diadakan bagi menggubal strategi-strategi perniagaan syarikat di samping memulakan operasinya.

■ 4.0
PENCAPAIAN AKTIVITI

Perkara ini adalah masih dalam peringkat permulaan pada masa ini, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia adalah dalam proses mengkaji perjalanan pusat-pusat perniagaan yang matang di universiti-universiti awam yang lain seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, International Islamic University Malaysia dan sebagainya bertujuan untuk mendapatkan ilmu tambahan dan 'best practices' berdasarkan pengalaman mereka.

■ 5.0
**RUMUSAN DAN PROJEK
AKAN DATANG**

UPNM Business Centre Sdn. Bhd. dijangka menjadi satu entiti komersial yang bukan sahaja dapat membantu dalam membangunkan lagi industri pertahanan negara berdasarkan kepada pendekatan Blue Ocean Strategy dan kerjasama pintas (strategic partnership) tetapi juga dapat menjana kewangan baginya dan dengan itu dapat mengurangkan beban kewangan Kerajaan kelak.

■ 6.0
**PEGAWAI YANG
BERTANGGUNGJAWAB**

Penolong Naib Canselor
Perhubungan Industri dan Korporat

sidang editor

sidang editor

SIDANG EDITOR

PENASIHAT

YBhg. Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

PENGERUSI

Y.Brs. Prof. Madya Dr. Harshita Aini Haroon
Pejabat Pengurusan Program (PMO)

AHLI-AHLI

Y.Bhg. Dato' Nooraishah Ahmad Tajudin
Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT)

Cik Norina Jamaludin
Pejabat Pengurusan Program (PMO)

Puan Kahartini Abdul Rahman
Pejabat Pengurusan Program (PMO)

Puan Sarinah Sallip
Pejabat Pengurusan Program (PMO)

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
Blok E3, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 Putrajaya
www.mohe.gov.my